



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN SELANGOR  
SHAH ALAM**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA  
DATUK DR YUSOF HASLAM  
PENGARAH DAN PENERBIT FILEM DAN DRAMA**

**NUR ELIANA BINTI MOHAMAD AZHAR**

**(2020845182)**

**NURAQILAH BINTI SHAHIBUL FADZILAH**

**(2020849918)**

**SEMESTER OKTOBER 2022-FEBRUARI 2023**

## **ISI KANDUNGAN**

PERKARA	MUKA SURAT
<i>Abstrak</i>	i
<i>Penghargaan</i>	ii
<i>Singkatan Perkataan</i>	iii
1.0 Biodata Penemubual	1
2.0 Biodata Tokoh	2
3.0 Pengenalan	3-4
4.0 Kajian Literatur	5-9
5.0 Transkrip temubual	10-55
6.0 Log Temubual	55-57
7.0 Ralat	58
8.0 Ringkasan	59
9.0 Glosari	60
10.0 Indeks	61-65
11.0 Bibliografi	67-68
12.0 Lampiran	
12.1 Biografi Tokoh	
12.2 Surat Kebenaran Penyelidikan Akademik	
12.3 Surat Perjanjian	69-113
12.4 Surat Pengakuan Penerimaan Salinan Transkrip	
12.5 Senarai Soalan	
12.6 Proposal	
12.7 Diari Penyelidikan	
12.8 Gambar, Sijil dan Bahan yang berkaitan	

## ***Abstrak***

Transkrip Temubual Bersama Datuk Dr. Yusof Haslam,  
Pahlawan Industri Seni Hiburan

*Transkrip ini mengandungi temubual bersama Datuk Dr. Yusof Haslam yang bertujuan untuk mengetahui berkenaan latar belakang beliau sehingga menjadi terkenal sebagai seorang pelakon, pengarah, dan juga penerbit. Transkrip temubual ini dijalankan di pejabat beliau iaitu Scop Production yang terletak di Kuala Lumpur. Transkrip temubual ini berlangsung selama 1 jam 41 minit yang dilaksanakan pada 22 Disember 2022 pada jam 1 tengah hari. Beliau merupakan salah seorang artis veteran yang masih bergiat aktif dalam dunia seni hiburan kerana telah menceburkan diri dalam bidang seni ini lebih 40 tahun di mana beliau sudah menganjak ke usia 69 tahun pada tahun 2023. Walaupun usia beliau semakin meningkat lanjut, namun pembabitan beliau dalam dunia seni terutama sekali dalam bidang penerbitan amat menggalakkan. Pelbagai anugerah yang diterima oleh beliau di bawah syarikat penerbitannya sendiri, iaitu Scop Production. Dengan itu, temubual yang dijalankan ini menumpukan tentang biografi beliau itu sendiri sambil memfokuskan ke arah lakonan, pengarahan, dan penerbitan beliau terutama sekali yang berkaitan dengan drama dan filem aksi seperti Gerak Khas.*

### **Penghargaan**

Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat kami siapkan tugas yang diberikan ini. Pertama sekali, kami Nur Eliana Binti Mohamad Azhar dan Nuraqilah binti Shahibul Fadzilah ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Sir Jafalizan selaku pensyarah untuk kursus IMR604 kami iaitu Oral Documentation kerana telah memberi tunjuk ajar dan cara untuk kami laksanakan tugas yang diberikan ini dengan berjaya. Terima kasih sir atas tunjuk ajar yang diberikan.

Terima kasih ini juga turut kami berikan kepada kedua ibubapa kami kerana dengan sokongan dan restu daripada mereka juga lah dapat kami laksanakan tugas kami dengan berjaya. pemberian duit untuk kami keluar menemubual tokoh kami, penyediaan peranti seperti laptop dan sebagainya amat kami hargai.

Terima kasih ini juga wajar diberikan kepada rakan sekelas kami kerana mereka sentiasa ada untuk menyelesaikan ketidakfahaman kami. Tanpa mereka, tugas ini tidak mungkin berjaya disiapkan mengikut masa yang ditetapkan.

Terima kasih semua!

### **Senarai Singkatan**

<b>Perkataan</b>	<b>Nama Penuh</b>
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
KPJ	Kumpulan Perubatan Johor
UiTM	Universiti Teknologi Mara
MMU	Multimedia University
OUM	Open University Malaysia
RTM	Radio Televisyen Malaysia
KSU	Ketua Setiausaha
FINAS	National Film Development Corporation Malaysia [Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia]
PRO	Public Relation [Perhubungan Awam]
DOP	Director of Photographer

## 1.0 BIODATA PENEMUBUAL

1.1 Biodata Penemubual 1	1.2 Biodata Penemubual 2
	
<b>Nama:</b> Nur Eliana binti Mohamad Azhar	<b>Nama:</b> Nuraqilah binti Shahibul Fadzilah
<b>Umur:</b> 23 tahun	<b>Umur:</b> 23 tahun
<b>Tarikh lahir:</b> 04/03/2000	<b>Tarikh lahir:</b> 08/01/2000
<b>Tempat lahir:</b> Hospital Taiping, Perak	<b>Tempat lahir:</b> Hospital Mersing, Johor
<b>Nama ibu:</b> Zainab binti Wahab	<b>Nama ibu:</b> Hariati binti Tamam
<b>Nama ayah:</b> Mohamad Azhar bin Abdul Hamid	<b>Nama ayah:</b> Shahibul Fadzilah bin Bahari
<b>Bilangan adik-beradik:</b> 5 orang	<b>Bilangan adik-beradik:</b> 4 orang
<b>e-mel:</b> <a href="mailto:yanaliana000@gmail.com">yanaliana000@gmail.com</a>	<b>e-mel:</b> <a href="mailto:aqilahfadzilah@gmail.com">aqilahfadzilah@gmail.com</a>

## 2.0 BIODATA TOKOH



<b>Nama</b>	Md. Yusof bin Md. Aslam (Datuk Dr. Yusof Haslam)
<b>Umur</b>	69 Tahun (2023)
<b>Tarikh Lahir</b>	24 April 1954
<b>Tempat Lahir</b>	Hospital Besar Kuala Lumpur
<b>Pekerjaan</b>	Pelakon, Pengarah, Penerbit
<b>Status</b>	Berkahwin
<b>Isteri</b>	Patimah binti Ismail (Datin Patimah)
<b>Anak</b>	1) Mohd Faizal 2) Mohd Shamsul 3) Nur Shamin 4) Muhamad Syafiq
<b>Alamat</b>	82, Jalan G 2, Taman Melawati, 53100 Kuala Lumpur.

### **3.0 PENGENALAN**

Transkrip temubual bersama Datuk Dr. Yusof Haslam telah dilaksanakan pada 22 Disember 2022 yang dilakukan di pejabat beliau sendiri, Scop Production yang terletak di Kuala Lumpur. Tujuan utama temubual ini dilakukan adalah untuk mengetahui tentang biografi beliau itu sendiri di samping memfokuskan tentang penglibatan beliau dalam dunia seni hiburan yang menjadikan beliau sebagai seorang pelakon, pengarah, dan penerbit yang berjaya. Dengan itu, temubual yang dijalankan berlangsung selama 1 jam 41 minit untuk mendapatkan maklumat yang cukup berkaitan diri beliau.

Md Yusof bin Md Aslam atau lebih dikenali sebagai Datuk Dr. Yusof Haslam merupakan anak yang keempat daripada tujuh orang adik-beradik. Beliau dilahirkan pada 24 April 1954 di Hospital Besar Kuala Lumpur yang kini usianya telah mencecah 69 tahun pada tahun 2023. Beliau mendirikan perkahwinan yang kedua bersama Datin Patimah binti Ismail pada tahun 1982 setelah bercerai dengan isteri pertamanya iaitu Allahyarhamah Raja Noor Saadah. Hasil perkahwinan beliau yang pertama, beliau tidak dikurniakan anak. Namun, hasil perkahwinan beliau bersama isterinya kini (Datin Patimah), beliau dikurniakan empat orang cahaya mata termasuk anak tirinya Mohd Faizal. Tiga cahaya mata masing-masing dengan nama Mohd Shamsul, Nur Shamin, dan Muhamad Syafiq.

Datuk Dr. Yusof Haslam telah mendapatkan pendidikan awal di peringkat rendah iaitu di Sekolah Kebangsaan Polis Depot yang terletak di Kuala Lumpur. Beliau kemudiannya melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Polis Depot sehingga tingkatan 3. Beliau kemudiannya melanjutkan tingkatan 4 dan 5 di Sekolah Menengah Aminuddin Baki dan berjaya menamatkan persekolahan di tingkatan 5 dengan mengambil Sijil Pelajaran Malaysia [SPM]. Tiada pelanjutan pendidikan dilakukan oleh beliau kerana beliau sudah mula melakukan pelbagai pekerjaan sejak dari bangku sekolah lagi. Walaupun begitu, gelaran Doktor Falsafah telah dianugerahkan kepada beliau melalui Open Universiti kerana pergiatan aktif dan cemerlang beliau dalam berkarya di dunia perfilman.

Pembabitan beliau dalam dunia seni hiburan adalah bermula sejak beliau berusia 18 tahun. Hal ini kerana, beliau sudah mula berjinak-jinak untuk menjadi pelakon tambahan pada usia sebegini di Radio Televisyen Malaysia [RTM]. Kemudian, beliau menyertai uji bakat pencarian watak lakonan yang dilakukan oleh satu syarikat produksi yang lain, iaitu Shaw Brother semasa beliau masih bekerja sebagai konduktor bas. Beliau kemudiannya berjaya

dalam uji bakat tersebut di mana pengarahnya pada ketika itu ialah Allahyarham Datuk Haji Jamil Sulong. Bertitik tolak dari kegigihan beliau, beliau mula mendapat perhatian oleh penggiat seni tanah air yang lain dan mula mendapat tawaran sebagai pelakon pembantu dan seterusnya ke pelakon utama. Pada tahun 1973, beliau diberi peranan dalam filem Perminataan Terakhir bersama Uji Rashid dan Allahyarham Datuk Sonny Abdullah. Beliau juga pernah menjadi bualan hangat pada sekitar tahun 80an hasil daripada lakonan beliau menerusi drama siri yang berjudul PJ Holdings yang ditayangkan di RTM.

Dalam sesi temubual ini, beliau telah berkongsikan mengenai sejarah pekerjaan beliau sebelum terlibat secara menyeluruh dalam bidang seni huburan seperti berniaga menjual baju terpakai [bundle], menjual kereta terpakai di bawah satu syarikat, menjadi penyanyi, dan banyak lagi. Beliau juga sangat membantu dalam memberikan maklumat berkaitan dengan pengarahan dan penerbitan yang kerap dilakukan beliau pada usia yang sebegini. Penekanan secara mendalam juga diberikan terhadap siri drama kepolisan Gerak Khas yang berjaya menarik perhatian ramai sehingga mampu menghasilkan lebih daripada 100 episod dengan kutipan yang tinggi.

Oleh yang demikian, pelbagai anugerah yang diterima oleh beliau sepanjang beliau berkecimpung dalam industri seni hiburan ini. Untuk itu, penekanan terhadap pembabitan beliau dari segi pengarahan dan penerbitan filem amatlah dititikberatkan di dalam temubual ini.

## **4.0 KAJIAN LITERATUR**

### **4.1 PENDAHULUAN**

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, seni kreatif boleh ditafsirkan sebagai kebolehan mencipta, menghasilkan, dan mengembangkan sesuatu idea yang baharu dan asli. Dalam penghasilan perkara yang kreatif, daya tenaga yang tinggi perlu digunakan dalam usaha untuk menghasilkan karya seni yang bermutu tinggi. Selain itu, menurut kamus Webster's (1976), pemikiran kreatif didefinisikan sebagai "The ability to bring something new existence" yang merujuk kepada kebolehan seseorang individu untuk mewujudkan suatu idea yang baru, dan bukannya kitar semula.

Seni merupakan ekspresi perasaan manusia yang dapat diungkapkan dalam pelbagai cara iaitu dari segi nada, rupa, gerak dan syair. Terdapat pelbagai seni yang ada di negara ini iaitu antaranya ialah seni music, seni rupa, seni tari, seni sastra, seni hiburan dan seni teater. Seni mempunyai pelbagai fungsi yang dapat memanfaatkan setiap manusia iaitu salah satunya ialah seni sebagai media hiburan dan seni sebagai media untuk Pendidikan. Di negara kita, seni hiburan memainkan peranan yang amat besar dan ketara yang dapat memberikan manfaat kepada seseorang individu dan juga dapat memperoleh keuntungan yang lumayan terhadap negara.

### **4.2 SITUASI / SCENARIO INDUSTRI SENI HIBURAN DI MALAYSIA**

Terdapat pelbagai scenario yang boleh dikaitkan dengan industri seni hiburan. Salah satunya ialah melalui lakonan dan penghasilan cerita yang dapat mendatangkan hasil yang begitu lumayan sekiranya seseorang bijak dalam merancang dan menjana idea dalam berkarya. Sebagai contoh, Datuk Dr Yusof Haslam merupakan seorang tokoh yang bijak menyesuaikan diri didalam industri hiburan sehingga penerbitan filemnya mencecah sehingga jutaan ringgit Malaysia seperti Abang Long Fadil, Munafik dan sebagainya lagi.

Industri hiburan mempunyai pelbagai artis yang dapat memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara seperti salah satunya ialah Datuk Dr Yusof Haslam. Datuk Dr Yusof Haslam merupakan seorang artis yang banyak berjaya didalam industri hiburan ini. Hal ini dikatakan sedemikian kerana tokoh ini mempunyai pengalaman yang cukup berharga yang tidak dapat diperoleh daripada artis yang lain. Pengalamannya iaitu daripada menjadi pelakon tambahan sehingga beliau Berjaya untuk menjadi pelakon malahan pengarah dan penerbit yang terkenal di Malaysia merupakan salah satu sumbangan dan juga dapat dijadikan dorongan

kepada artis baharu yang mula menceburkan diri di industri hiburan ini. Datuk Dr Yusof Haslam ini juga wajar untuk diketahui oleh orang ramai dan menjadikan beliau sebagai contoh didalam kehidupan harian kerana beliau dahulunya merupakan seorang yang hidup tidak begitu mewah dan memiliki ibubapa yang hidup dalam keadaan yang susah sehingga mendorong beliau untuk berusaha mencapai impiannya menjadi seorang pelakon, pengarah dan juga penerbit sehingga beliau berjaya menjadi karyawan yang cukup hebat.

#### 4.3 KAJIAN LEPAS

Berdasarkan penyelidikan lepas dalam usaha untuk mendokumentasikan artis iaitu Datuk Dr Yusof Haslam, penyelidikan telah dilakukan keatas beberapa filem tempatan yang telah diarah oleh beliau sendiri. Penyelidikan lepas yang kami dapati ini adalah daripada beberapa sumber sahih yang membawa kepada ketepatan maklumat tokoh yang kami lakukan penyelidikan ini.

Surat khabar merupakan salah satu sumber yang kami jadikan sebagai bukti maklumat untuk kajian lepas ini. Sumber ini menceritakan mengenai biografi Datuk Dr. Yusof Haslam yang telah menerima Anugerah Ijazah Kehormat Kedoktoran Seni Perfileman dan Ijazah Sarjana Profesional Diperakui Industri Kreatif Penerbit Filem oleh OUM. Berdasarkan sumber ini, anugerah ini telah disampaikan oleh Presiden dan Naib Canselor OUM, Prof Datuk Dr Mansor Fadzil kepada penggiat seni yang terdiri daripada pelbagai bidang iaitu diantaranya ialah pengarahan, penerbitan filem dan televisyen serta pengurus produksi. kajian lepas daripada sumber surat khabar ini telah menambahkan lagi ketepatan maklumat untuk penyelidikan biografi tokoh ini.

Selain itu, sosial media merupakan sebuah platform untuk menambahkan lagi carian maklumat seseorang tokoh yang ingin diselidik. Diantara platform sosial media yang dapat dijadikan sebagai kajian lepas untuk tokoh Datuk Yusof Haslam ini ialah Twitter. Di twitter,terdapat pelbagai maklumat yang telah di tweet oleh golongan masyarakat dan juga sumber yang sah seperti Harian Metro. “Membintangi filem aksi patriotik Bukit Kepong arahan Allahyarham Tan Sri Jins Shamsuddin yang diterbitkan pada tahun 1981 menjadi kenangan terindah buat pelakon, pengarah dan penerbit iaitu Datuk Yusof Haslam yang berumur 67 tahun”- Twitter hmetro, 2021. Berdasarkan tweet yang telah ditulis dan dikongsi ini, maklumat ini dapat dijadikan sebagai bukti yang tepat dan juga kebenaran maklumat

biografi bahawa Datuk Yusof Haslam merupakan penerbit dan juga pengarah bagi filem yang mendapat sambutan ramai ini.

Kajian lepas seperti di Youtube juga dapat dirujuk untuk penambahan maklumat dan juga bukti ketepatan maklumat mengenai tokoh Datuk Yusof Haslam. Youtube merupakan sebuah platform video yang sangat digemari ramai untuk mendapatkan maklumat mengenai apa yang mereka inginkan. Menerusi platform youtube dimana penerbit di youtube ini ialah Mericam Shop, tajuk penerbitannya ialah pengarah penerbit Datuk Yusof Haslam, video yang dirakam dan diupload ini menceritakan mengenai biografi Datuk Yusof Haslam sebagai pengarah didalam karya gerak khas. beliau memberi pendapat bahawa setiap karya yang dilakukannya perlu memberi manfaat terhadap para masyarakat apabila mereka menonton. Situasi ini jelas menggambarkan bahawa Datuk Yusof Haslam merupakan seorang pengarah dan penerbit yang mementingkan hasil karya yang berkualiti untuk tatapan penonton.

Akhir sekali, kajian lepas yang kami temui adalah kajian yang ditulis oleh empat orang pelajar iaitu salah satunya ialah Muhammad Amir bin Rosli dimana pensyarahnya ialah Pn. Farah dan tajuk kajian yang kami temui ini ialah Datuk Dr Yusof Haslam sebagai tokoh keusahawanan. didalam kajian ini tertulis biografi Datuk Dr Yusof Haslam iaitu dari segi biodata, kerjaya, sifat yang dimiliki oleh beliau dan juga anugerah serta penghargaan yang diterima oleh beliau. Kajian lepas ini memfokuskan kearah perbincangan latar belakang beliau iaitu sebagai pengarah dan penerbit filem.

#### 4.4 MENJELASKAN KEPENTINGAN PENYELIDIKAN LISAN

Penyelidikan lisan amat penting dalam mendapatkan sesuatu maklumat. Hal ini kerana, dengan menjalankan penyelidikan secara lisan, segala maklumat dapat terungkai dan terjawab dengan tepat, teliti, dan lebih mendalam. Penyelidikan lisan yang dilakukan ini turut mendapat manfaat daripada kedua-dua belah pihak iaitu antara penemubual dan juga orang yang ditemubual (tokoh).

Salah satu kepentingan penyelidikan lisan yang dilakukan ini adalah untuk mendapatkan ketepatan dan kesahihan maklumat. Hal ini kerana, penyelidikan lisan ini dilakukan secara bersemuka dengan mereka yang ditemubual. Segala maklumat yang ditanya dan dijawab oleh mereka yang berkenaan dapat dilihat dari segi ekspresi wajahnya, cara pertuturan dan bukti dokumen yang ada olehnya dimana didalam sumber lain tidak dapat untuk

mengenal pasti tentang kesahihan maklumat tersebut. Bukan itu sahaja, ketepatan maklumat ini dapat kita membuat penulisan yang sah dan sah untuk diterbitkan agar ianya dapat dibaca oleh masyarakat di luar. perkara yang dilakukan ini dapat meningkatkan nama dan imej tokoh apabila penulisan daripada maklumat yang tepat ini dilakukan.

Selain itu, kepentingan penyelidikan secara lisan ini dapat perbetulkan maklumat tokoh yang boleh mencemarkan imej tokoh tersebut. Hal ini kerana, selaras dengan perkembangan teknologi, pelbagai maklumat dapat diperoleh dihujung jari yang juga merupakan punca utama berlakunya pemalsuan maklumat oleh segelintir masyarakat yang tidak bertanggungjawab. Perkara sedemikian bukan sahaja mampu untuk menjatuhkan imej tokoh tersebut, malah menyebabkan orang luar memandang rendah terhadap tokoh yang diselidiki. Apabila penyelidikan lisan dilakukan, maka perkara ini dapat perbetulkan maklumat palsu yang telah disebarluaskan dikalangan masyarakat kerana penyelidikan ini melibatkan komunikasi secara langsung diantara tokoh dan juga penemuduga. Situasi ini dapat menaikkan kembali nama serta imej tokoh apabila penyelidikan lisan dibuat dan penyebaran maklumat yang tepat dilakukan keatas nama tokoh tersebut.

Seterusnya, penyelidikan lisan ini penting dilakukan untuk menambahkan lagi maklumat berkaitan dengan seseorang tokoh. Sesetengah pihak hanya mendapatkan maklumat daripada laman web dan juga media sosial yang lain untuk menyiapkan sesuatu tugas mengenai seseorang tokoh. Namun, apabila penyelidikan lisan ini dibuat, perkara ini dapat menambahkan lagi maklumat tokoh tersebut yang mungkin tidak ada dimana-mana sumber melainkan diselidiki secara lisan sahaja. Sebagai contoh, penyelidikan secara lisan ini dapat penemubual rungkaikan soalan spesifik seperti rahsia yang disimpan oleh tokoh itu sendiri dengan lebih mendalam untuk dikongsi dan dijadikan panduan serta pengajaran oleh pihak yang inginkan maklumat tersebut.

Sebagai tambahan, penyelidikan lisan yang dilakukan ini penting untuk dijadikan sebagai bukti maklumat yang akan didokumenkan mengenai seseorang tokoh. Bukti ini penting untuk dijadikan panduan dan rujukan terhadap orang tertentu didalam melakukan tugasannya. Bukti yang dilakukan secara penyelidikan lisan ini dapat memperbetulkan maklumat yang salah dan dapat menghapuskan persepsi negatif didalam kalangan masyarakat terhadap seseorang tokoh. Sebagai contoh, apabila berita palsu mengenai tokoh telah diviralkan, perkara ini dapat ditangani dengan penyelidikan lisan yang dilakukan ini. Perkara ini secara tidak

langsung dapat dijadikan sebagai bukti dalam usaha untuk memperbetulkan kesalahan maklumat yang telah diviralkan.

Akhir sekali, maklumat yang diperoleh hasil penyelidikan lisan terhadap seseorang tokoh ini penting untuk didokumenkan dan diterbitkan. Penyelidikan lisan ini adalah untuk mendapatkan maklumat agar penemubual dapat hasilkan penulisan yang kreatif dengan menggunakan data dan maklumat yang sahih selain menerbitkan maklumat yang betul dan tepat mengenai tokoh kepada khalayak umum. Dalam pada itu, penulisan dan penerbitan maklumat yang diperoleh ini dapat meningkatkan kembali imej tokoh dan nama tokoh tersebut didalam kalangan masyarakat sekali gus dapat mengubah persepsi buruk masyarakat terhadap tokoh yang telah dikaji. Hal ini kerana, apabila penulisan dan penerbitan maklumat yang tepat ini dilakukan, masyarakat dapat berenti membuat dan menyebarkan andaian buruk yang diperoleh berdasarkan sumber-sumber yang tidak sahih. Oleh itu, hasil maklumat yang benar melalui penyelidikan lisan ini penting untuk didokumenkan dan diterbitkan kepada masyarakat.

## **5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL**

**Assalamualaikum wbt.** Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai latar belakang seorang tokoh sebagai pengarah dan penerbit filem dan drama di Malaysia. Bersama-sama kami pada hari ini ialah Datuk Dr. Yusof Haslam yang merupakan seorang pengarah dan penerbit filem under Skop Production yang terkenal di Malaysia. Rakaman ini telah dijalankan pada 22 Disember 2022 bersamaan dengan hari Khamis pada pukul 2.00 petang bertempat di Skop Production, Kuala Lumpur. Temubual yang dijalankan ini dikendalikan oleh Nur Eliana Binti Mohamad Azhar dan Nuraqilah binti Shahibul Fadzilah. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.

**NEA:** Setiap apa yang datuk cakap ni kami rakam ya.

DYH: Okey.

**NEA:** Nanti kami akan buat transkrip. Transkrip itu kami akan buat dua. Dua transkrip satu untuk datuk dan satu untuk simpanan UiTM [Universiti Teknologi Mara]

DYH: Okey.

**NSF:** Okey, saya mula dulu ya datuk. Soalan pertama, boleh datuk terangkan tentang diri datuk terlebih dahulu?

DYH: Kena terangkan?

**NSF:** Haa dari segi nama.

DYH: Ni [ini] semua dah tahu dah.

**NSF: Haa (senyum).**

DYH: Hmm? Bagi saya benda-benda tu [itu] *you just* [awak cuma] ambil situ lah.

Letih saya, banyak kali dah. Dengan adanya *Google you* [awak] boleh tahu dah usia saya. Tapi takpelah [tidak apa], saya bagitahulah (gelak). Letih saya banyak, asal jumpa je tanya soalan tu. Kalau dulu Jins Samsudin [Allahyarham Tan Sri Datuk Dr. Jins Samsudin] suruh balik je (gelak). Letih dia.

**NFS: Kami dapat maklumat tu [itu], cuma kami nak rekodkan sahaja.**

DYH: Okey, nama saya Md Yusof bin Md Aslam. Saya daripada Kuala Lumpur, orang tua saya berasal daripada Setiawan, Perak. Lekir, sini ada orang Perak? Ada ya? Saya Lekir. Lepas tu saya membesar di Kuala Lumpur, daripada kecil. Masa tu tinggal di rumah setinggan di area Kampung Datuk Keramat [di Kuala Lumpur] lah. Saya pindah ke tempat yang baru, di mana kerajaan bagi tanah. Sampailah saya kahwin, tinggal dengan ibu saya. Lepastu pada tahun 1998 awal, saya berpindah ke Taman Melawati [Kuala Lumpur], rumah sendiri eh. Itulah serba sedikit ya.

**NSF: Boleh kami tahu pekerjaan datuk yang dahulu?**

DYH: Dia lepas – saya sebenarnya zaman saya sekolah lagi saya dah kerja. Masa *form three* [Tingkatan 3] apa ni, kawasan Selayang [Selangor] tu, dekat kilang papan, dapat sehari tu lima ringgit empat ringgit [RM4 dan RM5] lah. Kebanyakan kita kan cuti sekolah sekali seminggu. Yelah bapa orang susah, itu masa kita sekolah. Lepas SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] tu, kita *apply apply* [memohon] tapi, apa ni,

macam polis saya *apply* tak dapat. Tapi arwah bapa saya suruh saya *apply* Jabatan Penjara [Taiping, Perak]. Haa saya dapat jadi pegawai penjara dekat sana, tapi saya tak nak pergi. Dah dapat surat daripada Jabatan Penjara Taiping dengan tiket kereta api sekali, tapi saya tak nak tinggalkan Kuala Lumpur sebab masa tu saya dah berlakon jadi pelakon tambahan. Dalam usia lapan belas tahun [18 tahun] saya dah mula jadi pelakon *extra* [tambahan], filem hitam putih. Yang bayar empat ringgit [RM4] pada ketika tu. Lepastu, apabila saya tolak tu, arwah bapa saya marah la. Marah sebab kita ni tak ada kerja tetap kan, kita tak melanjutkan pelajaran, kita kan ada kekangan kewangan. Adik-beradik ramai ada tujuh orang kan. Jadi, saya dipaksa oleh bapa dan abang saya untuk bekerja. Masa tu kerja payah dapat. Jadi bekerjalah sebagai bas konduktor [konduktor bas] selama sepuluh bulan, yang gaji tujuh ringgit [RM7] je pada ketika itu, yang nilai pada hari ini tujuh puluh ringgit [RM70] lah. Eh, itu penilaian dia, kamu nampak tujuh ringgit hari ini budak sekolah pergi sekolah pun lima ringgit [RM5] dah (gelak). Haa jadi, itu proses dia kerja dalam sepuluh bulan. Kemudian, dalam saya kerja bas konduktor [konduktor bas] tu saya pergi RTM [Radio Televisyen Malaysia] berlakon drama jadi pelakon tambahan lah, jadi *extra*. Adalah watak-watak kecik-kecil [kecil-kecil] macam umur saya lapan belas lebih, sembilan belas macam tu. Kemudian apabila Shaw Brother's Merdeka Filem, bukan Merdeka Studio tau, Merdeka Filem. Merdeka Studio, Merdeka Filem lain. Merdeka Studio di studio Ulu Klang. Merdeka Filem di Bukit Bintang. Haa tapi syarikat yang sama. *Different* [berbeza] dia punya *management* [pengurusan]. Diorang [mereka] nak buat gambar *colour* [berwarna], pengarah dia Jamil Sulong [Allahyarham Datuk Haji Jamil Sulong]. Pertama kali Studio Merdeka Filem nak buat gambar warna, *so* [jadi] dia keluarkan iklan dalam surat khabar, yang mencari pelakon-pelakon dalam filem tu. *So* saya pergilah ambil cuti daripada kerja bas konduktor [konduktor bas] tu sehari saya pergi. Ramailah, tak salah dalam lima ke enam puluh orang jugak masa tu, beratur-beratur, dia bagi skrip pendek berlakon dekat depan pengarah dia, Jamil Sulong [Allahyarham Datuk Haji Jamil Sulong] dengan ada orang dialah. Kemudian, ramailah. *So*, dalam ramai-ramai tu, yang sangkut, saya sangkut, lepastu sorang lagi nama dia Syed Agil, dia tu hero, saya pegang watak *supporting* [sokongan], lepastu Uji Rashid berlakon masa tu. Uji Rashid penyanyi yang *top* [hebat] macam Siti Nurhaliza pada zaman tu. Dia penyanyi tahun awal tujuh puluhan [70an]. Haa dia berlakon, dia

belum jadi penyanyi pada ketika itu. Dia berlakon filem permintaan terakhir jiwa remaja dengan saya. Jadi, Nozie Nani [Allahyarhamah Nozie Nani] -- kemudian, filem tu diorang buat pertukaran *casting* [pelakon], Uji Rashid berlakon, lepasu Sonny Abdullah [Allahyarham Datuk Abdullah Sani Ahmad], *because* [sebab] kawan saya tu, Syed Agil tu, dia tu sebenarnya watak hero, tapi malang sekali pihak Shaw Brother tak berapa berkenan pasal dia muka dia bulat, dia punya penasihat tu daripada Hong Kong, pengarah Jamil Sulong [Allahyarham Datuk Haji Jamil Sulong]. Tapi dia dibantu oleh satu pengarah cina lah, pengarah daripada Hong Kong. Sebab gambar *colour* [warna] ni belanja dia besar, betul tak? Kalau gambar biasa tu masa tu lima puluh ribu [RM50 000] je, kalau gambar warna ni dia punya belanja sampai 100 ribu [RM100 000] ke 200 ribu [RM200 000] lebih lah. Besar masatu. Kalau dulu 200 ribu, harini bagi saya dua juta lah. Itu nilai duitnya kan? Kemudian, saya dibagi kontrak selama tiga tahun. Saya bersama dengan Uji Rasyid, tapi Uji Rashid dia hanya kontrak setahun. Err dia taknak kontrak panjanglah. Dia ambil setahun je kerana dia *start* [mula] menyanyi dan lagu-lagu dia boom. Kalau *you* [awak] tanya *you* punya professor dia tahulah siapa Uji Rashid. Dia buat album dia laku jadi dia pun dah tidak begitu minat sangat pada lakonan. Kerana nyanyian dia lebih tinggi *income* [pendapatan] dia, sibuk dengan *show* [pertunjukan]. Saya teruskan dengan kontrak sayalah, lepasu adalah *few few* [beberapa beberapa] filem yang saya berlakon sampailah Shaw Brothers ni habis tutup. Merdeka Filem ni habis tutup kerana mereka tidak dibenarkan buat filem. Kalau siapa ada pawagam pada ketika itu, kerajaan buat undang-undang, peraturannya tidak membenarkan taukey panggung untuk buat filem. Jadi, diorang hentikan operasi buat filem, cuma operasi panggung ajelah. Jadi saya pun jadi pelakon bebaslah lepas itu, lepas tiga tahun tu. Tak sampai tiga tahun pun, dua tahun je, saya nampaklah macam kene sekatkan. Saya jadi pelakon bebaslah berlakon dengan filem-filem luar macam Jin Samsudin [Allahyarham Tan Sri Datuk Dr. Jins Samsudin], dengan Othman Hafsham masa buat filem kan. Lepastu ada yang dram-drama RTM masatu [masa itu] saya ada berlakon, hitam putih ketika itu. Jadi itulah kisah dia, sampailah yang seterusnyalah. Nak tanya apa lagi lepasu?

**NSF: Boleh datuk ceritakan tentang sejarah kelahiran datuk?**

DYH: Saya dilahirkan pada 24 April 1954 [kini 69 tahun], tiga tahun sebelum negara mencapai kemerdekaan. Masa negara mencapai kemerdekaan tu usia saya tiga tahun. Saya dibawa oleh ayah saya untuk tengok kereta berhias. Jadi, saya masih ingat lagi peristiwa tu. Tahun lima tujuh [1957], diorang buat kereta berarak. Kereta tu jalan di persimpangan tu. Kitorang jalan kaki tau, rumah kita pun rumah setinggan. Jalan kaki lah dalam lebih kurang sebatu nak tengok benda tu. Saya nampaklah. Masatu diorang buat kereta berhias sempena menyambut kemerdekaan pada *31<sup>st</sup> August* [31 Ogos]. Haa siang tu dia buat tu, malam tu kan dia nak turunkan bendera semua kan? Itulah saya rasa hari yang sama, esoknya dia buat kereta berhias. Itu saya ingat lagi. Itu ketika usia saya tiga tahun, tinggal di rumah setinggan bersama adik-beradik saya, aaa tujuh orang, di tepi sungai, rumah setinggan. Itulah kisah dia.

**NFS: Datuk lahir dekat negeri mana?**

DYH: Saya, saya dilahirkan di Kuala Lumpur, di Hospital Besar Kuala Lumpur. Tapi mak bapa saya orang -- dia daripada Perak lah. Lagi apa?

**NEA: Okey, boleh tak datuk ceritakan mengenai latar belakang perkahwinan datuk?**

DYH: Perkahwinan? Saya -- aaa pada tahun – masa saya baru mula berlakon tu kan, industri filem tak macam sekarang. Zaman saya tu tidak ada Astro, tidak ada TV3, tidak ada TV2, yang hanya ada TV1. Bayangkan eh? Jadi ketika tu kita dah rasa, itulah peluang yang kita ada kan? Filem yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat filem melayu ketika tu hanya satu dua filem je. Satu dua filem sahaja. Jadi peluang tu makin kurang. Itu yang saya nampak bila saya masuk bidang ni, barulah saya tahu, rupanya apa yang kata-kata bapa saya, arwah bapa

saya, dia kata, “filem melayu dekat sini tak ada *prospect* [harapan]”. Dia tengok, seniman agung P.Ramlee [Allahyarham Tan Sri Datuk P.Ramlee] tu kan, haa dia meninggal pun tak meninggalkan apa-apa kan? Haa tengok bintang-bintang filem, kamu nampak ni luaran je kan? Keluar majalah-majalah keluar. Saya pun tengoklah, saya beli majalah, kakak saya banyak beli majalah filem, gambar Sarimah [Yang Hormat Dato' Dr Hajah Sarimah], kenal Sarimah? Bintang lama tu? Tak kenal jugak? Apalah engkau ni (gelak). Itu Sarimah tu, pelakon filem *popular* [terkenal] dulu. Kau tengok tak cerita Seniman Bujang Lapok? Tengok? Ali Baba Bujang Lapok, tengok? Yang jadi Marjina tu. Yang dia pergi pangkah setiap rumah dengan jamban dia pangkah tu? Haa itulah dia kan lawa. Masa tu umur dia tujuh belas tahun [17 tahun]. Itu Malay Film [nama syarikat penerbitan] di Singapura tahun enam puluh [1960 an]. Haa itu -- tapi masa zaman saya tu mereka dah *start* ada dekat sini. Dia datang ke Kuala Lumpur. Saya sempat berlakon dengan dia. Dia baik dengan saya lah. “Haa Yusof, kamu --“, pasal kita budak muda, masa tu umur dia, dia datang Kuala Lumpur masa tu tak silap umur dia tiga puluh lima [35 tahun] la, tiga puluh enam [36 tahun] tiga puluh tujuh [37 tahun] macam tu, sayan ingat lagi lah. Jadi, aaa saya jadi pelakon bila saya dah *join* [sertai] industri filem pada ketika itu, arwah bapa saya kata “kamu tengok, kamu dah main filem, orang dah kenal kamu”. Masa tu filem-filem dah *colour*, “tapi, macam mana pendapatan kamu? *Income* kamu tak menentu, *so do something* [jadi buat sesuatu] jangan buang masa”. Jadi saya buat berniaga. Saya jual baju *bundle* [baju yang terpakai] ni tau, masatu ada baju *bundle*, tapi baju-baju yang elok-elok lah. Lepastu, saya jual kereta, dah jadi macam *salesman* [jurujual] kereta tau. Syarikat tu ada syarikat kereta, okey -- “Yusof Haslam, ini kereta ni, kamu jual, ini ada *list* [senarai] harga-harga ni. Ni harga mati dia. Maksimum pandai kau”. Di situlah saya mula dapat *income* yang bagus. Masa tu pulak saya digalakkan oleh kawan saya, penyanyi Latif Ibrahim [Allahyarham Latif Ibrahim]. Kenal Latif? Tak kenal? Kau semua kau tak kenal (gelak). Kamu sebaya anak saya cucu saya (gelak).

**NEA: Haa ye (gelak)**

DYH: Tanya cucu tak tahu. “Siapa ni tok?” (gelak). Yelah, kalau saya *involved* [terlibat] tahun tujuh puluhan [70 an], macam Shamsul [anak] lahir pun dah, dah masuk tahun berapa tu, tahun lapan puluhan [80 an]. Shamsul dia kenal lah kan? Haa tapi anak-anak dia tak tahu. Kan? Cucu-cucu sya -- Shamsul ada abang dia sorang, abang dia Faizal. *My stepson* [anak tiri saya]. Dia dah dewasa lah kan dah empat puluh lebih, dia, dia tahulah *because* dia awal. Jadi itulah proses dia. Saya sedar ketika itu bahawa, untuk menjadi artis filem melayu, boleh dikatakan ketika itu, indah khabar dari rupa lah.

**NEA: Haa datuk, siapa nama isteri pertama datuk ya?**

DYH: Isteri pertama saya -- ada kisah sebenarnya tu. Ada kisah ya. Saya *shooting* [pengambaran] drama dekat Pulau Pinang. Drama RTM, panggung RTM. Kemudian, masa saya *shooting* tu saya -- itulah ada satu peminat tu lah, dia selalu hantar surat masa tu. Surat tau, peminat hantar surat. Hantar surat dekat Shaw Brothers ni lah. Dia ni rajin hantar surat, sekali saya balas, jumpa dekat Pulau Pinang. Masa *shooting* dekat sana, lama dekat dua minngu tinga minggu lah. Jadi rapat dengan *family* [keluarga] dia. Saya pun jatuh cinta. Jadi kita bertunang, lepas bertunang putus, tak sampai setahun setengah kita putus. Sebabnya *income* saya tak *stable* [stabil]. Masih pakai motor vespa lagi. Tahu tak? Motor vespa. Masatu pakai vespa dah bagus lah tu ketika itu. Jadi putus tunang. Aaa barangkali saya rasa sebab prospek kehidupan saya pada ketika itu mungkin tak konsisten. Jadi, putus, kemudian -- itu saya kenal dengan kawan saya, Latif Ibrahim, arwah tu. “So, kau ikut aku lah, menyanyi apa semua”. Ini yang masa saya berniaga tu kemudian, itu kisah kemudian tau. Ini lebih awal. Saya dibawa oleh sabat saya Latif Ibrahim pergi ke satu kumpulan *band* [kumpulan] di Gombak [Selangor], kita belajar menyanyi dulu. Jadi, tujuannya bukan apa. Latif Ibrahim tu banyak *show*, masatu kalau menyanyi okey, dia ada *income*. *Because*, dia kurang-kurang sebulan ada empat lima *show*. Satu *show* dia dapat lima ratus [RM500] kalau sebulan dia dapat dua ribu [RM2000] besar dah ketika tu. Ketika tu gaji kerana pun dua ratus lebih [RM200]. Gaji polis pun tiga empat ratus je tau [RM300 -

RM400]. Jadi kata kau -- “aku mana boleh nyanyi Latif, suara aku bukan sedap, bukan semua orang boleh nyanyi kan”. “Lah takpe kau ada nama, ikut aku jelah, nanti dapatlah duit tepi kan?”. Macam diorang penyanyi dapat lima ratus [RM500], kita ikut satu dua lagu kan dapat dua ratus [RM200] tiga ratus [RM300]. Jadi, saya pun dengar cakap dia lah. Tapi, alhamdulillah, saya ikut dengan dia *show*, bila *promoter* [tukang promot] ambil dia kan, dia *recommend* [mencadangkan] -- “Ohh yang berlakon tu ya?” “Okey Yusof, berapa minta?” Kita pun dah segan dengan dia ya, kita bukan penyanyi. Latif dapat lima ratus [RM500], saya dapat dua ratus setengah [RM250]. Lepastu pergi ke Sabah tahun tujuh puluh tujuh [1977]. Penganjur tu nak ambil Dahlan Zainuddin [Allahyarham Dahlan Zainuddin] menanyi, Latif Ibrahim, Zalifah Ibrahim, ramailah. Jadi kebetulan, Dahlan Zainuddin tak dapat cuti, dah meninggal dah. Ya, Dahlan Zainuddin dah meninggal. Tak dapat cuti. Jadi, tempat dia kosong. Jadi arwah Latif Ibrahim *recommend* (gelak). Dia kata “ni boleh nyanyi ni, boleh nyanyi dua tiga lagu”. Padahal kita kelaut (gelak). Jadi entah macam mana, kisah dia, *sign contract* [menandatangani kontrak] selama dua minggu pergi ke Sabah. Masatu Sabah kira hutan lagilah. Haa dia baru mencapai percantuman antara Sabah dan - - haa dia *join* dengan kita Sabah, apa ni *join* Malaysia tak salah berapa, tahun enam puluh lima [1965] saya rasa [sebetulnya 1963]. Eh lupa dah. Masa tu kira-kira, kita baru merdeka. Lepastu Sabah dan Sarawak pun *join* Tanah Melayu, jadi Malaysia. Jadi ketiak tu bagi saya, pembangunan di Sabah tu memang begitu daif lah orang kata. Banyak bandar-bandar dia kecil. Jalan-jalan nak pergi dari bandar ke bandar tu kecil, ada yang terpaksa merentas sungai. Jadi kita pergi *show*, kita naik bas tu, sampai bas tu merentas sungai tau (gelak). Tu yang takut tu, musim hujan habis. Jadi itulah, dalam dua minggu saya dapat kumpul duit sampai empat ribu [RM4000] lebih dekat lima ribu [RM5000]. Ketika itulah. Haa Latif besarlah kan dia dapat dalam tujuh lapan ribu [RM7000 - RM8000]. Itu saya rasa wah nikmat betul jadi penyanyi ni kan. Itu yang balik tu kita beli kereta. Haa. Jadi masatu yang lepas saya *frust* [kecewa] dengan yang Penang [Pulau Pinang] tu. Dia pun kahwin dengan satu orang Penang lah kan. Pasal dia kata macam saya ni tak ada prospek. Jadi lepastu, kisah dia, saya pergi *show show*, jumpa seorang perempuan ni, nama dia Raja Noor Saadah [kini telah meninggal dunia]. Dia ni kerja di Lembaga Elektrik Negara, so malam dia kerja *night club* [kelab malam].

Jadi, berkenalan dengan dia kawan-kawan je. Tak *couple* [bercinta] sebenarnya. Kawan-kawan je. Tapi yelah, dah jodoh. Lepastu dia kata “eh takkan kita kawan je?” Sebab saya orang kata, saya tak ada jatuh cinta dekat perempuan lain. Tapi, saya fikirkan -- dia menceritakan kisah-kisah dialah yang membuatkan saya simpatilah, ya kan. Kita kahwinlah, jadi saya kahwin dengan dia. Saya kahwin dengan dia, dia masih bernyanyi di *night club*. Masatu *income* saya dah okey dah. Sampai kitorang -- daripada rumah mak saya, tinggal dengan mak saya. Kemudian, beli rumah dekat Kelana Jaya [Petaling Jaya], dia masih bernyanyi. Lepastu, saya dah berapa tahun anak tak ada. Cuma ada anak angkat sorang, itupun di penghujung perkahwinan saya. Entah macam manalah ini kuasa Tuhan, saya berpisah dengan dia. Berpisah pun cara baiklah. Kemudian saya berjumpa dengan Datin Patimah [isterinya dari 1982 hingga kini]. Dia bekerja di Malaysia Airlines. Kita kenal dekat padang bola je. Masatu artis-artis semua main bola tau. Dia ada pertandingan main bola. Masatu dia datang dengan kawan-kawan dia. Ini boleh dikatakan jodoh. Jodoh yang saya nampak dari jauh, siapa dia perempuan rambut panjang ni. Ramai-ramai perempuan tu, saya nampak tapi saya tak pergi la. Saya jenis saya ni ada ego kelelakian saya. Saya taknak *approach* [menghampiri], tidak. Saya bukan jenis *tackle* [megorat] perempuan, tidak (gelak). Itu bukan saya. Jadi, saya buat tak tahu sajalah. Yang lain-lain semua sibuk kata saya sompong kan. Jadi saya pergi dekat satu kafe yang macam karaoke, yang macam ada sorang penyanyi perempuan, saya kenal perempuan tu. Kenal macam jelah. Lepastu, entah macam mana, saya pergi sana untuk mium dan jumpa kawan, dia [Datin Patimah] masuk. Haa dia pandang saya, “Eh Yusof Haslam” dengan kawan dia, ramai kawan dia. *So I* [Jadi saya] pulak, secara spontan “duduklah sebelah sini, sini kosong kat sini”. (Gelak) Dengan spontan suruh duduk sebelah sini. Sembang-sembang dengan dia, lepastu saya mintak nombor dia, dan dia pun ambil nombor saya. Masatu telefon takde, telefon dekat rumah tau. Itu je kisah dia. Kemudian, esok pagi saya teringat. Bila saya balik rumah saya teringat dekat dia tau. Sedangkan sebelum ni banyak saya jumpa dengan penyanyi apa semua, tapi hati saya tak terpaut. Ada perempuan yang lawa saya jumpa bersama-sama -- saya sekejap je, sekali saya *dating* [keluar berdua] saya taknak keluar dah, padahal lawa. Jadi sebabtu, jodoh kita ni datang bukan sebab rupa tau. Haa dia keserasian, betul tak? Jadi dengan isteri saya, Patimah

[Datin Patimah] ni, lepastu saya *call* [hubungi] dia. Dia pun terperanjat saya *call*. Dia ingatkan saja main-main. “Eh betul ke *you call I* ni? Betulke *you* ni?”. Lepastu, esok tu kita keluar, keluar makan. Saya keluar dengan dia sekali, esok saya rindukan dia tau. Saya tak pernah jadi macam tu. Jadi lepastu keluar lagi, seminggu sekali keluar dengan dia. Lepastu dia punya keprihatinan dial ah. Bila saya pergi kafe di Coffee House, hotel-hotel, makan-makan, selalu dia nak bayar dulu. Jadi saya nampak dia ni bukan jenis kaki ketuk [mata duitan] lah. Banyak perempuan tu kaki ketuk tau. Baru berkawan dengan kita kan, dia mintak itulah, nak beli kasutlah. Ini tak pernah. Jadi saya berkawan tak sampai sebulan. Saya bercakap dengan dia. Saya kata “*you* nak kahwin dengan *I* ke?” dia diam. Dia kata, “*you* tahuken *I* --”, “yes” -- Masatu *I income* dah bagus, dah pakai kereta dah, kereta sport. Bukanlah kereta sport Lamborghini macam Shamsul tu, tidak. Itulah kisah dia. Sampai *last* [akhir] sekali saya kahwin. Dan dia bagitahu dengan saya, saya tak tahu rahsia dia. Saya ingatkan dia anak dara tua tau. Rupanya saya dapat tahu kisah dia, dia ada anak sorang. Itulah my *stepson* sekarang. Saya ternampak gambar itulah. Dia terdiam, macam menitik air mata lah. “*You* sudi ke *you* nak terima *I* lagi? *I* sebenarnya *I* pernah berkahwin, *I* berpisah dengan suami *I* dah lima tahun. Masatu anak *I* kecil lagi”. Jadi *I* kata, “*I* tak peduli *you* siapa, kalau *you* janda ke apa *I* tak peduli. Tapi *I* fikirkan *I* dah lama *fall in love* [jatuh cinta] daripada mula-mula kenal dengan *you* *I* dah *fall in love* dengan *you*.” Itu kisah dia. Lepastu, kita kahwin. Bapa dia askar. Dia duduk di Kluang [Johor], dia orang Penang. Tunang [bekas tunang] orang Penang jugak (gelak). Jadi saya pulak bila dapat tahu dia orang Penang saya *happy* [gembira] lah sebab saya suka dekat Penang. Haa tunang saya kat Penang dan saya suka makan nasi kandaq [nasi kandar] semuakan. Haa lagi ada dia punya hotel-hotel sana tepi laut ke apa semua kan. Jadi itulah kisah dia. Dan bila saya dah kahwin dengan dia, masa saya kahwin dengan dia saya dah buka kantin dah. Saya buka kantin kerajaan, lepas dah buka kerajaan, saya buka restoran. Restoran tu saya tak cukup modal. Arwah bapa mertua saya, bapa kepada datin lah. Dia bekas tenteralah. Jadi seorang bapa mertua, yang saya rasa terlalu baik. Dia tahu saya nak buka restoran, saya *short modal* [tak cukup duit] lah. Ada modal yang saya tak cukup. Tiba-tiba, saya pun tak tahu, saya tengah cari-cari modal tu kan, nak cukupkan modal yang tu pasal nak *take over the restaurant* [nak ambil alih restoran] makan masa, perlukan duit

yang besar [duit yang banyak]. Tiba-tiba dia datang, dia bawa duit. Tapi *last* sekali itulah -- akhirnya dia bagi. Saya pun -- dia [bapa mertua] kata "Yusof". Dia orang Penang, dia kata "Hang jagalah kedai ni, restoran ni, letak nama bapa hang. Bapa hang Haslam kan letak nama Haslam Restoran. So jaga kedai ni, bermiaga ni, hang nak buat kantin kan? Kantin ni *every month* [setiap bulan] ada orang kan? *Everyday* [setiap hari] ada orang, orang makan apa semua. So, kata dia "You jagalah kedai ni dalam setahun dua tahun, jangan harapkan untung eh. Jadi saya buka kedai tu, *office* [pejabat] saya di atas. Saya buka *company* [syarikat] filem lah ketika itu. Lepas dalam sepuluh bulan [10 bulan] saya bermiaga restoran tu, saya buka kat atas, kecil je. Restoran tu pula sewa. Sewa sebulan ketika itu lapan ratus [RM800]. Haa masa tu teh tarik tiga puluh sen [30 sen]. Ye tak? Roti canai tiga puluh sen [30 sen]. Mula-mula bermiaga dia merosot lah kan. Tapi saya sabar, saya berlakon-berlakon filem, letak duit dekat situ. Tampung kerugian kan. Dan alhamdulillah lah, restoran tu bertahan sampai sekarang. Saya tengah sibuk-sibuk buat drama buat filem, saya panggil adik saya. Dia berhenti kerja, dia uruskan restoran tu. Dia pulak memang otak macam saya, otak bermiagalih. Sampai sekarang restoran tu dah dekat hamper empat puluh tahun [40 tahun]. Usia perkahwinan saya tahun depan pun empat puluh tahun. Tahun depan, bulan tiga, saya dan datin akan meraikan perkahwinan yang ke empat puluh [mula berkahwin pada tahun 1982]. Macam-macam duri ranjau.

**NEA: Tadi datuk ada cakap datuk berpisah dengan cara yang terbaik. Dengan cara baik kan dengan bekas isteri datuk. Tapi *still contact each other* [masih berhubung antara satu sama lain] atau tak?**

DYH: Baik, *I cakap you*, datin berpisah dengan tu [bekas suami Datin Patimah], saya berpisah dengan tu [bekas isteri pertama datuk]. Saya --isteri saya tu -- sebenarnya selepas dia berpisah, rupanya dah jodoh lah. Dia [bekas isteri pertama] pun dah ada orang sebenarnya. Rupanya tak sampai setahun lebih saya berkahwin, dia pulak kahwin. Kahwin dengan *banker* [jurubank]. Dan saya masih baik dengan dia. Masa dia mengandung, dapat anak. Dengan saya tak ada

anak. Dengan *banker* tu saya dapat tahu sebab saya pergi hospital. Hospital di mana tu (berfikir)? Hospital dekat jalan universiti tu. Apa nama hospital tu? Ada hospital tu, di Universiti Malaya tu, dekat bukit, dekat Bangsar. Hospital swasta macam KJP [Kumpulan Perubatan Johor]. Kalau *you* pergi Bangsar, pergi jalan universiti tu terus, kan atas bukit tu ada hospital. Hospital apa tu? Apa ke nama lupalah (gelak). Haa *so*, *I* pergi tengok. *I* pergi tengok. Dia kata jodoh. Tuhan dah tentukan jodoh. “*I* dengan Yusof, *I* tak ada anak. Cuma ada anak angkat sorang”. Anak angkat pun ambil masa dah nak berpisah. *So*, dia kata kahwin dengan *banker* ni baru ada anak. *So* hubungan tu baiklah. Dia [bekas isteri] pun ada datang rumah kalau raya. Suami dia pun dengan saya baik. Dan, datin pulak dia ada bekas suami dia dah kahwin lain. Anak pun ada tiga empat orang. *So* apabila saya nak kahwinkan anak angkat, bukan anak angkat, anak tiri saya. Haa nama dia Faizal, abang Shamsul. Dia umur dia muda dalam dua puluh an [20an], dia kahwin dalam tahun 2000. Saya kahwin dekat empat puluh tahun dah. *So* saya bagitahu datin “*You* tolong cari bapa Faizal”. Anak tiri saya nama Faizal, bapa dia nama Senin. *So*, datin macam tak setujulah. “Eh *you* kenapa nak cari bapa Faizal. *I* tak mahu, *I* dah putuskan hubungan dengan dia. Dia tak pedulikan Faizal. Daripada kecil lagi dia dah tak pedulikan Faizal. *I* menanggung dia”. Emosi sikitlah. “Jangan sebut nama dia”. Lepastu *I* kata. “*You* salah. *You* kena bersyukur atas apa yang berlaku. Setiap kejadian Tuhan buat tu ada hikmah disebaliknya. Kalau tidak, *you* tak kahwin dngan Yusof Haslam. Kita tak ada anak macam Shamsul, Syafiq, Syamin. Mungkin *you* tak jadi datin, mungkin *I* tak jadi datuk” (gelak). *I* kata cari. Lepastu *contact* [berhubung] lah. Apa ni, dia orang jawa di Batu Pahat (Johor) kan. Haa cari-cari, dapat. Datang rumah saya, jadi kawan. Lepatu *I* kata “Faizal, *this your dad* [ini bapa awak] bapa *you*”. Tapi terpisah lama kan. Tapi *I* kata pergi jumpa bapa *you* apa semua kan. Jangan lupa saya kata. “Papa ni, bapa tiri kau. Tapi papa anggap kau macam anak. Masa papa kahwin dengan mak kau, kau kecil lagi”. Jadi tanggungjawab saya. Sebabtu, bila saya beli rumah dekat Melawati, ada empat lot tanah jadi satu lot tanah tu kan, saya buat rumah sekali saya letak nama dia. Saya habis dekat sejuta [RM1 juta]. Sebab saya tak mahu bila saya dah tak ada nanti, anak tiri saya tak ada tempat berteduh, tak ada harta. Macam anak saya Shamsul, Syafiq, diorang ada kebolehan mengarah filem. Dia ni [Faizal] kebolehan mengarah filem tak

ada, mengarah drama tu adalah sikit-sikit je kan. Dia tak ada *skill* [bakat], tapi dia tahu lah kan. Dia kerja dengan saya. *Wife* [isteri] dia kerja dengan saya. Menantu saya. *Wife* dia kerja jadi kerani dengan saya. Dah ada anak. Saya dah ada tiga cucu, melalui Faizal anak tiri saya. Macam cucu saya, sayang gila. Dia pun “atuk, atuk” kan? Dah besar dah. Masuk universiti dah. Baya-baya *you* ni. Haa “atuk, atuk”. Cukup sayang saya. Saya pun memang rindu diorang lah. Sorang masuk apa ni, MMU [Multimedia Universiti, Cyberjaya] ke mana entah. Dia ada tiga orang, dua perempuan satu laki-laki. Yang laki-laki tu minat pengarahan kan. Dia tengok “Atuk, nak jadi pengarah” saya kata “Haa pergi belajar filem”. Okey, itulah kisah dia.

#### **NSF: Boleh datuk ceritakan tentang latar-belakang pendidikan datuk?**

DYH: Saya sekolah masa sekolah rendah tu Sekolah Kebangsaan Polis Depot. Masa tu tahun enam puluh tu, tahun enam puluh satu enam puluh dua tu [1960 an], negara baru merdeka tau. Jadi, sekolah tak cukup. Jadi di balai polis tu ada depoh [depot] tau. Pusat Latihan Polis tu, ada ada berek kan. Berek tu dijadikan sekolah (gelak). Haa saya sampai sekolah darjah tiga dajah empat kat situ. Macam, kan latihan polis kan, diorang buat untuk sementara. Sekolah rendah tu, yang sebelah dia hutan tu, tengah buat. Tengah *repair repair* [betul-betul]. Masa masuk sekolah darjah empat [10 tahun] baru sekolah tu siap. Masatu *student* [pelajar-pelajar] tak ramai lah, *student* lebih kurang dalam 100 lebih je zaman tu. Kampung Baru [Kuala Lumpur] tu kan, setengah tu hutan lagi. Datuk Keramat yang nampak Datuk Keramat tu kan? Hutan semua hutan ni, ni semua hutan belantara ni. Jalan ni, nak pergi Merdeka Studio ni kecil je jalan dia, pokok getah ni. Yang bas lalu sampai pukul enam habis. Orang nak masuk pun takut. Pasal apa, lampu tak ada. Saya ingat lagi. Masa tu baru merdeka. Jadi, saya tengok Kuala Lumpur ni hutan banyak, rumah setinggan keliling, sampai jadi bandar besar macam metropolitan sekarang. Sebab saya nampak depan mata sendiri. Dan hutan yang saya -- rumah yang saya tinggal sekarang ni, banglo tepi bukit tu, Kawasan tu jugak saya pernah *shooting* jadi *extra* Merdeka Studio (gelak). Ingat lagi bukit tu (gelak). Tau. Ini

kuasa Tuhan. Jadi bila pembangunan dibuat kan, orang buat rumah-rumah, kita pun tak sangka la. Sekali, bila datin nak buat rumah, *I* tinggal dengan mak *I* kan, ajak suruh pindah, suruh pindah, suruh pindah. *I* kata *I* nak tinggal dengan mak *I*, rumah yang ada ni *I* nak buat tiga tingkat tanah tu, *I* nak jaga mak *I*, dia kata “tak apalah bawa lah mak *you* duduk situ”. Dia tak mahu, dia nak suruh *I* beli rumah sendiri. Duit ada ketika filem-filem sembilu kan, dalam sepuluh tahun kan. Dia kata “*I* nak orang nampak *you*, kita ni sebagai Skop Poduction ni sebagai Yusof Haslam yang berjaya dalam dunia filem. *You* ada rumah sendiri. Bukan *I* nak -- *I* ni sayang mak *you*, kan. Tapi *I* nak ada *something* la. Biar lah ada rumah sebuah, rumah Yusof Haslam. Bila cerita tumpeng mak, bukan tak ada duit. Jadi dia desak desak, bagus jugak. Tu yang saya pergi beli tanah tu. Asalnya satu lot. Masatu murah lah tanah. Lepastu saya fikir otak ni “Ini sekarang ni harga macam ni, kalau lagi sepuluh tahun kan”, jadi daripada satu lot saya beli empat lot dengan harga *one point two* [satu perpuluhan dua] [RM1.2 juta]. Haa masatu murahlah. Sekarang satu lot tu harga dia dua juta [RM2 juta] (gelak). Dah dua puluh lima tahun dah, nampak? Haa saya buat rumah tu saya habis dah dekat tiga juta lebih dah ketika itu. Ada duit *cash* [tunai] saya buat, ada yang kita ambil pinjaman bank kan. Alhamdulillah rumah tu saya ambil *short term ten years* [jangka pendek sepuluh tahun] supaya sepuluh tahun tu saya nak bekerja keras untuk langsaikan hutang-hutang rumah saya. Alhamdulillah, usia saya lima puluh empat [54 tahun] saya pindah rumah tu empat puluh empat [44 tahun]. Lima puluh empat [54 tahun] umur saya, alhamdulillah hutang-hutang rumah, harta-harta saya semua habis. Sebab saya tak mahu jadi orang pembikin filem yang bila usia tua, dia merempat tak ada rumah, ada hutang keliling pinggang, saya taknak. Sebab apa saya nampak sejarah banyak lah kan. Jadi masa kita snang tu jangan lupa satu masa kita akan jatuh. Kan? Haa.

**NEA: Haa datuk sekolah menengah dulu dekat mana ya?**

DYH: Saya, lepas sekolah kebangsaan, saya masuk sekolah menengah situ juga, sebelah tu. Sekolah Menengah Kebangsaan Polis Depot [di Kuala Lumpur]. Mula-mula

sekolah kebangsaan, lepastu sekolah menengah kebangsaan. Haa sekolah menengah kebangsaan tu sampai *form three* [tingkatan 3] je, dia tak ada *form four* [tingkatan 4] *form five* [tingkatan 5]. Lepastu saya pindah. *Form four* saya pindah ke Sekolah Menengah Aminuddin Baki [di Kuala Lumpur]. Tahu? Tahu kan sekolah tu? Di Kampung Pandan [Kuala Lumpur]. Haa sampai *form five*. *Form five*, saya tak lanjutkan pelajaran dah. Sampai situ, itu saya punya apa -- saya fikir dengan bapa susah apa semua kan. Dengan ekonomi saya kena kerja. Adik-beradik pula masih ada yang tengah belajar. Itu saya berhenti -- saya tengah kerja. Itu yang bapa saya marah saya. Dia kata macam tak ada Haluan. Bapa saya kata “engkau nak main filem”. Haa itulah kisah dia. Haa tapi saya nampak depan mata sendiri lah pelakon-pelakon. Pelakon-palakon veteran yang saya kenal lah, Merdeka Studio. Haa saya tak nak sebut nama lah pelakon-palakon veteran. Saya puja diorang kan. Apabila saya tahu, saya masuk bidang ni, baru saya tahu *the real life* [kehidupan sebenar] tau. “Ooo, macam ni rupanya kan” (gelak). Tengok *life* [kehidupan] macam ni rupanya kan. Haa diorang itu -- haa sebenarnya -- sekarang lain tau. *That's why* [sebab itu] saya kata seniman dulu seniman sejati tau. Diorang berjuang kerana minat diorang dalam bidang ni. Haa kalau ikutkan dari segi pembayaran dulu tak berapa sangat. Industri filem melayu tengah jatuh. Masa tu filem melayu tak ada tempat. Filem hitam putih. Sebabtu P.Ramlee [Allahyarham Tan Sri Datuk P.Ramlee] dipuja. Filem-filem dia *success* [berjaya] dekat sana [Singapura]. Lepastu berlaku pergolakan-pergolakan antara Union, persatuan-persatuan sana yang bagi syarat-syarat ketat kepada Shaw Brothers di mana, *shooting* filem pukul lima *break* [rehat]. Dia buat macam kerajaan tau. So P.Ramlee ni berkarya. Kerja wayang ni tak boleh ikut macam masuk pagi balik petang. Tak boleh. Dia macam tentera tau, macam polis jugak. *You punya time* [masa] kerja tak ada *limit* [had]. Ada masa *you punya kerja singkat*. Ada masa panjang. Ini bukan berlaku dekat sini sahaja. Di India, di Amerika, sama. Jadi bila sini ada persatuan-persatuan mengatakan yang kita kerja, kita kena sekat kerja, kita kerja tak boleh lebih lapan jam, dua belas jam. *I* kata kamu tengok, apa kerja yang tidak ikut masa? Kerja polislah, atau kerja askar. Kan? *Anytime* [bila-bila masa] dipanggil. Ada masa dia *twenty-four hours* [24 jam] *standby* [siap sedia] untuk buat pengintipan dan sebagainya kan. Jadi benda-benda ni -- tapi ada masa, kau kerja dua jam [2 jam] tiga jam [3 jam] je. *Shooting* siang, malam tak ada.

Kan? Jadi orang-orang jenis ni, orang-orang yang tak melalui proses tu. Saya dah masuk Merdeka Studio, berlakon filem hitam putih, tengok sistem kerja. Sama juga macam di luar negara. *Producer producer* [penerbit penerbit] dekat sana pun menghadapi proses yang macam kita juga. Ada masa sampai pagi ke pagi. Kalau ikut *time* [masa], contoh saya bagi. Katalah kamu *shooting*, okey *time* kerja tak boleh lebih daripada belajar (bunyi hentakan meja), kru-kru marah. Kadang kru sendiri “habiskanlah, esok datang” kan?

**NSF: Ha’ah.**

DYH: Katalah kita nak *shooting* hari ini kan? *Shooting*, okey pukul dua belas [jam 12] kita nak *break*. Kita buat macam tu lah. Pukul dua belas kita *break*. Babak tu tak habis, sikit je, tett pukul dua belas. Ada berapa lima enam *shot* lagi, takkan esok nak datang lagi dah? “Eh habiskan jelah”. Kita habiskan tiga pagi [3 am], daripada datang esok, ya kan? Jadi kalau esok, kita *shooting* siang, *shooting* malam, pukul lapan [8 pm] dah habis dah. Jadi dia tak tentu lah, bukan hari-hari nak kerja dua puluh empat jam [24 jam]. Lembu pun mati beb (gelak). Kan?

**NEA: Datuk kata datuk tak melanjutkan pelajaran. Macam mana datuk boleh dapat *title* [gelaran] doktor?**

DYH: Doktor ni, saya macam macam P.Ramlee. P.Ramlee ni dia sekolah tak tinggi. Masa tu dia sampai darjah tujuh zaman itu lah. Tetapi P.Ramlee, semasa dia hidup, dia ni berjaya dalam bidang ni, dari segi proses pengalaman dia. Tau pengalaman? Semua pengarah-pengarah zaman-zaman dulu, proses pengalaman. You tanya Jackie Chan, lagi buta huruf. Dia seorang *stuntman* [pelakon yang mengambil alih aksi merbahaya] je dulu. Pengalaman, proses pengalaman. P.Ramlee juga jadi pengarah -- tengok orang ni mengarah, ikut belakang dia,

tengok proses macam mana dia apa -- itu proses pembelajaran. Dia bukan kata engkau masuk sekolah tinggi kan. Kau sekolah tinggi, engkau keluar kau jadi -- kalau kau dapat kerja engkau dalam bidang, dalam bidang, misal kata kerja kerajaan kan. Penjawat awam kan, itu lain. Dalam bidang seni ni dia lain tau, dia bukan kira kamu siapa. Banyak juga pelakon-pelakon apa ni, *Singapore* [Singapura] tu, ada setenegah dia tak sekolah pun. Sampai dia tak boleh baca pun. Saya tanya dulu, dia kata “*You* tahu Yusof --” sampai tak boleh baca pun dia ni. Dia akan bagitahu ni “Haa okey kau cakap ni, hafal ni” *rehearsal rehearsal* [latihan latihan]. Nampak? Ada tak boleh baca pun.

**NEA: Siapa yang bagi gelaran tu dekat datuk eh? Gelaran doktor tu.**

DYH: Dia ni -- kamu tengoklah, sijil dekat luar tu.

**NEA: Ha ye. Ada --**

DYH: Open Universiti.

**NEA: Open Universiti.**

DYH: Haa dia gini [macam ni]. Sebenarnya ada dua. Sebelum ni ada yang kata nak bagi dekat saya, saya kata saya ni tak layak. Ahmad Nawab [Dato' Seri Dr. Ahmad Nawab] pun, pelajaran tak tinggi. Dia doktor dalam bidang lagu. Dia kata “Yosof, *you* kita akan bagi *you* doktor sastera perfileman”. Sastera dalam konteks dunia filem. Kita, kita tak minta benda tu. Bukan kita meletak kita letak nama saya sastera. Saya, saya cakap saya tolak dah. Diorang bagi saya dengan

Tan Sri semua buat *meeting* [mesyuarat]. Saya kata “*I ni just a small player* [cuma pemain yang kecil], *I* bukan seniman besar apa kan”. “*You tak sedar*” dia kata kan. “*You make* [awak hasilkan] filem. *You* mengembalikan pembabitan filem melayu era-era tahun-tahun sembilan belas sembilan puluhan [90an] kan. Tak ada filem melayu yang kutip kutipan besar besar”. Sejuta orang dah mula heboh kan? Sejuta. Jadi jarang -- kita bila dah *start* buat kan, benda ni saya tak tahu. Bukan kita tahu apa kita nak buat. Kita buat sehabis daya. Dan kebetulan, dram-drama yang saya buat, filem-filem yang saya buat dapat sambutan yang bagus. Haa dengan fenomena filem Sembilu masa tu empat juta [RM4 juta] enam juta [RM6 juta] lima juta [RM5 juta]. Zaman itu saya sendiri pun tak pernah fikir. *Because* [sebab] industri filem ini adalah industri yang paling mencabar. Dan saya paling takut. Isteri saya kata *you* buat je filem. Masa tu saya buat drama tv. Dekat enam puluh drama tv saya buat. Tahun sembilan belas sembilan puluh [1990] -- aaa-- lapan puluh lima [1985] saya bukat syarikat saya sampai sembilan belas sembilan puluh [1990] saya dah buat dekat enam puluh drama. Saya dah mengumpul duit untuk hari tua, untuk masa depan. Tapi nak buat filem takut. Rakan-rakan lain, *company* [syarikat] lain buat filem, satu filem buat, habis kelaut. Ada buat satu laku, dua tak laku, kelaut. Nampak? Jadi nak bertahan tak boleh, yang mampu bertahan hanya Sabah Filem sahaja. Dia bertahan tak salah saya dua belas tahun. Dia buka tujuh puluh lima [1975], tahun laan puluh lapan [1988] macam tu dia habis dah. Haa itu dah hal lain lah kan. Jadi saya berhati-hati. Isteri saya datin, dia bagus “*Yus, you* buat lah filem. *You* dah buat dram tv *I* dah tengok dah”. Masa tu zaman zaman Harimau Rimba, *you* tak tahu lah kan? Itu saya mencuba. Artis tu nak, tapi takut. Kata isteri saya “*you* buat, ambil separuh daripada simpanan *you*, *you* buat. Haa tapi hati-hati. *You* jangan buat apa yang *you* hendak. Apa yang *you* syok sendiri, tak boleh”. Haa so, zaman tu zaman muzik. “*You* buat cerita, buat filem yang ada kaitan dengan muzik”. Itulah lahir filem Bayangan Maut. Walaupun cerita polis, sebab saya dah biasa cerita polis. Haa tapi saya masukkan elemen tu adalah dengan kehendak isteri saya. Haa dia semak saya punya tu kan, dia kata kene masukkan elemen ni. Tapi jaminan tak ada. Jadi ini pun, *I* -- kita -- “*You jumble this*” [awak campur adukkan ini]. “*You* cuba benda ni, insyaAllah *I* rasa. *Because I* tengok filem melayu”. Dia tengok filem melayu. Tiap kali tayang dia tengok. Panggung

ada yang penuh ada yang kosong. Dia kata “Gambar ni bagus tapi tak jalan. Sebab dia punya filem tu bukan konsep hiburan”. Jadi benda-benda ni, dalam konteks bisnes ni -- industri filem ni, *you* kena pandang -- isteri saya cakap “Betul tu. *You* kena pandang industri filem ni sebagai satu *investment* [pelaburan] dalam bentuk perniagaan”. Ada orang kata tau, “Eh, aku tak buat filem. Aku nak buat apa yang aku nak, itu aku punya *philosophy* [falsafah]”. Engkau syok sendiri lah. Siapa nak bagi duit. Kalau engkau pakai duit engkau sendiri, engkau bungkus sejuta [RM1 juta], kau jalan kaki buat apa. Dan saya pun cakap “Betul ni?”. Dan datin pun cakap “Yus, yang kita nak buat ni, jaminan tak ada Yus, kita doa sahajalah”. Itu strategi-strategi. Tapi ingat, walau strategi *you* letak (bunyi hentakan meja) bapa penyanyi apa pun, kalau cerita tak bagus, orang tak akan pergi. Dia akan pergi sekali, dengan *last* sekali rezeki Allah S.W.T. Jangan anggap lah kita pandai kita hebat. Jangan. Eh? Itu benda-benda yang saya selalu tekankan kepada anak-anak saya. Walau dah berjaya sekali pun kan, haa itu dia.

**NEA: Okey datuk, datuk mula ceburkan diri dalam bidang lakonan sebagai palakon tambahan *time* [masa] tingkatan tiga. Jadi --**

DYH: Tingkatan tiga? (terkejut)

**NEA: Haa.**

DYH: Bila pulak tingkatan tiga?

**NEA: Kat mana tadi? (selak kertas soalan)**

DYH: Tingkatan tiga? Mana ada tingkatan tiga.

**NEA: Aaa datuk mula pelakon tambahan tu.**

DYH: Tak, mana -- tidak ada. Itu lepas sekolah.

**NEA: Haa lepas sekolah.**

**NSF: Lapan belas tahun.**

**NEA: Lapan belas tahun. Maaf datuk.**

DYH: Tingkatan tiga (gelak). Apa hal aku -- (gelak)

**NEA: Maaf datuk. Lapan belas tahun datuk.**

DYH: Haa *you* betulkan tu. Jangan bagi salah fakta tu.

**NEA: Haa haa ya. Tak apa dah rakam tu.**

DYH: Sebab saya kadang saya cakap laju ni. *You* tak perasan kut.

**NEA: Haa ye. Macam mana datuk boleh sedar yang datuk ni ada bakat dalam bidang lakonan tu?**

DYH: Bukan saya ni -- benda benda -- banyak pelakon-pelakon yang masuk bidang ni pun, dia tak sedar yang dia ada bakat. I ambil Erra Fazira, "Bang saya tak pandai berlakon bang". Ziana Zain (gelak), "Bang adik tak boleh bang". Lepastu saya kata "Kita cuba *test* [cuba] dulu". Kan? Benda-benda ni datang kadang secara spontan. Betul tak? Spontan. Dia mengikut orang-orang lain, orang-orang keliling kan? Orang tu bawa dia. Ada yang mula-mula tu pelakon *extra*. Saya pernah *shooting* drama, ada *extra*. "Eh budak ni baguslah". *You know* [awak tahu]. *Next* [selepas itu] saya ambil dia pegang watak-watak penting. Lepas dapat watak penting haa *station* [saluran] tu ambil, *station* ni ambil. Kita yang ambil. Macam Abby Abadi tu kan, tak pernah saya ambil. Nampak dia bagus. Mula-mula *extra* je. Dalam filem Maria Mariana, jadi *extra* je lari-lari tu (gelak). Betul. Haa jadi benda-benda ni, dia bukan kira ada sekolah filem ke apa, kan. Tapi kalau *you* ada sekolah filem lagi bagus, kan? Tapi bukan jaminan -- *you* nak jadi *director* [pengarah]. I cakap *you*, adakah *you* nak jadi *director*, *you* kena masuk sekolah filem, lepastu *you* *direct* filem, ada kepastian benda tu akan *success* [berjaya]. Tidak juga kan?

**NSF: Hmm.**

DYH: Bergantung pada -- kalau *you* belajar sekolah pun, tak semestinya *you* ada sijil pun, *you* akan pandai (bunyi hentakan meja) dalam bidang *you*. Kan? Ada yang kata -- *I think you* [saya rasa awak] sedar. Ada orang yang *admit* [mengaku] diri dia *film maker* [pembuat filem]. "Saya balik belajar filem daripada New York Film School, saya tahu *everything* [semua] pasal *angle* [sudut]. Filem melayu ni *low class* [kelas rendah]. *I know because I* dapat *degree* [ijazah] belajar luar

negara". I tak nak bagitahu siapalah. *Condemn* [kutuk] filem ni, *condemn* filem tu. Tapi satu filem pun tak buat. Bila dia buat satu filem, Finas bagi dia geran, hancur. Dia kata bagus. "Korang yang tak tahu nilai, gambar ni ada --". Kau yang cakap sorang. Kalau kau makan makanan tu, kalau sepuluh orang yang kata tak bagus engkau kata bagus, *something wrong* [sesuatu tak kena] la you. Kan?

### **NSF: Ha'ah.**

DYH: Tak boleh syok sendiri. Betul tak? Ini benda-benda nil ah, benda-benda ni. Tapi bagi saya, macam di zaman anak saya, alhamdulillah. Selepas saya -- apa ni, filem saya mendapat sambutan ketika itu, saya nampak banyak di IPT [Institut Pengajian Tinggi] semua diorang buat banyak pengajian filem. Jadi banyak budak-budak *student* [pelajar] masuk situ, itu lagi baik. Maksud dia, *you* dapat dari segi teori akademik dan juga pengalaman. Dua-dua *you* dapat. Macam Shamsul dengan Syafiq, dia masuk. Haa saya kata pergi masuk dua tahun. Haa jadi benda tu, lepastu datang dekat saya, dia kata "Paa, apa yang Syafiq dengan Shamsul belajar dengan papa ni, banyak benda yang diorang dalam tak tahu paa" (gelak). Pasal diorang belajar praktikal, apa tu, teori. Haa tapi tak apa, itu lah kisah-kisah, (bunyi hentakan meja) tahu ke tak tahu, ambil, belajar. Ada benda-benda yang kau tak dapat dari segi teori. Itu pun ilmu tu. Alhamdulillah la, dan kebetulan, bukan sebab dia masuk sekolah filem tu, melalui akademik dia dapat jadi pengarah yang baik, dan bukan sebab dia anak Yusof Haslam, dia belajar dengan Skop Production dia jadi pandai. Ini semua datang dengan izin Tuhan, bakat yang kita tak tahu. Ada orang dia pergi belajar pun, dia tidak ada kesempatan. Dia buat filem pun tak menjadi. Kan? Tapi ada orang macam P.Ramlee, macam Jins Samsuddin, dia pergi belajar dekat England lah. Haa tapi bila balik ke mari [Malaysia], dia buat filem jugak, kan? Alhamdulillah la. Yang lain-lain, macam pengarah-pengarah lain, macam Hussein Haniff [Allahyarham Hussein Haniff] kan? Semua diorang daripada pengalaman. Tapi saya suka, terus terang, kalau dia ada peluang untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang profileman kan, saya menggalakkan lah. Lepastu ada kombinasi di antara

pembelajaran di kolej dalam pengajian filem bersama dengan pengalaman. Macam anak saya dia punya tu *open because* [terbuka sebab] bapa dia *shooting*, hari-hari *shooting* dekat rumah, Syafiq tu Shamsul masa diorang kecil, saya *shooting* Harimau Rimba, diorang pegang senapang tu, M16 ada gambar dia, kan. Jadi dia dah tengok bapa dia kerja. Itu adalah proses pengalaman. Dan saya bagi dia buat drama-drama bersiri Gerak Khas kan, dia nak mengarah kata dia. Saya kata “Mana boleh kamu mengarah, kamu *assistant* [pembantu]”. Akhirnya, saya bagi dia peluang enam babak dia mengarah. Saya kata “Kalau enam babak ni engkau bagus, aku ambil”. So, dia bila dah mengarah, enam babak tu, penyunting saya panggil. Dia kata “Datuk, Shamsul ni boleh mengarah tuk. Dia punya *shot shot* cantik. Then, dia ubah sikit je datuk punya kata bual”. Haa itu saya nampak, maksud dia orang kata apa, dia *improve* [menambah baik] kan lagilah. Dia budak muda, zaman dia tau, kita dah lama dah, puluh tahun dah tahu. Jadi, dia adalah bertentangan dengan saya apa semua kan. sebabtu orang-orang lama macam saya sekarang kan, saya lebih beagi peluang kepada orang-orang baru lah. Tapi orang baru bukan semua yang berjaya. Saya pernah bagi budak UiTM, lama dah, tahun 2002/2003, datang sini *discuss* [bincang] dengan saya kan, haa dia kata “Datuk, saya ni nak mengarah, saya suka tengok datuk punya *company* apa saya nak ni --”. Okey tengok skrip saya bagi drama Gerak Khas. Tapi hasilnya rupanya dia tak tahu. Dia cakap pandai tau. Skrip okey, saya ubah-ubah sikit tapi okey. Cantikkanlah. Bila dia mengarah, lah, kelaut. *Shot* dia tak tahu apa semua kan. kata *editor* [penyunting], “Datuk, ini apa cerita ni, *angle* terbalik apa semua” kan? Dua hari *shooting* (gelak). Saya kata, “Kamu kena belajar. You belajar, masuk dunia filem, you jadi *assistant director* [pembantu pengarah] walapun you belajar UiTM you tau? Situ dapat *skill* [bakat]” Saya buat balik.

**NSF: Haa okey datuk.**

DYH: Tapi idea dia bagus. Dia idea ada, tapi bila nak melaksanakan, dia tak ada. Kan? Benda-benda ni lah.

**NEA: Faktor apa yang mendorong datuk untuk memulakan kerjaya sebagai pengarah?**

DYH: Sebab bukan apa pertama saya suka tengok filem kan, macam pelakon yang saya nak jadi pelakon sebab saya ni gila tengok gambar Cowboy, gambar James Bond, gambar Hindustan, cerita P.Ramlee jadi kita berangan lah berangan kita berangan sorang, saya pon tak tahu saya boleh jadi pelakon kan, jadi start filem colour filem warna dengan Uji Rashid tu kan, itu start lah kita bukan *confident* [yakin] sangat itulah permulaan dia. Semua dengan izin tuhan. Kita punya kehidupan ni kita ada rancang, kadang-kadang kita tak rancang benda ni datang sendiri. semua Tuhan aturkan kehidupan kita.

**NEA: Permulaan menjadi pengarah Datuk mencabar ke tak ?**

DYH: Sebenarnya macam ni, saya masa shooting-shooting filem, kita ni sebagai pelakon kita tengok juga filem -filem hitam putih kan. saya, zaman saya dulu saya masih muda kan, bila saya buat drama pertama kali masa tu buat drama tahun 85 [1985], RTM [Radio Televisyen Malaysia] takkan ambil pengarah siapa- siapa. Pengarah mesti pengarah filem atau kurang-kurang dia pengarah di RTM. Jadi saya ambil pengarah dia Aziz Jaafar [Arwah Aziz Jaafar] untuk mengarah. Saya nak kata *you* [awak] hanya boleh menjadi Penolong Pengarah. Jadi saya dengan Galak Galak *assistant director* [Penolong Pengarah] dengan saya, masa tu umur Galak 40an. *So* [jadi] bila kita melalui proses, Aziz Jaafar dia pengarah lama tau masa tu umur dia dekat-dekat 60-an. jadi, Bila kita jadi *assistant* [penolong] kita nak apa *shoot* kita ambil kan, dia tak setuju lah dia kata “Engkau budak baru engkau ikut je ya”, tapi memberontak jiwa saya. Betul tak? Pasal apa macam konsep dia banyak *why* [kenapa] tahu *why*? Bila bercakap banyak *one short*, MS, *long short* banyak jenis. Saya cakap dia saya kata “apa ni Abang Aziz kenapa tak ambil *close up* je?” “Eh apa, gua [saya] tahu lah”. Dia panggil gua gua. “Gua tahu lah. *You* tak payah ajar”. Jadi saya ikut lah. Saya dengan Galak Galak dengan saya. Bila saya dah buat

benda tu, Bila saya dah buat benda tu, Kemudian bila gambar tu ditayangkan di RTM oleh KSU [Ketua Setiausaha] yang menonton zaman KSU menonton tahun 85 [1985] ke 86 [1986], dia tengok je dia tegur, dia kata “kenapa banyak *long short*. TV kita ni secara kecil”. KSU tengok dah zaman tu. Lela ni KSU. Ketua Setiausaha. Betul tak? (datuk gelak). Lepastu masa tu kan diorang panggil Yusof Hasnan kan. tengok masa tu kan. dia tengok banyak *close up*. Cerita orang putih cerita siri-siri TV. Dia masih banyak *close up* dan *long short* tu perlu. Kenapa banyak *long short*, *long short* jadi tak puas lah. Skrin kecil. Apa yang KSU cakap sama lah dengan saya cakap kan. So aziz Jaafar diam tau. Lepastu KSU balik, Aziz Jaafar cakap “Yusof Haslam betul lah betul. Gua silap”. Jadi bila saya buat musim kedua buat drama RTM dalam versi kedua, saya minta dia apa ni minta kepada RTM saya nak mengarah, RTM kata “kamu tidak pernah mengarah. Setakat ikut Aziz Jaafar tu kan kalau kamu nak mengarah letak Aziz Jaafar sebagai penasihat”. So, bila start saya mengarah Aziz Jaafar ikut saya. Bila dia ikut saya masa saya mengarah tu, dia ikut saya saya rasa dua hari je lepastu hilangkan diri. Saya kata mana orang tua ni. Saya pon *call* [membuat panggilan] dia pergi rumah dia kata “Abang Aziz kenapa Abang Aziz tak ikut saya. Saya pengarah baru. Abang aziz pengarah lama. RTM nakkan Abang Aziz sebagai penasihat. Kalau tak diorang tak bagi”. “*You* letak lah gua punya nama apa ni penasihat pengarah haa takpa pasal gua pergi pon buang masa ja [sahaja] sebab banyak benda *you* dah tahu. *You* lebih teliti daripada gua lah”. Dia ikhlas tau [tahu] tu saya *respect* [hormat] dia. “Takda Abang Aziz saya belajar”. “Takda gua sudah ikut selama 2 hari gua tahu *you* punya *shot* apa yang KSU cakap tu betul. *You* punya *shot* pantas. Gua sudah tengok cerita cerita siri. Gua tahu lah. Gua banyak kelemahan banyak betul *off shot*”. Dia *admit* [mengaku]. Dia tak datang. Selama shooting dua bulan tu dia tak datang langsung. Dia datang dua hari je. Jadi lepas siap gambar tu, dia mengarah. Dia mengarah dalam dua *episode* [siri] je. Saya mengarah *episode* lain. lepastu sekali lagi RTM pada tahun kedua. Diorang tengok pada tahun kedua. Masa tu tak ada lagi *title* [tajuk] tau. So, dia ingat Aziz Jaafar mengarah. lepastu, siri cerita saya buat. Bila dah habis siri tu, pegawai tinggi RTM sebut nama saya. “Begini lah Abang Aziz, kita nak macam ni Abang Aziz. Banyak *close up*”. Dia kata “Cik Rahman bukan saya. Saya ikut je. Ni budak”. “Eh takkan Yusof Haslam buat ni”. “Ya dia buat”. “Ya ke”. Macam tak

percaya lah kan. Lepastu “ya dia buat. Sumpah dia buat”. Kebetulan Aziz Jaafar baru balik saya hantar pegawai tu. driver dia lambat sampai. Saya hantar dia balik ke RTM. Balik *On the way* [dalam perjalanan] tu dia kata “Yusof Haslam, betul hang mengarah? Patutlah aku tengok sentuhan Aziz Jaafar”. Shot pon pantas apa ni kan. “Haa okay okay. Kalau macam tu akan datang dia boleh mengarah”. Itu kisah dia. Haa. Sebenarnya yang saya mengarah tu Aziz Jaafar cuma ikut 2 hari je [sahaja]. Macam hari ni [ini] lah zaman harini, antara saya mengarah sekarang harini dengan Syamsul mengarah atau Shafiq mengarah, saya tengok perkembangan dia. Bila tengok dia punya kreativiti *shot* tu kan, isteri saya komen Yus I rasa diorang dah kedepan Yus. *You* masih kebelakang. *You* sama macam Aziz Jaafar dulu. (gelak) Betul tak. Dulu, Aziz Jaafar dia dah tua. Dekat 60. Saya masa tu budak lagi baru berumur 30 kan, Bila masuk proses dekad, 2 dekad, saya dah 3 dekad dah. Nampak? bila datang orang baru, dia pon masa tu. Dia macam Syafiq lah. “pa [papa] ni , dulu boleh pa sekarang tak boleh pa.Tak sesuai pa tak sesuai. Benda dah moden pa. Dah lain. Papa sama pa. Papa jangan kecil hati pa”. Saya sentiasa jaga soal sensitiviti lah. Sensitiviti yang kadang budak-budak muda kan kadang dia berani kan. nyaring kan benda tu. saya kata jangan buat macam ni. Tak lepas dengan RTM. Eh bolehlah buat. Dia nak buat saya kata jangan. dia buat juga. Tu nanti RTM akan potong. Itu saya jaga. “Yusuf anak *you* kreatif. *You* jaga sensitiviti. Diorang budak muda diorang main redah je”. Ya tak. Haa. Benda benda yang sensitif. Macam kau tembak tu kan pang pang pang. RTM tu lah dia akan potong. Lepastu ada *scene* [tayangan] katakanlah macam *scene* Bohsia. Kan. Dia bawa perempuan masuk nak tunjuk adegan. Tak payah. kan. Buat dalam bentuk simbolik je [sahaja] kan. Macam *you* dia kata datuk *you* ada *self-intensive* [intensif diri]. Maksud dia dia kata kita ada nilai diri kita sendiri. Nampak adegan tu nak buat kan setakat kau buat masuk bilik tutup lampu tap haa orang dah faham lah. kan? Tak payah nak buat situ lah nak buka baju tak payah lah benda tu. kita kena makin lama kita kena makin ke pendekatan islam lah kan. Ada kita punya *guide* [ajaran] kan, ada tatasusila kan. budak budak muda sekarang ni lain tau. Dia redah je. (datuk gelak).

**NEA : Daripada pengarah kepada penerbit filem. Apa yang tertarik untuk datuk --**

DYH : Tak pengarah. saya lah penerbit

**NEA : Oh pengarah dengan penerbit --**

DYH: *Because why* [sebab apa] masa saya pengarah saya lah penerbit. Saya tauke tapi saya tak boleh mengarah. Sebab tu saya bagi aziz Jaafar. Masatu [masa itu] pengalaman. Saya budak lagi. Panggil orang lama-lama. Masatu Alif Satar tu. bila tengok balik, bila tengok budak-budak Aziz Satar mengarah lainlah. Jadi dengan sendirinya pengarag-pengarah lama ni kan haa itu. Benda tu akan berlaku tu saya zaman harini [hari ini] lah kan saya nak mengarah filem. Saya boleh buat filem saya boleh. Tapi kata isteri “Yus, jangan penatkan diri lah. Penat. Dah puluh tahun mengarah, *you take your time. relax*” [ambil masa awak. relax]. Main cucu kan. Jadi penasihat. Penasihat kan. “Drama TV takpa [tak apa] Yus. Drama TV takpa tapi untuk filem ni skala besar *you tahu kan*”. Biar bawa dimensi baru budak-budak muda punya idea kan. yang pergi panggung bukan usia macam saya. Sebaya-sebaya korang ni [ini]. kan? Jadi kadang-kadang psikologi. Yang mengarah ni Aziz Satar yang pengarah ni aku dah tengok dalam cerita Bujang Lapok tu kan. Contoh tu kan. haa. Aku suka tengok filem-filem apa ni anak Yusof Haslam. Kan. Lepas kau cakap filem ataupun artis-artis Uji Rasyid ha dah kenal dah. Kan. Benda-benda tu lah.

**NSF: Jadi aaa Datuk ada tak ambil dana daripada mana-mana agensi untuk tayang filem datuk?**

DYH: Aaa untuk pengetahuan *you*, sepanjang saya buat filem masatu tak ada geran. FINAS [National Film Development Corporation Malaysia] masa tu baru tubuh. Tapi akhir-akhir ni adalah sikit tapi tak banyak. Sekarang ni kita ambil geran belum dapat pon lagi. Yang baru kita dapat ni kita buat satu filem. Filem Syerif

kan. Tapi kecil je [sahaja] kita dapat. Haa. Sebab saya ada minta geran 5 juta Syafiq minta dulu kan. Tak dapat. Selalu kita masuk tak dapat sebab apa *perception* [persepsi] diorang aaa “Production dah kaya tak payah lah” apa semua. Sebenarnya itu istilah yang salah. Sedangkan syarikat Astro Show dapat pula. Astro Show dengan Yusof Haslam siapa kaya? Astro Show tu syarikat besar. Haa tapi benda-benda ni berlaku pon saya tengok, syarikat-syarikat yang takda kena mengena tu kan diorang ni saya tak tahu apa lah. Sebenarnya, walaupun kita ni syarikat yang ada nama dan berjaya, *you* bagi peluang untuk gambar skala yang lebih besar. Tapi kalau *you* nak ambil satu benda ni *you* kena bagi orang baru. Saya tak nafikan. Tapi orang baru mesti ada *potential* [potensi]. Bukan 10 orang baru masuk kau kaut, aaa orang baru masuk itu yang jadi FINAS dekat 100 juta lebur. Entah siapa-siapa dibaginya. Yang ada kemampuan dia tak bagi. Saya kata begini dalam proses pembikinan filem kalau ada geran apakan, dia mesti ada dua. Satu, katakanlah 10, 5 orang baru orang baru bukan main cekup tidak, orang yang pernah buat telemovie, short filem yang cantik ada *skill* [kemahiran]. *You know* [awak tahu]. Bukan orang baru je cakap kau. Haa jahanam lah. Kan. Lepastu yang 5 lagi yang ada pengalaman. Yang ada *strong record* [rekod kukuh] supaya geran tu hasil dia nampak. Filem apa ni. Oh, ini ada geran ni. *Success* [berjaya]. Contohlah Mat Kilau, Mat Kilau pon tak dapat. Dapat pon setakat tak sampai 2 juta [RM20000000]. Sejuta setengah je. Sedangkan ada filem-filem dulu yang tah siapa-siapa yang 5 hingga 6 juta lebur gitu je. Tak keluar pon. Sekurang-kurang Mat Kilau dia dapat geran yang kecil dia dapat hasil kan? Pasal daripada pengarah dia. Bukan salah pengarah saya rasa kelaut. Nasib baik dia dapat Syamsul Alhamdulillah dia baru nak *commercial* dengan gambar tu baru dapat sambutan. selari dengan cerita kan. Dia tahu nak bagi jelas gambar tu lepastu dapat sambutan. Alhamdulillah. Haa bagi saya lah biar kerajaan pon kena fikir benda tu sebab apa saya bagi contoh macam Syed Mokhtar kan. Tan Sri Syed Mokhtar. Dia daripada asalnya saya buka restoran tu, dia ada kedai beras tau dekat hujung restoran saya tu. dia berniaga beras. Tapi dia anak melayu yang bertungkus-lumus berniaga, projek-projek yang bagi dia berjaya. Tak pernah failed tau. Tapi kalau *you* istilah pasal *you* kenal orang ni bagi kawan ni kawan ni takda pengalaman, *you* bagi projek besar-besar, gagal, kerajaan rugi. Sebabtu kadang-kadang baru ni kerajaan sekolah kerajaan tak siap. Macam mana nak siap. Bagi kontraktor yang

tah siapa-siapa. Kan. *that's why* [sebab itu kenapa] korang nak jeles dekat Tan Sri Syed Mokhtar. Syed Mokhtar yang jadi anak melayu billionaire. Dia sorang je. Lain semua syarikat-syarikat asing. Bukan orang melayu. Kita harus support dia. Dan dia pon banyak bagi amal jariah. Sedekah dia bagi kan. Bagi saya lah *in same time* [pada masa yang sama] boleh *create* [cipta] orang melayu yang lain. Ini bukan haa dia dah kaya. Itu perkataan saya tak sukalah haa. Sedangkan *you* cakap tak pernah saya tengok MCA [Malaysia Chinese Association] ke orang cina ke cakap aaa ini apa ni ini “Ah Chong sudah kaya lah. ini ni anak orang kaya. dia punya bapa sudah jadi kaya”. Tak ada. Padahal anak-anak Lim Guan Eng semua jutawan. Anak-anak bekas-bekas Menteri apa ni apa ni MCA bukan main calang-calang. Jadi saya tak saya tak faham lah. Itu saya kata bagi saya orang melayu kita kena buang perasaan hasad dengki. Orang melayu yang maju yang berjaya tu orang yang *success* [berjaya] yang bekerja keras. Haa. *You* tengok perjalanan dia. Jadi jangan kita jadi cemburu. Cina-cina dah beratus, beribu cina yang dah kaya-ray. Kita berapa kerat. Saya pon tak tahu industri saya ini berapa lama bertahan. Saya syarikat bumiputera yang paling lama bertahan. Hampir 40 tahun dalam industri ini. Saya pon tak jangka. Tapi kalau saya menyeleweng, katalah saya buat filem menyeleweng sini menyeleseng sana, saya terlibat dengan benda-benda tak baik, saya scandal kesana kemari, saya rasa dah lama hancur dah syarikat ini. Saya bertekad, kita cari makan cari rezeki untuk industry ini juga, untuk rezeki anak-anak dan juga untuk untuk bangsa kita. Sekurang-kurang orang melayu kita P.Ramlee dah jadi *producer* [Penerbit]. Dia kerja dengan cina kan. sekarang kita orang melayu mampu berdiri atas kaki sendiri. Berapa lama bertahan saya tak tahu. Kalau anak-anak saya kuat tahan lah. Kalau saya dah mati nanti kalau diorang tak kuat. Habis. Ni saya titipkan pada Syamsul dan juga Syafiq.

**NEA: Sepanjang datuk jadi pengarah dengan penerbit ni pengiktirafan apa yang datuk telah terima?**

DYH: Banyak. banyak ada list. Nanti saya tanya pada setiausaha. Saya pon tak ingat.  
Banyak.

**NEA: Takpa datuk boleh sebut dalam satu dua jenis yang paling bermakna dalam hidup datuk.**

DYH: Apa ni saya pernah dapat anugerah apa ni (Datuk keluar ambil senarai anugerah diterima)

\*\*Datuk bagi artikel\*\*

**NEA: Sat gi [sekejap lagi] kami tangkap gambar ya.**

DYH: Ambil ambil semua. Si Syamsul ni bukan apa. Dia bertuah kerana dia lahir sebagai anak saya dan saya pon dah tahu. Saya capai kejayaan ni pon dengan izin tuhan kan. Jadi dia ada platform yang bagus kan. *that's why* [sebab tu] saya mengharapkan jalan betullah kan. Kalau dia salah jalan. Tak lama kekal. Kalau kita berjaya jangan kita gah kita ni berjaya. Ni semua aspek ni. Aspek rumah tangga, keluarga, semua aspek.

**NEA: Boleh tak datuk jelaskan objektif datuk hasilkan filem yang berkaitan dengan badan beruniform. Macam Gerak Khas. Apa objektifnya?**

DYH: Saya oleh kerana daripada saya sekolah lagi saya minat untuk jadi Inspektor Polis. Jadi, kebetulan saya berlakon Bukit Kepong, saya kenal ramai kawakawan polis ya. Diorang bila *sign* saya nak buka syarikat drama TV, dia kata “Suf kau buatlah Suf syarikat drama TV kau buat drama polis”. RTM masatu orang hantar apa ni proposal dekat diorang semua kisah cinta, kisah keluarga kau tau [tahu], mak bapa, jadi lambakan tu saya sorang yang hantar tu saya suruh sorang tu dibuat oleh pegawai polis yang nama dia ASP Lativi, ASP

Lativi nama dia. Dia tu rapat dengan saya. Dia draftkan tu lah dia punya konseptik kan, jadi kita hantar ke RTM. RTM panggil saya dia kata “Yusuf Haslam, bagus kau hantar ni. semua ni cerita keluargalah. Cerita cinta lah apa kan. Ni lain ni. Sapa buat ni”. Saya kata “saya dengan pegawai polis tu lah”. Jadi, terus lulus tau. Itu kisah dia permulaan dia. Dan saya tak sangka bila saya buat beberapa siri polis, diorang tak bagi saya buat cerita drama tau. Saya hantar cerita drama-drama cinta tu kan, keluarga ni yang orang lain buat saya hantar semua dia tolak. *No*. Sudah banyak sangat dia kata. *You* tumpu kepada polis sahaja. Dan saya memberontak lah kan. Dia kata orang lain biar orang lain yang buat. kau buat cerita polis saja. Tu yang datang roda-roda lah apa kan. idea drastik apa ni dia akan masa hantar skrip polis tu saya dalam masa yang sama saya belajar tau dengan kawan-kawan saya. Kawan saya ramai polis. Saya belajar undang-undang. Apa yang boleh apa yang tak boleh. Kau tau. Jadi proses tu lama lah 4 ke 5 tahun. Lepastu kawan-kawan saya kata “Suf kau pon dah tahu ni”. saya kata “walaupun saya tahu tapi dari segi aspek apa tu dia punya dari segi apa perundangan kan computing, technical, technical ye itu saya masih *call* orang polis ni walaupun, walaupun saya tahu kadang-kadang undang-undang berubah tau”. harini jenis undang-undang kan, esok ubah kan. haa jadi saya apa ni kita *refer* [rujuk] diorang lah. Saya ada polis punya buku, Bukit Aman bagi saya kan apa-apa datuk you *refer* buku ni. Kalau ada apa-apa you *call* kitorang. Jadi diam tak diam saya pon dah terlebih dengan 2000 siri kepolisan. Saya pon tak sangka tau. Kalau terfikir masatu buka *company* [syarikat] nak buat 2000 siri *you* tak buatlah. *you* tau. Yang paling lama sekali siri gerak khas lah. Lebih 1000 *episod*. Siapa tak sangka. Benda ni kadang-kadang saya pon rasa jemu juga. Saya kata “ni saya nak buat cerita lain”. “Cerita apa? Cerita polis ni. Tak usah kau buat ni. Dah ada pengikut ni”. *You know*. Itu sebab Panjang. Yang mana tak tahu halah Yusuf Haslam dia kabel, dia kenal Menteri apa semua. Aih banyak betul Menteri. Saya buat cerita ni saya rasa dah 6 ke 7 Menteri tau. 7 Menteri. IGP dah dekat 5 ke 6 IGP tau. Wah aku ni kabel dah cukup baik lah. Bukit Aman apa semua kan. Dia datang *last* [akhir] pada produk. Kalau masuk stesen TV sambutan tak ada setakat tu je lah. Jadi asal dia nakkan lagi satu dia kata badan beruniform ni tak banyak orang buat kan. ada yang buat setengah tu dia tak tahan nama. Jadi dia kata “*you* ada *branding* ni *you* jangan stop

[berhenti]. Tu satu masa masa kita buat gerak khas diorang panggil kita buat roda-roda pula. Roda-roda kita buat 2 tahun pernah. 2 tahun tau. saya sendiri stop. Saya dah pasal memang terlalu sibuk lah kita kata. Sebabtu saya dah kurang dah buat filem. kan. Saya tengok buat filem pon sambutan dah dah kurang. Tak rugi tapi kata orang rumah saya “*you* rehat dulu. You punya otak kang *you* nak buat filem drama lah bukan”. Bukan macam dulu. dulu zaman-zaman saya buat filem dulu saya punya drama setahun saya buat. 13 betul tak? Ini satu tahun dekat 100 episod dah buatkan, Jadi memang lah dikata sakit otak lah kepala. (datuk gelak). Rambut gugur kan. aaa. Tapi saya tak nafikan lah benda ni semua datang dari izin tuhan lepastu [lepas itu] dengan team saya lah. Dengan *team-team* [kumpulan] saya, lepastu kawan-kawan kita kan, kerjasama saya dengan pihak polis. Hubungan tu bukan apa, untuk untuk kita dapat input-input bagi ni kan. Ni saya nak buat filem akan datang ni bulan 2 nama cerita dia Syeriff. *Police story* [cerita Polis]. Yang cerita Zul Ariffin berlakon kan. (bunyi hon motor) Itu saya bagi idea cerita tu pada si Syafiq. Syafiq akan buat dalam filem sendiri lah. Story saya bagi dia. Zul berlakon, Aeron Aziz berlakon aaa ramai lah.

**NEA: Bagaimana prosedur yang digunakan untuk hasilkan drama Gerak Khas. Prosedur dia.**

DYH: Prosedur dia sebenarnya kalau *you* nampak bukan senang tau. Orang kata *shooting-shooting* buat skrip kita buat. Setiap skrip yang kita buat, kita aaa siap skrip tu aaa sebelum kita buat skrip tu apa *story* [cerita] kita nak buat lepastu kita nak fikir dari aspek perundangan. Kadang-kadang orang tak tahu main redah-redah je kan. Ada benda yang boleh ada benda yang tak boleh. Jadi, lepas skrip tu siap, kita hantar ke bukit aman. Bahagian PRO. Diorang akan luluskan dalam masa 14 hari lah.

**NEA: Bahagian PRO? PRO tu apa ya.**

DYH: Ya PRO. PRO apa ni macam dia ni macam *public relation* [Perhubungan awam] lah. Bahagian PRO diorang ni macam perhubungan awam. Tau tak. Jadi diorang ni *last* [Terakhir]. Tapi peringkat awal dulu memanglah. Peringkat awal dulu tahun 80an [1980] kan bukan Gerak Khas lah cerita awal-awal Remang-Remang Kota Raya haa itu banyak lah. “Ini tak boleh Usup. Ini salah lah”. Tapi saya refer pada kawan saya. Kawan saya dia pon nak keluar daripada kepompong tu dia kata tak boleh. Sebab polis rasuah tak boleh. (Datuk Gelak). Haa kan. Tapi sekarang ni boleh tapi dia tak ditekan sangat lah. Dia kena sama kan. jangan selalu. Dulu filem tak boleh. Sebenarnya filem polis saya nak buat filem yang aa polis rasuah kan aa jadi Syafiq pernah ikut saya buat cerita KL Special Force. Kl Force dibuat, skrip saya tengok saya kata “benda ni bukan apa sekali dah mesyuarat tu kata ni tak boleh fiq”. “Shafiq tahuolah budak muda. *you* tak payah buat”. Tinggal meeting tu. saya tarik dia “heyyy” haa kan. pegawai polis (datuk gelak) tengah meeting, meeting dengan polis ni “eh Sop anak kau ni semua agresif eh”. Kan. Dia kata macam cakap dengan anak saya dia kata “Shafiq macam bapa kamu mari kesini dia runding. Bapa kau dia kompramis. Kau ingat Fiq kita ni jabatan kerajaan. Apa yang boleh boleh apa yang tak boleh tak boleh. Kau nak buat macam ni kau buat filem macam ni kena banned kang. Aaa kau tanya bapa kau. Ini jangan buat. Kalau ni jangan buat kau jangan buat filem jangan buat drama. Pasal apa yang kau nak kau tak dapat”. Kita buat apa dia boleh kan. Kan. Benda tak boleh kau langar kena banned gambar tu. kan. Kita nak hidup, nak *survive* kan. Lepas tu ok kita longgarkan sikit kan. Tu yang buat cerita tu ada lain sikit cerita dia. Tapi kalau nak buat dulu banyak sekarang dah longgar sikit dah. Macam kamu tengok cerita tu kan apa cerita tu aaa apa ni One Two Jaga kan, Tu cerita polis nampak polis rasuah kan. Masatu belum peralihan kerajaan tau tak. Jadi bila saya keluar dengan orang-orang kerajaan, “Eh kau buat lah. Buat lah especially sekarang polis rasuah. Orang takut”. Tapi saya masih ada aaa *because* kita tak bagus buat semua polis rasuah. Nampak tak bagus. Boleh tapi di min kan. jalan cerita dia pon ada yang saya buat ni syerif. Ada watak watak dimana permainan orang dalam yang buatkan operation polis gagal,

Kenapa jadi gitu, pegawai ni mati kena tembak kan. semua saya buat ni. Saya harap Bukit Aman tak ada masalah lah. Sebab saya *counter* balik. *Counter* balik cerita.

**NEA: Polis yang sebenar terlibat tak dalam penghasilan drama gerak khas.**

DYH: Aaa polis sebenar ada tak aaa tak ramai lah tak ramai. Ada pon dulu ada Shahrul Anuar tu kan. Zaman saya buat mula-mula dulu tu ada nama dia Roslaman. Arwah Roslaman. Kawan baik saya. Itu berlakon dalam cerita bayangan maut yang jadi bos saya tu aaa dia jadi apa ni pegawai polis lah. Dia jadi penasihat saya dan juga dia berlakon lepastu shahrul Anuar tu berlakon aaa dia juga polis dia berlakon tapi bukan selalu lah. Dia hari cuti kan. Yang watak sesuai dia berlakon. Shahrul Anuar ada. Sampai banyak kali orang ingat dia pelakon. Dah penced dah. Dia pon dah penced. Zaman gerak khas kita pon dah habis kan.

**NEA: Siapa yang bagi maklumat berkaitan dengan gerak kerja sebagai polis?**

DYH: Itu saya kata. Pengalaman. Saya dah buat berpuluh tahun kan. Lepas tu pengalaman kita berkawan-kawan dengan polis, lepastu kita tengok-tengok cerita orang putih tapi cerita orang putih, cerita india cerita orang putih *scene* dia punya polis tu orang tak tau. Bukan semua boleh ikut. Kan. Kadang kita bawa itu acuan saja tu untuk kita buat oii tak boleh. Tu isteri saya tengok dia kata “*you* tak boleh samakan tengok cerita orang putih sana bawa kedalam ni. tak boleh. Sebab sana diorang *very open* [sangat terbuka]”. Kan. Kita masih ada batas-batas dia kan. Tapi sekarang dah longgar sikit dah. Longgar pon diorang nak kaji. Pengarah-Pengarah Bukit Aman jumpa saya dia complain juga dia kata “Yusuf

ni apa cerita ni One Two jaga tu nampak polis semua saya tak sukalah. Jatuh imej”. Saya bagitau “minta maaf datuk. Sebenarnya, aaa benda tu zaman tu tapi bagi saya kena”. Kita perlu tunjukkan bukanlah bila polis rasuah, semua polis rasuah. Macam kita tunjuk dalam satu keluarga, Keluarga tu kata ada 5 anak. 5 anak tu bapa menghadapi masalah dengan anak. Jadi kita kena realistik lah. Ni terlampau propaganda sangat. Nasib baik zaman sekarang orang semua dah berubah dah. Ni yang saya cerita ni pegawai tu pon dah aaa dah *pressure* [tekanan] dah. Orang lama lah. Yang baru ni bagi saya ok tapi diorang pon perlukan kelulusan daripada pihak atasan. Sampai ASP tau. Saya pernah skrip saya ditahan. Saya buat filem Gerak Khas Aksi Movie selama sebulan lebih tak dapat jawapan. Pasal ada isu pasal polis rasuah. *Last-last* [akhirnya] tukar. Cerita tukar ke polis tak rasuah lah. Tahun lepas. Sampai sebulan. Jadi kita buat kerja ni mengikut apa yang dibolehkan dalam tu. walaupun banyak kadang-kadang kawan-kawan “heyy apa cerita polis kau ni. Kau tak ada buat polis rasuah. Buat lah”. Kan. Bukan tak nak buat. Skrip sampai pon kan kita pergi sana dia akan tendang. Tapi sekarang saya nampak ada kelonggaran sikit. Ada kelonggaran diorang pon dah faham kan. Diorang kata betul tapi harap-harap lah. Tapi jangan dijadi sebagai satu lisensi untuk kita sentiasa buat benda negatif tak bagus kan. Kena buat sesekali. Ada sebab ada alasan dia.

**NEA: Balai mana yang datuk lancarkan untuk siri drama gerak khas?**

DYH: Apa dia? Balai?

**NEA: Balai mana? Balai Polis mana yang datuk lancarkan untuk siri gerak khas ini.**

DYH: Kita *shooting* sebenarnya boleh dikatakan semua dekat studio kita.

**NEA: Dekat studio.**

DYH: Studio kan kita ada studio yang buat bilik Gerakan apa semua. Haa tapi kita pergi ke pejabat dia kita pergi Bukit Aman kan, Nampak Bukit Aman, diorang bagi kita semua production. Lama diorang tak bagi. Bukit Aman yang baru ni diorang tak bagi. Itu yang kita tengok macam baru ni Eyra berlakon tu kan dekat Bukit Aman tu kan masatu kita *shoot* sekali bagi tapi aaa dalam dia boleh bagi tapi kalau bagi dia bagi hari Sabtu Ahad je. Sebab apa hari lain orang kerja. kang orang tengah bekerja kau masih *shooting* marahlah orang kan. tak bagi. So dia kata dia kata “Datuk you buat set sendiri. Seakan-akan. Panggil orang kita diorang turun turun kita buat kita buat”. Okay macam ni bendera macam ni macam ni haa tengok lah jadi kita buat. Kalau tidak kita nak tunggu hari Sabtu Ahad kan lepastu kalau barang pensel ke hilang (gelak) kacau lah. Pensil ke atau dokumen hilang kan tak boleh pasal benda-benda ni semua dia *confidential* [sulit] kan. Orang tak tahu kadang-kadang datang sini kan “eh you *shooting* dekat sini? kita mati-mati ingat dekat IPK [Ibu Pejabat Polis Kontinjen]. Mati-mati dekat Bukit Aman rupanya dekat sini. Sesuai lah”.

**PEKERJA DATUK: Datuk. (Orang nak berjumpa)**

DYH: Haa? Kejap lagi boleh? Sejam dulu eh. Minum bawah. Dia DOP, Director of Photographer. Buat cerita apa ni Mat Kilau.

**NEA: Genre apa yang lebih menarik minat datuk untuk terbitkan?**

DYH: Saya tak kira. Tapi yang aaa saya suka filem yang ada elemen bukan main perasaan sahaja. Macam cerita cinta. Barangkali mungkin pengaruh daripada isteri saya. Buat sembilu apa semua tu kan. Itu idea dia. Aaa sebab aaa mungkin saya suka tengok cerita-cerita Hindustan kan, Hindustan lagu-lagu *relate* [kaitan] cerita kan haa macam cerita Kabhi Kuchi Kabhi Gham kan, macam apa ni apa Kuchi-Kuchi Hota Hai tu kan. Saya suka dia punya cerita tu dibuai dengan lagu tau. Haa tapi bukan tu lah semua. Saya minat juga cerita-cerita macam *police story* [Cerita polis] saya minat, kisah konflik keluarga saya minat, aaa tapi komedi saya tak minat. Komedi bukan jiwa saya lah. Haa tapi saya boleh buat komedi tapi saya tak berapa suka sangat. Macam cerita gerak khas AC tu kan AC tu kan *creation* [ciptaan] saya. AC saya tengok dia cakap negori kan saya buat saya ni sebenarnya kalau kamu kalau kamu tahu kalau orang ikut saya, saya pon kelakar juga lah. Aaa saya cakap kamu lah dialog AC Mizal tu dialog saya tu. tapi dia dia apa dia tambah-tambah lah. Aaa sebab benda-benda ni dia kata “Usop, you ada *sentiment*”. Haa. Tapi saya komedi saya tak berapa minat sangat. Hantu saya tak minat. Anak saya cuba hantu. Saya marah dia saya kata “Syamsul jangan cerita hantu lah Sol. cerita hantu banyak”. “No Syamsul nak buat pa. hantu Syamsul lain”. Tu buat kurafat tu. Kurafat tu dia buat kan masatu saya pon tak sedap hati juga. David Teo banyak buat cerita hantu. Undian tu pon tak jalan juga. Saya pon risau juga. Tapi bila Syamsul buat cerita kurafat, drama tu *success* besar. jadi, lepastu dia buat cerita Munafik kan. Jadi benda-benda *sometimes* [kadang-kadang] ada benda yang dia cuba dia berjaya. Itu yang saya rasa bangga lah. Alhamdulillah. Dia berani. Zaman saya, saya takut nak pergi benda-benda yang saya suka. *You know why?* [awak tahu kenapa] Saya takut *market* [pasaran]. Orang nak terima nak terima. zaman dia dia nak sebab zaman company saya dah kukuh. Masa buat filem company saya dah kukuh dah stabil, hutang-hutang kita dah habis, Kita dah ada asset tau. kalau tidak kita hutang rumah lagi ada, hutang itu lagi ada kan. kalau aku *invest* [labur] sekali tak jadi habis kau.

**NSF: Datuk, boleh tak datuk kongsikan kepada kami pengarah kesukaan datuk yang datuk selesa untuk bekerjasama.**

DYH: Pengarah?

**NSF: Haah.**

DYH: Saya zaman saya berlakon dulu kan saya suka Osman Hafsham,

**NEA: Kenapa selesa.**

DYH: Bukan apa. macam paling saya suka Osman Hafsham lah sebab dia pengarah yang dia tu santai lah santai. *And then* [kemudian], kalau kita ada masalah boleh bergurau dengan dia kan. Saya kurang selesa kalau pengarah yang terlalu serius sangat. Haa terlalu serius kan. dia tak senyum tak apa kan. Tak selesa sebab tu macam *shooting-shooting* dengan artis-artis ni kan, macam artis baru, macam Eyra, Ziana tu kan keras-keras tak boleh. Kan dia orang baru kan. dia kena main psikologi dengan diorang. Boleh bang tak boleh bang. Boleh cuma kena tahan. Bagi *rehearsal-rehearsal* dulu kan. bagi saya lah kita kena kena fleksibel lah. Osman Hafsham saya suka Osman Hafsham. Jamil Sulong pon ok arwah Jamil Sulong bagi saya semua tu okay lah sesetengah yang pernah saya bekerja. Boleh dikatakan semua tu okay lah. Ada kelebihan ada kekurangan. Takda siapa yang perfect kan. Jins tu garang. Jins tu Jins Shamsuddin garang. (Datuk batuk). Saya pon garang juga. Tapi garang saya ada masa-masa tu kita *counter* balik. Saya kalau saya marah orang tu harini, kejap lagi saya pujuk dia balik. Haa samalah kalau saya gaduh dengan bini [isteri] saya kejap lagi saya pujuk dia. (datuk gelak). Itu yang boleh kita bertahan.

**NSF: Jadi datuk, adakah datuk merasakan kepakaran datuk sebagai penerbit lain daripada penerbit yang lain?**

DYH: Tak. Saya tak pernah menganggap saya ni pakar. Saya buat sehabis mampu apa yang saya boleh. Masing-masing ada kelebihan, Masing-masing ada cara. Macam apa ni Afdlin Shauqi ada cakap dalam suatu. Macam mana. Dia kata aaa saya, saya, Awi berlakon dalam filem yang awal tu saya tak suka filem tu. dia cakap kan. Saya suka drama komedi apa tu kan. jadi macam-macam cara. Afdlin suka gambar-gambar yang komedi, yang santai kan. Tapi bagi saya sebagai orang berniaga macam saya, saya fikir apa yang saya buat dengan isteri saya, Apa yang saya buat yang nampak orang suka *you kena stay* dekat situ. Tapi, *at the same time* [pada masa yang sama] buatlah benda lain. Tapi bukan kata apa yang benda kita tak suka *sometimes* [kadang-kadang] tak mestinya orang tak suka. Kan. Ada filem-filem yang macam filem-filem yang daripada luar kan, ada setengah kawan saya tak suka James Bond, saya bawa dia tengok James Bond dia tidur. Kau ni minat sangat James Bonds. Aku tak minat James Bond tau. Kan Nampak? Tapi James Bond laku tak? Kan. Dia ada minat dia. Begitulah dalam industri apa sekali pon, tapi asalkan apa yang kita buat tu majoriti. Majoriti orang suka. Tapi kalau *you* kata aku suka ni aku tak suka ni lah. Filem tu aku tak suka. Tapi yang engkau buat tu tak jalan, buat apa kau nak buat. Dan, idea, kreativiti ni datang, ni kuasa Allah tau. Kadang *you* tak terfikir apa dia fikir. Macam fikir macam Shafiq kan, saya pon dia budak dia budak muda 19 tahun buat filem. Saya pon macam tak *confident* lah tapi lepastu ehh idea dia lagi baik daripada kita.

**NEA: Okay, gaya lakonan dalam produksi yang lain menarik, adakah datuk akan tiru gaya lakonan tersebut?**

DYH: Gaya lakonan mana?

**NEA: Contoh production datuk dengan production orang lain, production orang lain ni dia lakonkan watak yang menarik, Datuk nak ambil tak watak tu --**

DYH: Memang, dia begini kita ni dalam apa pon filem, filem luar pon kita kena tengok.

Saya peminat filem-filem M-Razali. *You* takda *you* tak kenal M-Razali filem Abang tahun 80an. 70an. Datuk Rahim dia *first time* [kali pertama] gambar. Dia orang teater lah. Jadi dia punya gambar dia arahan dia dia tak cekap. Dia suka main *long-short* pasal dia orang teater. dia dibantu oleh cameraman. Dia kata saya ni tak pandai soal *short-short* ni. Dia tahu cerita jadi cameraman bantu. Tapi saya suka cerita dia. Haa dia aaa ada falsafah. Filem dia banyak falsafah, Sindiran kan. tapi gambar-gambar macam tu pula isteri saya kata “Yus bantu dia sama” sebab dia peminat filem-filem M-Razali. *You* jangan buat filem macam ni *you*. Filem macam ni memang kualitinya tinggi pasal gambar dia bagus untuk *fasual* tapi *not for selling* [bukan untuk dijual]. Bila masuk je kan ada penutupan panjang-panjang haa dia tak suka. *you* kena buat biar ada hiburan ada apa kan. Jadi, bukan apa bila kita buat filem macam ni kita tak suka filem macam tu betul tak. Sebagai penonton saya pergi. *You know*. Tapi saya tahu saya tahu. Orang rumah saya kata “*i* suka filem ni tapi jangan buat. *You* buat filem apa yang majoriti orang suka”. Itupon takda jaminan. Kadang menjadi kadang tak menjadi. Tapi kebetulan nasib saya, rezeki saya, anak-anak saya buat tu jadi. Saya buat dah banyak kali menjadi kan. Ini semua kadang saya tak berani cakap lah. Kadang-kadang apa ni kutipan bagi filem Syamsul kan cerita apa Mat Kilau, juri-juri ketika tu salah sorang juri dia Ema. Juri-juri dirahsiakan tapi tak apa lah cerita ni bang, saya cuba nak pertahankan. saya kata “Ema saya tak kecil hati kau ambil filem lain”. Bukan saya pilih bang. Juri ada 6 orang dalam tu, ada yang kata otak-otak dia pergi pada aku nak pandang ini aku ni aku tak suka gambar ni, ni *short* macam ni, Sampai kata kau cakap dengan dia kenapa ni? Takda saya tak suka. Syamsul punya arahan saya tak suka. *you* tak suka kitorang suka. Tapi, dia punya hujah-hujah dia buat ni. Dia punya lain-lain ni terpengaruh. Jadi, bila kira undian 7 orang, 4 pergi sana 3 dekat dia. Jadi kalah lah. Betul tak? Jadi kalah lah. Jadi dia kata bagi saya Mat Kilau ni filem biasa. Tak ada apa benda yang boleh bagi dia kata sampai dia kata Adi Putra pon gagal. Salah sorang tu lah. Yang tu pon kaki filem. Memang dia filem saya ke ap ke memang dia otak dia lain lah. Haa tapi kena panggil dia. Kena panggil dia jadi panel skrip, panggil dia bincang tau tak. Nampak dia hargai because Mohd Khalid kenal dia dulu. Dia

pernah bantai dengan Mohd. Khalid. Dia panggil dia jadi panel *you know* [awak tahu]. *Discuss* [bincang] apa semua kan haa dia pon mula angkat Mohd Khalid. Ada orang jenis macam tu pasal dia nak orang dihargai. Haa jadi dia banyak bantai lah macam Syamsul. Yang Syamsul menang dia dia menang Asia tapi tak semestinya setiap tahun dia masuk dia mesti menang. Saya saya tak berasa kecewa Syamsul tak menang pengarah terbaik, Tak menang apa tu filem terbaik saya pon tak mengharapkan *because* [sebab] pandangan orang lain-lain. Betul tak? Ada filem yang tak laku dekat panggung menang. Ada filem yang tak laku dekat panggung tetapi dia menang dalam *fasual*. kan? Tapi ada filem yang laku panggung *fasual* menang. Pasal juri dia juga. Macam Syamsul punya zaman dia buat filem dua kali kan 3 kali dia menang, Asia sekali, juri-juri yang dibuat bukan juri-juri yang saya cakap tadi tu lah. Haa kalau dia masuk dia keluar dalam Facebook dia patutlah keputusan dia macam ni. Juri dia siapa. Pasal tak panggil dia juri. *You know*. Haa. kalau dapat juri gitu gitu lah jadi. Dia kata kita macam *buyers*, sekali bila filem Syamsul yang cerita Munafik 1 pergi ke Asia Pasifik. Saya tak ada contact apa-apa dengan diorang. Kan. Juri orang luar. Menang Asia Pasifik. Ada pula keluar macam manalah diorang pandang mata. Dia macam perli tau. Tak puas hati kesini sampai keluar pon. Habis dekat luar siapa dia. Dia ada penilaian dia tersendiri. Kan menang Asia Pasifik kan. Yang puak-puak sana masih butakah diorang. Aih buta panggil dia. Ehh buta tak panggil dia jadi juri dekat luar. Jadi, bagi saya tu rezeki dia. Bagi saya macam pengarah-pengarah aaa yang yang menang bagi saya tu rezeki dia takpa kita respect. Itu hak dia. Balik kepada jurilah. Macam saya kata saya suka makan ni kan aku tak suka makan ni tapi yang suka saya makan saya suka ni ramai. Yang tak ramai tu adalah sorang dua orang. Jadi orang ni jadi ketua. Jadi apa yang dimakan eh aku tak suka ni. Aku suka benda tu. Aku suka makan keju. Engkau suka belacan kan. Aku suka keju. Kan. Contoh gitu. tapi hak masing-masing. Haa macam Syamsul bagi saya alhamdulillah dia dapat dekat 3 kali pengarah terbaik. Alhamdulillah. “Syamsul kau jangan kecil hati apa Tuhan tu adil”. Takkun setiap tahun rezeki kau. Orang lain pon ada rezeki. Kau pernah merasa. Saya tak pernah merasa. Tu saya fikir, filem-filem saya tak sesuai pasal lebih kepada untuk *commercial* [komersial]. Haa bagi saya Syamsul dah buktikan. Alhamdulillah. Shafiq pernah menang pengarah harapan kan. Alhamdulillah. Tapi tu Erma Fatimah kata, dia

tak tahan kenapa, dia kata *no* [tak] kalau ikut saya apa ni Adi Putra dia gagal. Dia tak mestinya menang pengarah terbaik. Memang bising. Dia kata saya tahu pelakon bagus tak bagus. *You* boleh kata Adi Putra tak bagus. Ni yang juri ni dia kata tak bagus. Erma kata ini saya *fight* [lawan]. Dia kata (kedengaran bunyi datuk hentak tapak tangan dekat kerusi). Haa jadi tapi dia kalah. Yang menangnya sebelah dia. Haa itulah dia. Nampak dia masuk pengarah terbaik dia tak masuk pelakon yang lain. Penyunting yang lain pon. Masuk 5 dah kira kuatlah kan tapi dia tak masuk. Drama komedi dia masuk. Dia macam menyampah dengan Syamsul. (datuk gelak) masing-masing.

**NSF: Jadi datuk, filem jenis apa yang datuk hendak lakukan tapi sukar untuk datuk lakukan.**

DYH: Saya nak keluarkan gambar Epic lah. tetapi, apabila zaman saya dah pergi ke penghujung saya mengharapkan anak saya lahir kan. tapi, benda tu tak jadi kepada syarikat saya jadi kepada syarikat lain. Dan Syafiq pula pergi buat dekat syarikat tu kan cerita Mat Kilau. Tak apa saya rasa bangga walaupun bukan syarikat saya buat. Tapi kita bantu syarikat tu buat dan dihasilkan oleh anak saya, Air tangan anak saya dan filem tu mencatat kutipan yang sangat luar biasa lahir kan. Itu satu puji yang sangat besar bagi saya lahir kan. Haa bagi saya Syamsul nilai yang kau ada ni tak sama dengan nilai duit. Kalau orang bagi sejuta pon tak sama dengan kejayaan filem tu. haa filem tu jadi satu fenomena kan. Sampai satu dunia dapat top 5 movie dalam Netflix kan. Bukan senang tau satu dunia menunjukkan orang perhatikan. Bila banyak filem tu orang tengok banyak kritikan *pro and cons* [kelebihan dan kekurangan]. Dia tak boleh. Alangkan Nabi yang sesuci manusia pon banyak unsur-unsur dia. Pandangan takkan sama. Kita kena redha benda tu saya cakap. Dunia bukan milik kita. Bukan semua benda yang engkau boleh menguasainya.

**NSF: Jadi datuk berapa lama proses yang diambil untuk hasilkan filem.**

DYH: Filem apa?

**NSF: Yang datuk cakap tadi.**

DYH: Filem mana? Itulah bendanya yang saya susah nak mengharapkan bukan apa, saya mengharapkan anak saya meneruskan perjuangan saya buat filem-filem epic tu kan. Haa adalah runding dengan Syamsul tu.

**NEA: Diantara pengarah dengan penerbit, yang manakah datuk suka lakukan pada usia datuk sekarang?**

DYH: Saya sekarang saya lebih kepada, bukan lebih lah dulu saya jadi pengarah penerbit sebab kalau saya jadi pengarah je orang lain penerbit saya takkan dapat apa saya nak. Penerbit akan arah saya eh aku nak macam ni lah aku nak macam ni kan. Bercampur kan. Aku nak gini. Aku tak nak cerita macam nila h. Bila saya jadi pengarah penerbit bila buat drama filem kan saya ada duit saya buat begitu saya buat apa yang saya suka yang saya rasa. Saya rasa orang nak. Kalau kadang saya buat ada *producer* yang jumpa saya masa saya buat drama Sembilu kan nak bagi saya duit RM200 ribu. Dia kata “Yusuf Haslam boleh tolong tak? Saya bagi awak pengarah rm200 ribu awak mengarah filem saya. Saya nak awak mengarah”. Cerita love story dia bagi saya. Bila baca kelaut cerita saya (datuk gelak). Kau fikir RM200 ribu. Saya kata *no*. Saya fikir benda penting. Kalau aku pengarah saya dapat RM200 ribu *company* kau dapat apa? Kan? Jadi untuk saya, saya dapat. Lagi satu cerita dia tak masuk dengan saya. Haa dia syok sendiri cerita *producer* tu. (datuk gelak) saya tolak. Kan. Sebab saya bila saya buat filem saya serahkan jiwa raga saya sedaya upaya saya last sekali saya serah kepada Allah SWT supaya selain daripada saya mengarah *company* saya dapat *income* [pendapatan]. Drama tu laku. duit tu masuk *company* saya. Untuk staf-staf saya. Kan. Jadi saya punya

konsep tu saya jadi penerbit saya jadi pengarah. Kan. Tapi sekarang ni oleh kerana anak dah ada saya lebih minat jadi penerbit je lah. Saya pon perlu orang baru juga tapi setakat ini saya banyak terbit untuk filem anak-anak saya je lah. Sebab saya takut saya takut macam saya cakap tadi lah. kan. Kalau kita bagi tak jadikan kita rasa apa pula kan.

**NEA: Kesemua filem dan drama datuk adalah dibawah skop production?**

DYH: Tapi ada kita buat *join nature* antara ASTRO. Tapi *join nature* ni bagi saya macam filem yang besar macam 60 juta. Macam kita buat filem Abang Long Fadhil 3 kan, kita belanja dekat 6 juta. Jadi kita kata tak apa. kita nakkan promosi yang kuat kan. So kita *invest* dalam 60 dia keluar dalam 40 kan jadi kita pandang dia dari segi *marketing* [pemasaran] dia. Haa dia dengan iklan-iklan dia kan. haa jadi win-win lah. Ada yang kita buat sendiri. Ada yang kita buat *join nature*.

**NEA: Okay, siapa yang datuk percaya untuk kendalikan Skop Production ni [ini] pada masa akan datang? Antara Syamsul Yusuf atau Syafiq Yusuf?**

DYH: Syamsul dia hanya seorang pengkarya tanpa ada background sebagai pentadbir. Saya, saya tauke, saya kuli, saya lalui dari bawah. Saya mentadbir syarikat, saya pergi RTM. Dululah zaman dulu. sekarang tak sebab ramai dah kan. Mula-mula. Sebab proses bukan senang. Bukan tahu buat filem je lepastu dah. kan. Sampai nak tahu pergi Lembaga Penapis, tayangan di pawagam, marketing apa pusingan duit kan. dia bukan senang dapat gambar dah siap. Dia banyak proses. Proses dia panjang. Berkait-kait. Bagi saya apa ini untuk berjaya dalam bidang ni lah bagi saya mungkin banyak kali sebab yang menolong saya sebab saya ambil konsep dia *producer* dia pengarah. Kalau saya ambil konsep sebelum saya buat filem yang pertama, satu penerbit India Jumpa saya, dia kata “Yusof Haslam, masatu saya buat filem tau. Okay saya dengar *you* mahu bikin filem. *You* takut kan. Ini macam”. Produksi India tau. Dia ni orang kaya india tau. Dia ni buat filem-filem

luar. *You* buat sahaja cerita. Saya *produce* [terbit]. *You direct*. Saya kasi [bagi] wang sama *you*. Kan. *You* punya cerita tapi *you* kasi saya idea sama *you* sekalilah kan. Dia banyak bagi cerita-cerita india untuk masuk dalam ni kan. Saya tak nak. Orang rumah saya kata “Yus, apa-apa nak buat *you* buat dalam company sendiri. Jadi, *you* tahu siapa *you* nak ambil suka hati *you*”. Kadang-kadang kita nak ambil ni kan ehh jangan ni banyak mahal lah. *You* jangan ambil ni lah kan. Haa dia pula kita halang orang. Tak boleh. Saya apa saya nak ni saya nakkan Awie, saya nak Ziana Zain saya ambil. Begitu. Saya panggil diorang. Saya nak Aeron Aziz saya panggil. Haa sebab apa kalau tidak *you* dikongkong tau. Dikongkong. Ehh toksah lah. Banyak mahallah kan. jadi benda *you* tak bebaslah kan. Pasal *you* bekerja dengan orang. Haa macam saya bagi Syamsul anak saya dengan Syafiq. Apa dia nak saya bagi. Kan. Saya Cuma khidmat nasihat untuk backup belakang. Itu dia.

**NEA:** *So, salah sorang daripada anak datuk Syamsul Yusuf tak ada background [latar belakang] tadbir --*

DYH: Tapi, anak perempuan saya, anak perempuan saya Shamin

**NEA:** *Shamin.*

DYH: Haa tu dia. (tunjuk gambar anak perempuan datuk) Dia belajar dekat universiti. Dia *commercial law*. Dia degree dalam Commercial Law dan dia pula dulu ada bekerja dengan orang lah kan. Gaji besar lah. Bila dia tengok syarikat dengan saya dah tua dia kata “papa, papa rilek. Dia lah sekarang mentadbir. Jadi CEO. Tinggi gaji dia. Kerja dekat luar pon orang bayar gaji dia berbelas ribu *producer*. *So* saya bayar tinggi gaji dia. Dia ambil alih tempat saya. Tapi saya *still sign cheque* [masih tandatangan cek], *meeting-meeting* [mesyuarat-mesyuarat] besar saya pergi sebab dia kata “pa kalau kita pergi lain kalau papa pergi diorang Nampak pa diorang respect pa kan. Kalau kita pergi sendiri kan orang tak

pandang. Jadi, *certain things* [sesetengah perkara] saya pergi lah. Kita mesyuarat”.

**NEA: Kalau anak-anak datuk tak nak warisi syarikat datuk, datuk akan ambil orang luar ke tak?**

DYH: Saya akan tengok. Kalau pengarah tu ada *potential* [potensi] saya ambil. Haa ada *potential* saya ambil.

**NEA: Antara ciri-ciri pengarah potential?**

DYH: Ciri pengarah *potential* saya nampak sekarang macam Ghaz Abu Bakar. Lepastu ada yang buat telemovie, yang ditayangkan dekat Astro haa dia ni orang Sabah lah. Budak Sabah. Saya nampak ada yang menarik. Pernah jumpa saya dia kata datuk saya nak mengarah lepastu saya kata sabar dulu buat telemovie satu dan kita tengok macam mana. Saya tak berani bukan apa sebab kata isteri saya “*you* bagi anak *you* gagal pon anak sendiri. Kalau *you* bagi orang mengarah kalau gagal sakit tu uishh haa. *you* pikir yus. Ini pon anak kita tak tahu berjaya tak berjaya”. Kan. Tapi kebetulan tuhan bagi dua-dua tu dua-dua berjaya. kan. Ini semua bukan sebab sebab saya ke sebab pengarah. Ni semua rezeki. Rezeki tu tuhan bagi dah. Saya selalu cakap dengan Syamsul.

**NEA: Setakat tu je lah interview kami. terima kasih.**

DYH: (Angguk)

**Dengan ini tamatlah temubual kami bersama Datuk Dr. Yusof Haslam yang merupakan seorang pengarah dan penerbit filem dan drama yang cukup terkenal di Malaysia ini. Kami mengucapkan ribuan terima kasih diatas kesudian dan kerjasama Datuk untuk**

**diwawancarakan. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu didalam bidang pengarahan dan penerbitan kepada penyelidik dimasa akan datang. Sekian, Terima kasih.**

## 6.0 LOG TEMUBUAL

0.45	Latar belakang Datuk Yusof Haslam	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Md Yusof bin Md Aslam</li> <li>• Menetap di Kuala Lumpur</li> </ul>
2.00	Pekerjaan dahulu	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bekerja di kilang papan semasa tingkatan 3</li> <li>• Bekerja sebagai pelakon tambahan pada usia 18 tahun</li> <li>• Bekerja sebagai Konduktor bas selama 10 bulan sebelum memasuki industri seni hiburan</li> </ul>
7.43	Sejarah kelahiran datuk	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 24 April 1984</li> <li>• Kini telah berusia 69 tahun (2023)</li> </ul>
9.08	Latar belakang perkahwinan	
13.35	Nama isteri pertama datuk	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Raja Noor Saadah</li> <li>• Bekerja di Lembaga Elektrik Negara</li> </ul>
26.13	Still [masih] berhubung dengan ex-wife	
31.11	Latar belakang Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sekolah Kebangsaan Polis Depot</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sekolah Menengah Kebangsaan Polis Depot sehingga tingkatan 3</li> <li>• Sekolah Menengah Kebangsaan Aminuddin Baki sampai tingkatan 5</li> </ul>
38.35	Cara dapat <i>title</i> Dr.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengalaman bekerja didalam industri seni hiburan</li> </ul>
39.54	Siapa bagi gelaran Dr.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• OUM [Open University Malaysia]</li> </ul>
50.48	Faktor yang mendorong untuk menjadi seorang pengarah.	
51.33	Cabaran didalam permulaan menjadi seorang pengarah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Aziz Jaafar sebagai penasihat</li> <li>• Aziz Jaafar lepas tangan kerana percaya datuk boleh lakukan lebih baik daripadanya.</li> </ul>
58.22	Faktor yang menarik untuk menjadi penerbit	
59.47	Pengambilan dana daripada mana-mana agensi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak ada geran</li> <li>• FINAS baru tubuh</li> </ul>
1.04.52	Pengiktirafan sepanjang menjadi pengarah dan penerbit	
1.08.22	Objektif hasilkan filem badan beruniform	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Minat menjadi Inspector Polis</li> </ul>
1.12.57	Prosedur hasilkan drama Gerak Khas	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Skrip akan dihantar ke PRO.</li> </ul>

1.13.30	Penjelasan mengenai PRO [Public Relation]	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahagian terakhir sebelum drama Gerak Khas dibuat</li> </ul>
1.16.21	Penglibatan polis sebenar ada atau tidak semasa penghasilan drama.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ada</li> <li>• Shahrul Anuar terlibat</li> <li>• Awal-awal dahulu Roslaman terlibat</li> </ul>
1.17.00	Siapa yang bagi maklumat mengenai gerak kerja polis	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengalaman</li> </ul>
1.21.03	Genre yang menarik untuk diterbitkan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Police Story</i></li> <li>• Konflik Keluarga</li> </ul>
1.23.50	Pengarah Kesukaan Datuk Yusof Haslam	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Osman Hafsham</li> </ul>
1.24.57	Penjelasan mengenai kepakaran yang dimiliki adalah lain daripada lain dengan penerbit yang lain atau tidak.	
1.26.50	Pengikutan gaya lakonan dengan production yang lain	
1.33.00	Filem yang sukar lakukan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Epic</li> </ul>
1.34.50	Pemilihan pengarah atau penerbit yang suka dilakukan pada usia sekarang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penerbit</li> </ul>
1.37.10	Anak datuk yang Datuk Yusof Haslam Percaya untuk kendalikan Skop Production.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Anak perempuan datuk iaitu Syamin Yusof</li> </ul>
1.40.20	Ciri Pengarah Potential [potensi]	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ghaz Abu Bakar</li> <li>• Orang Sabah</li> </ul>

## **7.0 RALAT**

Terdapat beberapa gangguan yang berlaku semasa sesi temubual bersama Datuk Dr Yusof Haslam berlangsung di pejabatnya. Antaranya ialah:

- Kedengaran bunyi hentakan meja
- Datuk hentak tangan di sofa
- Kedengaran bunyi motorsikal hon
- Kedengaran plastic coklat

## **8.0 RINGKASAN**

Secara ringkasnya, penyelidik menjalankan temubual bersama Datuk Yusof Haslam mengenai biografi Datuk Yusof Halam sebagai pengarah dan penerbit filem selama 1 jam 41 minit 28 saat. Temubual ini dijalankan secara bersemuka iaitu di Skop Production Kuala Lumpur pada pukul 2 petang. Tokoh tersebut iaitu Datuk Yusof Haslam merupakan seorang pengarah dan penerbit yang paling terkenal di Malaysia. Namanya sudah tidak asing lagi kedengaran sekiranya beliau memenangi apa jua anugerah didalam filem dan drama. Datuk Yusof Haslam juga merupakan seorang pengarah dan penerbit yang paling terkenal didalam pembuatan filem dan drama yang melibatkan kepolisan. Beliau telah mencipta rekod yang terkenal sehingga pihak televisyen meminta beliau untuk menumpukan sepenuhnya kepada filem atau drama kepolisan sahaja berbanding filem yang lain disebabkan lambakan filem yang hampir sama berbanding drama atau filem kepolisan yang tidak ada mana-mana produksi buat lagi. Temubual secara “preliminary” telah dijalankan pada 29 November 2022 manakala untuk temubual sebenar telah dijalankan pada 22 December 2022. Secara keseluruhannya, temubual bersama Datuk Yusof Haslam ini telah dijalankan dengan baik.

## 9.0 GLOSARI

Perkataan	Maksud
Form three	Tingkatan tiga
Form five	Tingkatan lima
Extra	Pelakon tambahan
Management	Pengurusan
Supporting	Sokongan
Prospect	Sangkaan, Harapan atau pandangan
Popular	Digemari atau disukai ramai
Stepson	Anak tiri lelaki
Shooting	Pengambaran
Income	Hasil pendapatan yang diperolehi setelah membuat sesuatu perkara
Stable	Stabil
Promoter	orang yang berusaha memperkenalkan dan menggalakkan penjualan sesuatu barang;
Recommend	Cadangam
Take over the restaurant	Mengambil alih restoran
Every month	Setiap bulan
Skill	Kemahiran didalam sesuatu bidang
Success	Berjaya
Producer	Penerbit, Pengeluar
Director	Pengarah
Close-up	Dekat-dekat
Take your time to relax	Ambil masa untuk berehat
Perception	Persepsi
Invest	Pelaburan

## **10.0 INDEKS**

### **A**

<b>Allahyarham.....</b>	<b>3, 4, 6, 10, 11, 12, 14, 16, 23,</b>
<b>30</b>	
<b>Allahyarhamah.....</b>	<b>3, 12</b>
<b>Anak.....</b>	<b>14, 15, 17, 18, 19, 20, 21, 27,</b>
<b>30, 31, 34, 35, 36, 37, 38, 40, 42, 44, 47, 49, 50, 51, 52, 53</b>	
<b>Aziz Jaafar.....</b>	<b>32, 33, 34</b>
<b>ASP.....</b>	<b>38 42</b>
<b>Adik-beradik.....</b>	<b>11, 13, 19, 23, 29</b>

### **B**

<b>Bapa.....</b>	<b>11, 13, 14, 18, 19, 20, 23, 27,</b>
<b>30, 36, 38, 41, 42</b>	
<b>Bukit Aman.....</b>	<b>39, 40, 41, 42, 43</b>
<b>Balai.....</b>	<b>21, 43</b>
<b>Bekas isteri.....</b>	<b>19, 20</b>
<b>Bekas Menteri.....</b>	<b>36</b>
<b>Badan beruniform.....</b>	<b>38, 39</b>
<b>Berlakon.....</b>	<b>41, 43, 45, 46</b>
<b>Berwarna.....</b>	<b>11</b>

## C

- Cerita.....13, 14, 17, 21, 22, 26, 27, 31, 32, 33, 35, 36, 38, 39, 40, 41, 42, 44, 47, 48, 49, 50, 51, 52
- Cinta.....15, 17, 18, 38, 44
- Cina.....12, 36, 37
- Cemburu.....37
- Coffee House*.....18

## D

- Drama.....10, 11, 12, 15, 19, 20, 26, 29, 30, 31, 32, 33, 35, 38, 39, 40, 41, 43, 44, 46, 49, 50, 51, 54
- Doktor.....24, 25
- Datuk.....10, 11, 12, 13, 14, 15, 19, 20, 21, 22, 23, 24, 25, 27, 28, 31, 32, 34, 35, 37, 38, 39, 40, 42, 43, 44, 45, 46, 47, 49, 50, 51, 52, 53
- Datin.....17, 18, 19, 20, 21, 26, 27

## E

- Episod.....33, 39
- Erra Fazira.....29

## F

- Filem.....11, 12, 13, 14, 14, 19, 20, 21, 22, 23, 25, 26, 29, 30, 31, 32, 34, 35, 36, 37, 38, 39, 40, 41, 42, 44, 45, 46, 47, 48, 49, 50, 51, 52, 54
- Falsafah.....26, 47

**Fenomena.....26, 49**

**G**

**Gelaran.....24, 25, 55**

**Gerak Khas.....30, 31, 38, 39, 40, 41, 42, 43, 44**

**Genre.....44**

**Gambar.....11, 12, 14, 15, 18, 26, 29, 31, 32, 35, 36, 37, 41, 46, 47, 49, 51, 52**

**Geran.....29, 35, 36**

**H**

**Hasil.....25, 31, 36, 38, 40, 41, 49, 50, 54**

**Hantar surat.....15**

**Hitam putih.....11, 12, 23, 32**

**I**

**Isteri.....15, 17, 19, 20, 26, 33, 35, 42, 44, 46, 47**

**J**

**Jins Samsudin.....10, 12, 30, 46**

**Jamil Sulong.....11, 12, 45**

**Jam.....23,24,44**

## K

<b>Kuala Lumpur</b> .....	<b>10, 11, 13, 14, 21, 22,</b>
<b>23</b>	
<b>Kelahiran</b> .....	<b>13</b>
<b>Keluarga</b> .....	<b>15, 38, 42, 44</b>
<b>Kepakaran</b> .....	<b>46</b>
<b>KL Special Force</b> .....	<b>40</b>
<b>Kaya</b> .....	<b>35, 36, 37, 52</b>

## L

<b>Latar belakang</b> .....	<b>10, 13</b>
<b>Lembaga Elektrik Negara</b> .....	<b>16, 54</b>

## M

<b>Mencabar</b> .....	<b>26, 32</b>
<b>Mengarah</b> .....	<b>20, 24, 30, 31, 32,</b>
<b>33, 34, 35, 50, 51, 53</b>	
<b>Melanjutkan pelajaran</b> .....	<b>11, 24, 30</b>

<b>MCA [Malaysia Chinese Association]</b> .....	<b>36</b>
---	-----------

## P

<b>Polis</b> .....	<b>11, 16, 21, 22, 23,</b>
<b>26, 38, 39, 40, 41, 42, 43, 44</b>	
<b>Production</b> .....	<b>10, 30, 35, 43, 47, 51</b>

- Pelakon**.....11, 12, 14, 23, 24,  
27, 29, 31, 32, 41, 49, 54
- Pengarah**.....11, 12, 21, 24, 29,  
30, 31, 32, 33, 34, 35, 36, 37, 42, 45, 48, 49, 50, 51, 52, 53, 54
- Penerbit**.....10, 14, 23, 34, 37,  
46, 50, 51, 52, 54

## **R**

- Restoran**.....18, 19, 36
- Rehearsal**.....25, 45

## **S**

- Stepson**.....15, 18
- Student**.....21, 30
- Shooting**.....15, 21, 23, 24, 29,  
30, 31, 32, 33, 40, 43, 45
- Setiausaha**.....32, 37

## **U**

- Universiti**.....19, 20, 21, 25

## **V**

- Veteran**.....23

## **11.0 BIBLIOGRAFI**

Amalina Zakaria. (2011). Seni dan pendidikan.

<http://amalina-zakaria.blogspot.com/p/kreativiti.html>

Azlina Abd Aziz. (2014, Januari 23). *Pengenalan seni kreatif dan kraftangan*.

<http://azlinaabdaziz.blogspot.com/2014/01/pengenalan-seni-kreatif-dan-kraftangan.html>

Datuk Dr. Yusof Haslam (2022, Disember, 22). Komunikasi peribadi

[Temubual sejarah lisan]

Defarhano. (2011, July). *Biodata datuk Yusof Haslam* penerbit Skop

productions. Defarhano.com.

<https://www.defarhano.com/2011/07/biodata-datuk-yusof-haslam.html>

Fatin Farhana Ariffin. (2022, Februari 8). *Industri kurang pelakon kelas A*. BHOnline.

<https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriti/2022/02/920149/industri-kurang-pelakon-kelas>

Merican Shop. (2018, September 18). *Ceritanegararaku - Pengarah Penerbit Datuk Yusof*

*Haslam* [Video]. YouTube. <https://youtu.be/8MfgoauXX7g>

MStar. (2022). KEna terima hakikat penonton sekarang tengok rupa...pelakon kurang

menarik tetap ada peluang - A.Aida.

<https://www.mstar.com.my/spotlight/hiburan/2022/10/26/kena-terima-hakikat-penonton-sekarang-tengok-rupa-pelakon-kurang-menarik-tetap-ada-peluang---a-aida>

PNM. (2014, January 14). *Dasar Pendokumentasian Bahan Perpustakaan*. Portal Rasmi Perpustakaan Negara Malaysia.  
[https://www.pnm.gov.my/pnm/resources/UploadFile/Akta,%20Dasar%20dan%20Peraturan/DASAR\\_PENDOKUMENTASIANBAHAN\\_PERPUSTKAAN.pdf](https://www.pnm.gov.my/pnm/resources/UploadFile/Akta,%20Dasar%20dan%20Peraturan/DASAR_PENDOKUMENTASIANBAHAN_PERPUSTKAAN.pdf)

Prawiro. M. (2023). *Pengertian seni: Fungsi, tujuan, dan macam-macam seni*. Maxmanroe.com. <https://www.maxmanroe.com/vid/umum/pengertian-seni.html>

Ukm. (2007). *Sejarah lisan*. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan.

<https://www.ukm.my/sejarah/sejarahlisan/sejarahlisan.html>

## **12.0 LAMPIRAN**

### **12.1 Biografi Tokoh**

Datuk Dr. Yusof Haslam merupakan seorang pengarah dan penerbit yang terkenal di Malaysia. Beliau telah berkenalan didalam dunia perfileman sejak tahun 1972. Beliau merupakan seorang karyawan yang bermula dari tapak paling bawah. Dalam usia belasan tahun, beliau, beliau sudah mula menjadi pelakon tambahan dalam filem-filem hitam putih keluaran Merdeka Studio. Bertitik tolak hasil daripada kegigihan beliau, beliau mula mendapat perhatian oleh pengiat seni tanah air dan mula mendapat tawaran sebagai pelakon pembantu dan seterusnya ke pelakon utama.

Datuk Dr. Yusof Haslam tidak hanya bergantung kepada lakonan semata-mata untuk sumber pendapatan, tetapi turut menjalankan pelbagai perniagaan kecil-kecilan. Kini, beliau telah mempunyai sebuah restoran yang cukup terkenal iaitu Restoran Haslam. Hasil perniagaan ini telah banyak membantu beliau untuk menyediakan modal untuk terlibat didalam bidang penerbitan drama TV.

Syarikat beliau iaitu Skop Production sudah tidak asing lagi didengari didalam negara ini. Syarikat ini telah banyak menerbitkan pelbagai jenis drama dan filem dan yang paling dikenali iaitu drama yang berunsurkan badan beruniform iaitu kepolisan. Syarikat ini juga telah banyak memenangi pelbagai anugerah hasil daripada karya yang telah diciptakan oleh Datuk Dr. Yusof Haslam ini.

Datuk Dr. Yusof Haslam turut dikenali sebagai penerbit jutawan kerana hampir 95% filem terbitannya mencapai “box office”. Pada 20 tahun lalu, sutradara ternama ini berjaya mencipta rekod didalam industry perfileman tempatan apabila salah satu daripada filemnya iaitu Sembilu telah mencatat kutipan tiket yang luar biasa iaitu sebanyak RM6.3 juta. Dengan pencapaian hebat yang belum pernah dicatatkan oleh mana-mana pengarah filem tempatan sebelum ini, sekali gus meletakkan nama Datuk Dr. Yusof Haslam ini di puncak kegemilangan.

Datuk Dr. Yusof Haslam lebih banyak menumpukan didalam pengarahan dan penerbitan drama sebelum ini. Hal ini kerana, beliau mahukan setiap kemahuan artis kehendaknya berjaya berlakon didalam filem dan dramanya tanpa halangan daripada pihak yang lain. Kini, Datuk Dr. Yusof Haslam hanya mahu memberikan sepenuh tumpuan terhadap penerbitan filem atau drama sahaja. Pengarahan filem akan lebih banyak dibuat oleh anaknya iaitu Syamsul Yusof dan juga Shafiq Yusof.

## 12.2 Surat Kebenaran Penyelidikan Akademik

www.uitm.edu.my



Kolej  
Pengajian Pengkomputeran,  
Informatik dan Media

Surat Kami : 600-FPM (5/2/1)  
Tarikh : 22 Disember 2022

**YBhg, Datuk Dr. Yusof Haslam,**  
Yayasan Artis Veteran Malaysia,  
65-2, Jalan 3/23A,  
Taman Danau Kota,  
Off Jalan Genting Kelang,  
53300, Kuala Lumpur,  
Wilayah Persekutuan.

YBhg. Datuk Dr,

### MEMOHON KEBENARAN UNTUK MENJALANKAN PENYELIDIKAN AKADEMIK

Perkara di atas adalah dirujuk.

Adalah dimaklumkan pelajar berikut dari program Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Rekod dari Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Media, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Puncak Perdana, Shah Alam berhasrat untuk menemubual pihak YBhg. Datuk Dr, bagi melengkapkan kerja kursus penyelidikan akademik berkaitan Industri Seni Tanah Air. Kami bercadang untuk menemubual YBhg. Datuk Dr pada **22hb Disember 2022** pukul **12.00 p.m.**

2. Tugasan ini adalah diwajibkan bagi memenuhi keperluan kursus "**Oral Documentation**" atau **Pendokumentasian Lisan (IMR 604)**.
3. Senarai nama pelajar yang terlibat:-

NAMA	NO. PELAJAR UiTM	NO. TEL.
Nur Eliana binti Mohamad Azhar	2020845182	011-33384337
Nuraqilah binti Shahibul Fadzilah	2020849918	012-4462667

4. Untuk rujukan pihak YBhg. Datuk Dr, berikut adalah senarai beberapa objektif temubual berkaitan projek penyelidikan ini:

- a) Mengkaji latar belakang YBhg. Datuk Dr.
- b) Mengetahui kepakaran YBhg. Datuk Dr dengan lebih mendalam berkaitan dengan bidang yang diceburi
- c) Meneliti pengetahuan dan pengajaran yang diperoleh oleh YBhg. Datuk Dr sepanjang berkecimpung dalam industri seni perlfileman.

Kerjasama dan perhatian yang diberikan oleh pihak YBhg. Datuk Dr, dalam perkara ini amatlah dihargai dan dihadului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

**JAFALIZAN BIN MD JALI**

Pensyarah Kanan

b.p Ketua Pusat Pengajian Sains Maklumat

Kompleks Al-Khawarizmi  
Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan  
MALAYSIA  
Tel: (+603) 5543 5329 / 5307 / 4860  
Faks: (+603) 5543 5501



ISO 9001:2015 No. SJH: 0048218



URM



URM Quality Management System

UiTM di hatiku



UiTM di hatiku



UiTM di hatiku



UiTM di hatiku



UiTM di hatiku



UiTM di hatiku



UiTM di hatiku



UiTM di hatiku



## 12.3 Surat Perjanjian



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

### PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya ..... Datuk Dr. Yusof Haslam ACP (K) ..... K/P: ..... pada  
22 Disember 2022 ..... dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan  
di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (*interviewee*).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat:-
  - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

(Nama: Datuk Dr. Yusof Haslam ACP (K)  
Tarikh: 22/12/2022

(Nama pensyarah Jafalizan bin Md Jali)  
b.p.Dekan  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
Universiti Teknologi MARA

## 12.4 Surat Pengakuan Penerimaan Salinan Transkrip



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

### SURAT PENGAKUAN PENERIMAAN SALINAN TRANSKRIP PROJEK SEJARAH LISAN

Saya ..... Datuk Dr Yusof Haslam ACP (K) ..... K/P: .....

dengan ini mengaku telah mendapat satu salinan transkrip projek Sejarah Lisan bertajuk Transkrip Temubual Bersama Datuk Dr. Yusof Haslam, Pengarah dan Penerbit Filem dan Drama daripada penemubual iaitu:

1. NUR ELIANA BINTI MOHAMAD AZHAR (No Tel: 01133384337 )
2. NURAQILAH BINTI SHAHIBUL FADZILAH (No Tel: 0124462667 )

Transkrip ini telah diserahkan kepada saya pada .....

Untuk sebarang pertanyaan, saya boleh dihubungi melalui: -

- a) ..... (No. tel bimbit)
- b) ..... (No. tel rumah)
- c) ..... (No. tel pejabat)

Atau di alamat:

.....  
.....  
.....  
.....  
.

**Nama** : Datuk Dr Yusof Haslam ACP (K)

**Tandatangan:**

**Tarikh** : 6/02/2023

## 12.5 Senarai Soalan

### **ORIENTATION QUESTION**

SOALAN	CATATAN
<p>1. Boleh datuk terangkan tentang diri datuk</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-Nama</li> <li>-Umur</li> <li>-Anak yang keberapa</li> <li>-Pekerjaan dahulu dan yang sekarang</li> <li>-Nama panggilan di kalangan rakan sekerja (dalam industri hiburan)</li> <li>-Boleh ceritakan tentang tempat tinggal datuk yang dulu?</li> <li>-Bagaiman pula dengan keadaan tempat tinggal datuk yang sekarang?</li> </ul>	
<p>2. Boleh datuk ceritakan sejarah kelahiran datuk</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-Situasi semasa kelahiran</li> <li>-Tahun kelahiran</li> <li>-Lahir di mana (negeri, hospital)</li> </ul>	
<p>3. Boleh datuk ceritakan mengenai latar belakang perkahwinan datuk</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-siapakah isteri pertama datuk</li> <li>-siapakah isteri datuk yang sekarang</li> </ul>	
<p>4. Boleh datuk terangkan tentang latar belakang anak-anak datuk</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Nama anak-anak datuk</li> <li>- Tahun kelahiran anak-anak datuk</li> <li>- Pekerjaan anak-anak datuk</li> </ul>	
<p>5. Boleh datuk ceritakan tentang latar belakang pendidikan datuk</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-pendidikan awal</li> <li>-sekolah rendah</li> <li>-Sekolah menengah</li> </ul>	

	<ul style="list-style-type: none"> <li>-pendidikan tinggi (master,phd)</li> <li><b>-bagaimana datuk boleh mendapat gelaran Dr.</b></li> <li>-tahun bila datuk mendapatkan gelaran tersebut</li> <li>-dimana gelaran tersebut telah diterima</li> <li>-di Universiti mana datuk mendapatkan gelaran tersebut</li> <li>-siapakah yang beri gelaran tersebut?</li> </ul>	
6.	<p>Bagaimana datuk boleh menceburkan diri dalam bidang lakonan?</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-tahun bila datuk mula bergiat aktif</li> <li>-bagaimana datuk mula sedar bahawa datuk mempunyai bakat didalam bidang lakonan</li> <li>-siapakah yang mencungkil bakat datuk untuk berlakon</li> <li>-siapakah sokongan datuk untuk datuk menceburi industri ini</li> <li>-dimana tempat pertama datuk berlakon</li> <li>-apakah watak pertama yang datuk pernah berlakon</li> </ul>	
7.	<p>Siapakah idola datuk dalam memberikan semangat untuk datuk berkarya</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-bila kenal idola</li> <li>-dekat mana kenal</li> <li>-kenapa datuk nak kenal dengan idola datuk tersebut</li> </ul>	
8.	<p>Boleh datuk ceritakan faktor apakah yang mendorong datuk untuk memulakan kerjaya sebagai pengarah?</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-sejauh manakah minat datuk dalam pengarahan filem?</li> <li>-apakah perlatan pertama yang digunakan datuk dalam mengarahkan filem?</li> <li>-apakah menjadi pengarah pada permulaan karier mencabar bagi datuk?</li> <li>-apakah sukar untuk menjalankan tanggungjawab apabila diberikan amanah untuk mengarahkan sesebuah cerita?</li> </ul>	
9.	<p>Apa yang membuat datuk tertarik dengan penerbitan filem?</p>	

<p>10. Sejauh manakah minat datuk dalam menerbitkan filem dan cerita-cerita tempatan?</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-Bila datuk mula menjadi seorang penerbit</li> <li>-tajuk filem pertama yang mula diterbitkan</li> <li>-bila diterbitkan</li> <li>-apakah cabaran penerbitan filem tersebut</li> </ul>	
<p>11. Di usia datuk yang sekarang, adakah kerja penerbitan membebankan datuk?</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-kenapa membebankan/tidak membebankan</li> <li>-**cara tangani sekiranya membebankan**</li> <li>-Apakah akan ada projek penerbitan filem dengan syarikat production yang lain dalam masa yang terdekat ini?</li> <li>- adakah datuk bercadang untuk bersara daripada industri ini?</li> </ul>	
<p>12. Sepanjang datuk berkarya, boleh datuk ceritakan pengalaman baik yang pernah datuk hadapi?</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-bagaimana pula dengan pengalaman buruk?</li> <li>-adakah itu menjelaskan karier semasa datuk pada waktu itu?</li> </ul>	

### **COMMON QUESTION**

SOALAN	CATATAN
<p>1. Apakah filem pertama datuk semasa datuk menjadi seorang pengarah</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-tajuk cerita</li> <li>-bila ditayangkan</li> <li>-siapakah barisan pelakon yang melancarkan filem tersebut</li> <li>-berapakah jumlah penonton</li> <li>-berapakah kutipan hasil filem pengarahan datuk</li> </ul>	
<p>2. Adakah datuk mengambil dana dari mana-mana agensi untuk membuat tayangan filem datuk?</p>	

	<ul style="list-style-type: none"> <li>-siapakah pemberi dana untuk filem datuk</li> <li>-berapaah datuk mendapat dana</li> <li>-kenapa datuk perlukan dana daripada agensi luar</li> </ul>	
3.	Boleh datuk berikan maklumat yang mendalam berkaitan dengan kepakaran datuk sehingga mampu untuk menceburkan diri didalam bidang pengarahan?	
4.	<p>Berapakah peruntukan yang terbanyak hasil daripada tayangan filem?</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-filem apa</li> <li>-berapa kutipan hasil</li> <li>-hasil tersebut apa yang datuk lakukan</li> </ul>	
5.	<p>Boleh datuk ceritakan apakah anugerah dan pengiktirafan yang datuk telah terima?</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-anugerah apa</li> <li>-bila terima</li> <li>-apakah anugerah yang paling bernilai didalam kehidupan datuk.</li> <li>-siapakah pemberiannya</li> <li>-atas faktor apakah yang mendorong datuk mendapat anugerah tersebut.</li> </ul>	
6.	Pada pendapat datuk, adakah bakat seseorang individu itu perkara yang amat dititikberatkan dalam pemilihan artis?	
7.	Bagaimana datuk menepis setiap kontroversi yang boleh mencemarkan imej datuk?	
8.	<p>Boleh datuk ceritakan bagaimana tertubuhnya syarikat penerbitan datuk?</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-siapa yang menjadi ilham tertubuhnya skop production sehingga kekal hingga hari ini.</li> <li>-bagaimana datuk mengendalikan syarikat ini sehingga ia menjadi terkenal sehingga sekarang?</li> <li>-cabaran dalam mengendalikan skop production</li> <li>-berapa ramai pekerja datuk didalam skop production</li> </ul>	

<p>9. Boleh datuk ceritakan apakah objektif datuk dalam menghasilkan filem yang berkaitan dengan badan beruniform seperti Roda-roda Kuala Lumpur?</p> <p><b>-Boleh datuk ceritakan mengenai siri drama yang dikenali ramai iaitu gerak khas yang diarah dan diterbitkan oleh datuk?</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-berapa jumlah siri yang telah ditayangkan</li> <li>-cabaran didalam pengarahan dan penerbitan siri drama</li> <li>-adakah datuk mengambil dana dari pihak luar?</li> <li>-berapakah hasil kutipan untuk siri drama ini?</li> <li>-siapakah barisan pelakon didalam gerak khas ini</li> <li>-kenapa datuk menerbit dan mengarah siri drama gerak khas ini sehingga sekarang?</li> <li>-apakah perbezaan siri drama gerak khas dan juga gerak khas undercover ini?</li> <p><b>-apakah akan ada cerita yang berkisarkan badan beruniform akan diterbitkan pada masa yang akan datang sekiranya siri drama gerak khas undercover ditamatkan?</b></p> </ul>	
--	--

### SPECIFIC QUESTION

SOALAN	CATATAN
<p>1. Boleh datuk kongsikan sedikit tips untuk menjana idea yang kreatif didalam penghasilan filem?</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-tips penghasilan filem</li> <li>-tips pemilihan pelakon untuk lancarkan filem tersebut</li> <li>-tips dalam pengarahan dan penerbitan filem yang berkualiti dan mendapat sambutan orang ramai.</li> </ul>	
<p>2. Boleh kami tahu bagaimana prosedur yang digunakan dalam menghasilkan siri drama gerak khas?</p>	

<ul style="list-style-type: none"> <li>-adakah penglibatan polis sebenar berlaku dalam penghasilan siri drama ini?</li> <li>-bagaimana idea penceritaan ini terhasil yang dilihat sama seperti realiti di dunia polis?</li> <li>-siapakah yang memberikan maklumat berkaitan dengan gerak kerja sebagai polis?</li> <li>-siapakah team yang terlibat dalam menghasilkan idea untuk mengarah dan menerbit siri drama gerak khas?</li> <li>-apakah tindakan undang-undang dikenakan sepanjang menghasilkan cerita berkaitan dengan beruniform ini?</li> </ul>	
<p>3. Bagaimanakah datuk pelajari cara untuk membuat filem dan siri drama?</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-alatan yang digunakan</li> <li>-apakah kepakaran yang perlu ada</li> <li>-bagaimana boleh tercetus idea untuk melakukan filem</li> </ul>	
<p>4. Apakah alatan yang digunakan didalam penerbitan filem datuk yang dahulu?</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-perbezaan camera dahulu dan sekarang</li> <li>-kepunyaan siapa</li> <li>-berapa harga</li> <li>-masih ada lagi atau tidak</li> <li>-jenis mikrofon yang dulu dan sekarang digunakan</li> <li>-studio yang pengeditan filem dahulu dan sekarang</li> </ul>	
<p>5. Boleh saya tahu cara yang digunakan oleh datuk didalam menerbitkan karya dikaca televisyen dengan lebih terperinci?</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-perbezaan penerbit lain dan datuk dalam menerbitkan filem</li> <li>-persamaan penerbit lain dan datuk dalam menerbitkan filem</li> </ul>	
<p>6. Boleh kami tahu cerita genre apa yang lebih menarik minat datuk untuk menerbitkannya?</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-kenapa suka genre tersebut?</li> <li>-bila start datuk suka genre tersebut</li> </ul>	

<p>-genre apa yang datuk tidak berminat untuk mengarah dan menerbit.</p> <p>-genre filem apa yang sukar untuk datuk arahkan</p>	
<p>7. Boleh datuk kongsikan kepada kami pengarah kesukaan datuk yang datuk selesa untuk bekerjasama?</p> <p>-siapa</p> <p>-kenapa</p> <p>-macam mana boleh kenal</p> <p>-apa sifat yang membuatkan datuk selesa untuk bekerjasama dengannya</p>	
<p>8. Boleh saya tahu diantara karya dua orang anak datuk yang mengikut jejak langkah datuk didalam pengarahan filem, karya siapakah yang memuaskan hati datuk?</p> <p>-kenapa pilih karya orang tersebut</p> <p>-adakah karya tersebut telah diterbitkan?</p> <p>-adakah orang tersebut boleh menggantikan datuk sebagai penerbit pada masa akan datang.</p>	
<p>9. Apakah datuk merasakan kepakaran datuk sebagai penerbit adalah lain daripada penerbit yang lain?</p> <p>-kenapa</p> <p>-apa perbezaannya</p>	
10. Apakah keunikan menjadi seorang pengarah filem?	
11. Apakah keunikan menjadi seorang penerbit filem?	
<p>12. Sekiranya gaya lakonan didalam terbitan produksi yang lain menarik, adakah datuk akan meniru aksi tersebut?</p> <p>-kenapa tiru/tidak tiru</p> <p>-adakah tiru/tidak tiru gaya tersebut boleh menjaskankan reputasi filem datuk?</p>	
<p>13. Filem jenis apa yang datuk hendak lakukan tetapi sukar untuk datuk lakukan?</p> <p>-adakah filem tersebut berjaya dihasilkan.</p> <p>-**kenapa tidak Berjaya dihasilkan**</p>	

<p>-berapa lama proses yang diambil penghasilan filem tersebut (sekiranya Berjaya)</p>	
<p>14. Diantara pengarah dan penerbit, yang manakah datuk lebih suka untuk dilakukan pada usia datuk yang sekarang? -kenapa -sampai bila datuk hendak melakukan tugas yang sedemikian?</p>	
<p>15. Diantara dua orang anak datuk iaitu Syamsul dan Shafiq, siapakah yang datuk percaya untuk kendalikan Skop Production ini? -kenapa -bila hendak diwariskan -adakah datuk akan mengambil orang luar untuk wariskan syarikat skop production ini sekiranya anak-anak datuk tidak berkeinginan untuk mewarisi?</p>	

## 12.6 PROPOSAL

### 1.0 PENGENALAN

#### 1.1 PENDAHULUAN

Industri seni kreatif seperti lakonan, pengarahan, dan penerbitan merupakan salah satu industri yang telah melahirkan ramai artis ternama yang berbakat sejak dari dahulu lagi. Tidak dapat dinafikan lagi bahawa bakat-bakat mereka telah diasah dengan lebih tajam di mana ianya dapat dilihat dari segi lakonan yang lebih mantap kerana mereka tahu cara menjiwai watak yang diberikan selain mempunyai jalan cerita berkualiti yang hampir setaraf dengan filem internasional terutama sekali dalam genre aksi, dan banyak lagi. Menurut Azlina Abd Aziz (2014), seni merupakan satu kreativiti yang dipunyai oleh individu selain daripada proses dalam pemilihan saluran medium dalam usaha untuk mempersembahkan atau menyampaikan idea, perasaan, ataupun rasa dalam bentuk yang terbaik. Sebagai contoh, perkara ini dapat dibuktikan melalui penghasilan filem-filem tempatan yang dikendalikan oleh pelbagai artis yang berpengetahuan dan mahir dalam bidang tersebut. Hal ini kerana, mereka merupakan artis-artis mahir yang sudah mula berkecimpung sejak usia muda dan mempunyai banyak

pengalaman yang boleh membantu industri seni ini untuk terus berkembang maju selain sering dijadikan rujukan oleh artis-artis baru yang ingin mencuba menyerlahkan bakat kesenian mereka.

Secara umumnya, industri seni kreatif pada era kini telah memberikan peluang yang besar kepada anak-anak muda pada zaman kini untuk menonjolkan bakat mereka sama ada dalam bidang lakonan mahupun nyanyian. Jika dibandingkan pada zaman dahulu, bakat adalah perkara yang amat dititikberatkan untuk menceburi industri ini agar penghasilan cerita mereka berkualiti. Namun, ada segelintir pengarah yang mengambil ringan bakat seseorang dengan menawarkan mereka yang terkenal di sosial media selain mempunyai rupa yang menawan untuk berlakon tanpa menitikberatkan bakat lakonan mereka. Perkara ini dapat dibuktikan melalui MStar (2022) di mana seorang pengarah, penerbit, dan pelakon, A. Aida menyatakan bahawa pasaran masa kini lebih mementingkan mereka yang berpenampilan menarik untuk diambil sebagai pelakon utama yang memegang watak hero dan heroin. Walaupun masalah sedemikian wujud dalam industri seni ini, masih lagi terdapat pengarah dan penerbit yang menitikberatkan kualiti seseorang artis sebelum memberikan penawaran pekerjaan kepada mereka.

Selain itu, dengan ketegasan yang wujud dalam diri seseorang pengarah, pelakon, dan penerbit dalam melakukan pekerjaan mereka, terdapat ramai artis baru yang wujud dengan bakat yang telah digilap oleh artis-artis veteran yang tidak jemu dan tidak kedekut dalam berkongsi ilmu mereka. Sebagai buktinya, terdapat ramai artis-artis baru dan artis pembantu yang telah diketengahkan untuk memegang watak utama dalam usaha untuk menonjolkan bakat mereka yang telah digilap (Berita Harian, 2022). Oleh yang demikian, perkara ini mampu mengubah persepsi orang ramai untuk lebih menghargai artis-artis veteran kerana mampu melahirkan pelapis yang boleh terus menghidupkan industri seni di Malaysia terutama sekali dari segi perfileman agar tidak tenggelam ditinggal dek zaman dan terus mampu untuk bersaing dengan industri seni dari luar negara.

## 1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Pada umumnya, kepentingan untuk menjalankan kajian ini adalah untuk mengumpulkan maklumat yang berkaitan dengan artis veteran yang dipilih iaitu Datuk Dr. Mohd Yusof Md Haslam Khan, atau lebih dikenali sebagai Datuk Dr Yusof Haslam. Beliau

merupakan seorang pelakon, pengarah, dan penerbit filem yang memegang jawatan sebagai pengarah urusan syarikat penerbitan televisyen dan filem miliknya iaitu Skop Productions yang telah lama ditubuhkan, iaitu sejak tahun 1985. Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan, didapati bahawa Datuk Yusof Haslam telah berkecimpung dalam industri seni tanah air dengan memulakan kerjayanya pada peringkat awal dengan menjadi pelakon pembantu di dalam filem Laksamana Do Re Mi pada tahun 1972, bergandingan dengan pelakon tersohor iaitu Allahyarham Tan Sri P. Ramlee.

Permulaan kariernya menjadi seorang pengarah adalah pada tahun 1991 iaitu dengan mengarah filem pertamanya yang bertajuk Bayangan Maut diikuti dengan beberapa filem tempatan lain seperti Sembilu pada tahun 1994, Maria Mariana pada tahun 1996, Sembilu dan Sembilu 2 pada tahun 1994 dan 1995, Gemilang pada tahun 1997, Gerak Khas The Movie pada tahun 2001, diikuti dengan pelbagai filem yang dikenali ramai seperti Bara, Maria Mariana 2, Pasrah, dan banyak lagi. Selain daripada mengarah filem dan drama, Datuk Yusof Haslam juga terlibat dalam pengarahan telefilem seperti Asmara Beijing dan berkecimpung sebagai juri dalam rancangan televisyen seperti Maharaja Lawak Mega 2013. Walau bagaimanapun, Datuk Dr Yusof Haslam telah membuat keputusan untuk berhenti mengarah filem-filem dan drama-drama tempatan bermula pada tahun 2005. Dengan demikian, filem terakhir yang beliau menjadi pengarah adalah filem Sembilu pada tahun 2005.

Dalam bidang penerbitan, dapat dilihat bahawa artis veteran ini mula berkecimpung pada tahun 1991 dengan menerbitkan filem Bayangan Maut yang juga merupakan filem pertama arahannya. Beliau juga mula menerbitkan filem arahan anaknya iaitu Syamsul Yusof yang bertajuk Evolusi KL Drift pada tahun 2008, dan pelbagai filem tempatan lain. Beliau juga terlibat dalam beberapa kolaborasi dengan beberapa orang pengarah dan penerbit lain seperti Ahad Idham dalam menerbitkan filem seperti *Gangster Celop* hasil daripada gabungan filem *KL Gangster* dan drama *Apa Celop!* yang diarah sendiri oleh Ahmad Idham dan diterbitkan oleh Datuk Dr Yusof Haslam.

Secara umumnya, beliau telah menerima pelbagai anugerah dan penghargaan yang membuatkan artis veteran ini dikenali dan dihargai oleh ramai masyarakat tempatan. Berdasarkan apa yang diketahui umum, beliau pernah dinobatkan sebagai Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik pada tahun 1984 menerusi filem Mekanik didalam Festival Filem Malaysia. Beliau juga dianugerahkan pingat Ahli Mangku Negara (AMN) pada tahun 1993 dan Panglima Jasa Negara (PJSN) pada tahun 2001 yang membawa kepada gelaran Datuk. Anugerah

sedemikian diberikan kepada Datuk Dr Yusof Haslam adalah untuk menghargai jasa beliau yang telah banyak memberikan sumbangan dalam industri perfileman negara. Selain daripada menerima anugerah Karyawan Sepanjang Zaman, beliau juga dianugerahkan Ijazah Doktor Falsafah Kehormat Sastera Seni oleh Universiti Terbuka Malaysia (OUM) pada 22 September 2018 yang sekali gus menjadikan beliau salah seorang artis yang mempunyai gelaran doktor.

Dengan adanya beberapa maklumat asas yang diketahui umum berkaitan dengan Datuk Dr. Yusof Haslam, kajian yang dijalankan terhadapnya ini mampu untuk merakamkan lebih banyak maklumat yang sukar untuk ditemui di dalam internet mahupun di medium yang lain seperti media sosial dan sebagainya. Hal ini dikatakan demikian kerana, carian maklumat mengenai tokoh ini hanya menyebarkan beberapa maklumat umum seperti latar belakang beliau yang asas, filem yang diarahkan dan diterbitkan oleh beliau, dan sebagainya. Namun, dengan kajian yang dijalankan ini, maklumat yang lebih terperinci dapat dikumpulkan agar khalayak umum mengetahui tentang kehebatan tokoh yang tersohor ini dengan lebih mendalam.

Selain daripada mampu untuk mengumpulkan maklumat yang terperinci tentang tokoh ini, kepentingan kajian ini adalah untuk mendokumentasikan maklumat beliau agar kajian ini dapat dijadikan bukti untuk dirujuk oleh pengkaji yang lain pada masa yang akan datang. Hal ini dikatakan demikian kerana, kajian ini merupakan salah satu bukti yang menunjukkan bahawa tokoh ini wujud terutama sekali apabila peredaran zaman berlaku. Seperti yang dapat dilihat oleh artis yang lain, kelihatan ramai artis yang namanya telah tenggelam dan tidak dikenali ramai walaupun artis itu bergiat aktif pada zaman kegemilangan mereka. Namun, disebabkan tiada sebarang penyelidikan dijalankan ke atas artis-artis tersebut, nama mereka tidak lagi dikenali bahkan karya mereka juga tidak dipandang unik dan penting oleh orang lain. Situasi ini jelas menunjukkan bahawa kepentingan kajian yang dijalankan terhadap artis veteran mampu untuk memberitahu generasi yang akan datang tentang kewujudan tokoh veteran ini agar mereka mampu menghargai setiap karya yang telah dilaksanakan oleh artis ini.

Oleh yang demikian, kajian yang lebih mendalam dan menyeluruh akan dilakukan ke atas artis veteran ini untuk mengetahui dan mengenali beliau dengan lebih mendalam. Segala maklumat yang dikongsikan oleh artis veteran Datuk Dr Yusof Haslam yang berpengalaman ini bukan sahaja mampu membuka mata anak muda untuk tetap berkarya walaupun bermula daripada bawah, namun ianya juga mampu membuka mata masyarakat untuk terus menghargai barisan artis-artis yang berkualiti dan menghargai industri seni dan perfileman negara.

### 1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Antara permasalahan kajian yang timbul dalam melakukan penyelidikan ini ialah salah satunya sukar untuk kami mendapatkan maklumat yang tepat dan benar. Hal ini kerana setiap berita yang diterbitkan didalam laman sesawang kemungkinan telah diubah dan diolah oleh sesetengah pihak yang tidak bertanggung jawab agar laman sesawang mereka mempunyai peningkatan jumlah pengguna. Bukan itu sahaja, malahan terbitan maklumat mengenai tokoh yang kami lakukan penyelidikan juga adalah kebanyakannya palsu dan lain daripada laman sesawang yang lain.

Selain itu, permasalahan kajian semasa kami lakukan kajian ini ialah kebanyakan maklumat tokoh kami dikaitkan dengan masalah anaknya iaitu Syamsul Yusof. Hal ini dikatakan sedemikian kerana setiap berita atau perkara yang diviralkan mengenai anaknya turut dikaitkan dengan tokoh kami iaitu Datuk Dr Yusof Haslam sehingga perkara yang tidak sepatutnya dijawab oleh Datuk Dr Yusof Haslam terhadap permasalahan anaknya turut dijawab untuk soalan bagi pihak wartawan yang menemu ramah.

Seterusnya, penyelidikan kami ini mempunyai masalah apabila segelintir anak muda tidak mengenali beliau dari segi rupa paras bahkan hanya mengenali beliau dengan nama besarnya sahaja iaitu Datuk Dr Yusof Haslam. Hal ini dikatakan sedemikian kerana menurut Datuk Dr Yusof Haslam beliau sudah tidak lagi aktif berkecimpung didalam dunia lakonan sebaliknya hanya aktif didalam dunia penerbitan sahaja. Keadaan ini disebabkan oleh faktor umur beliau yang sudah tua dan hanya ingin mengfokuskan kepada penerbitan filem sahaja. Dunia lakonan dan pengarahan tidak aktif dek kerana ingin memberi ruang kepada dua orang anaknya iaitu Syamsul Yusof dan Shafiq Yusof dalam mempamerkan kepakaran mereka didalam industri hiburan ini.

Akhir sekali, permasalahan didalam penyelidikan kami ini ialah artis veteran pada masa kini kian dilupakan dan disisih oleh masyarakat. Hal ini kerana, masyarakat iaitu generasi milinea kini lebih mengenali artis barat seperti Korea-Pop (K-Pop) dan juga artis yang baru berjinak-jinak didalam menceburi industri hiburan ini. Artis seperti ini kian aktif di media sosial dan juga di televisyen berbanding dengan artis veteran yang kini hanya menerima ganjaran atau pampasan hasil daripada lakonan yang dahulu iaitu lakonan yang kian lama kian dilupakan.

#### **1.4 OBJEKTIF KAJIAN**

- Untuk mengetahui latar belakang Datuk Dr Yusof Haslam sehingga membuatkan beliau berminat untuk berkecimpung dalam bidang lakonan, pengarahan, dan penerbitan.
- Untuk mengetahui kepakaran beliau yang lebih spesifik dalam bidang yang diceburi.
- Untuk meneliti pengetahuan dan pengajaran yang diperoleh oleh Datuk Dr Yusof Haslam sepanjang berkecimpung dalam industri seni perfileman.

#### **1.5 PERSOALAN KAJIAN**

- Apakah latar belakang Datuk Dr Yusof Haslam sehingga membuatkan beliau melibatkan diri untuk menjadi seorang pelakon, pengarah, dan penerbit?
- Apakah kepakaran spesifik yang dimiliki oleh beliau sehingga mampu menjadi seorang pelakon, pengarah, dan penerbit?
- Apakah pengetahuan dan pengajaran yang diperolehi beliau sepanjang berkecimpung dalam industri seni perfileman?

#### **1.6 KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN**

Berdasarkan kajian yang dilakukan terhadap artis tersohor sepanjang zaman ini, terdapat pelbagai perkara yang dianggap penting sehingga mampu memberikan sumbangan dari segi ilmu pengetahuan dalam sesuatu bidang kepada masyarakat yang terdiri daripada pelbagai peringkat umur. Hal ini kerana, ilmu pengetahuan yang dikongsikan oleh artis veteran sepanjang melakukan kajian terhadap beliau merupakan ilmu yang jarang dikongsikan oleh artis-artis lain secara umum sama ada melalui sosial media dan sebagainya. Kesannya, kajian yang dijalankan mampu membuka ruang kepada masyarakat yang terdiri daripada pelbagai peringkat umur untuk mengetahui dengan lebih mendalam berkaitan dengan resipi kejayaan Datuk Dr Yusof Haslam dalam industri ini sehingga mampu memperoleh pelbagai anugerah yang sukar untuk dicapai oleh orang lain.

Selain itu, malalui kajian yang dijalankan ini, pelbagai persepsi masyarakat yang negatif dapat diubah kepada positif apabila membaca segala maklumat yang diberikan oleh

Datuk Dr Yusof Haslam. Perkara ini bukan sahaja memberikan kelebihan kepada masyarakat semata-mata, malah mampu membantu organisasi tempatan yang terlibat dalam industri ini untuk mengambil maklum sedikit sebanyak berkenaan dengan kesalahfahaman yang melanda segelintir pihak. Hal ini kerana, dengan adanya sesi temubual yang dirakam dalam bentuk video, para penonton dapat melihat sendiri segala penerangan yang diberikan oleh Datuk Dr Yusof Haslam berkaitan dengan isu-isu semasa yang melanda industri kreatif perfileman ini.

Seterusnya, kajian yang dijalankan ini dapat mengenali dengan lebih mendalam terhadap artis veteran yang serba berkebolehan ini. Hal ini kerana, apabila sesi temubual dijalankan dan pelbagai soalan diajukan makanya kita dapat mengenali artis veteran ini dengan lebih mendalam berbanding dengan hanya mendengar khabar angin mengenai perwatakan dan personality artis ini. Sebagai contoh, apabila wartawan sering memuat naik berita yang sensasi tetapi ianya bukan fakta maka masyarakat akan mengkritik dan menilai artis ini daripada luaran sahaja. Oleh hal yang sedemikian, apabila kajian ini dijalankan kita dapat mengenal artis ini dengan lebih mendalam lagi kerana temubual yang akan dijalankan ini adalah secara langsung iaitu diantara penemuduga dan juga orang yang ditemuduga.

Akhir sekali, kajian yang dijalankan ini mampu menjadikan perjalanan dalam karier artis ini sebagai jejak langkah untuk masyarakat diluar menceburi bidang seperti artis ini iaitu lakonan, pengarahan, dan penerbit filem di Malaysia. Ramai masyarakat sudah pastinya ingin mengetahui daripada permulaan sehingga artis ini berjaya mendapat nama di seluruh negeri dan juga berjaya memasuki pelbagai bidang didalam industri hiburan ini. Apabila kajian ini dilakukan makanya masyarakat akan mendapat maklumat mengenai artis ini dan dapat menjadikan artis ini sebagai contoh untuk mereka berjaya didalam bidang yang sama.

Kesimpulannya, kajian yang dilakukan ini dapat memperoleh pelbagai kepentingan dan sumbangsan terhadap masyarakat. Bukan itu sahaja, malahan masyarakat juga dapat lebih mengenali dan mendapat lebih banyak maklumat mengenai Datuk Yusof Haslam ini dengan lebih mendalam tanpa ragu-ragu kerana kaedah kajian ini adalah kebanyakannya bersifat secara langsung.

## **2.0 TINJAUAN LITERATUR**

### **2.1 PENDAHULUAN**

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, seni kreatif boleh ditafsirkan sebagai kebolehan mencipta, menghasilkan, dan mengembangkan sesuatu idea yang baharu dan asli. Dalam penghasilan perkara yang kreatif, daya tenaga yang tinggi perlu digunakan dalam usaha untuk menghasilkan karya seni yang bermutu tinggi. Selain itu, menurut kamus Webster's (1976), pemikiran kreatif didefinisikan sebagai "The ability to bring something new existence" yang merujuk kepada kebolehan seseorang individu untuk mewujudkan suatu idea yang baru, dan bukannya kitar semula.

Seni merupakan ekspresi perasaan manusia yang dapat diungkapkan dalam pelbagai cara iaitu dari segi nada, rupa, gerak dan syair. Terdapat pelbagai seni yang ada di negara ini iaitu antaranya ialah seni music, seni rupa, seni tari, seni sastra, seni hiburan dan seni teater. Seni mempunyai pelbagai fungsi yang dapat memanfaatkan setiap manusia iaitu salah satunya ialah seni sebagai media hiburan dan seni sebagai media untuk Pendidikan. Di negara kita, seni hiburan memainkan peranan yang amat besar dan ketara yang dapat memberikan manfaat kepada seseorang individu dan juga dapat memperoleh keuntungan yang lumayan terhadap negara.

## 2.2 SITUASI / SCENARIO INDUSTRI SENI HIBURAN DI MALAYSIA

Terdapat pelbagai scenario yang boleh dikaitkan dengan industri seni hiburan. Salah satunya ialah melalui lakonan dan penghasilan cerita yang dapat mendatangkan hasil yang begitu lumayan sekiranya seseorang bijak dalam merancang dan menjana idea dalam berkarya. Sebagai contoh, Datuk Dr Yusof Haslam merupakan seorang tokoh yang bijak menyesuaikan diri didalam industri hiburan sehingga penerbitan filemnya mencecah sehingga jutaan ringgit Malaysia seperti Abang Long Fadil, Munafik dan sebagainya lagi.

Industri hiburan mempunyai pelbagai artis yang dapat memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara seperti salah satunya ialah Datuk Dr Yusof Haslam. Datuk Dr Yusof Haslam merupakan seorang artis yang banyak berjasa didalam industri hiburan ini. Hal ini dikatakan sedemikian kerana tokoh ini mempunyai pengalaman yang cukup berharga yang tidak dapat diperoleh daripada artis yang lain. Pengalamannya iaitu daripada menjadi pelakon tambahan sehingga beliau Berjaya untuk menjadi pelakon malahan pengarah dan penerbit yang terkenal di Malaysia merupakan salah satu sumbangan dan juga dapat dijadikan dorongan kepada artis baharu yang mula menceburkan diri di industri hiburan ini. Datuk Dr Yusof Haslam ini juga wajar untuk diketahui oleh orang ramai dan menjadikan beliau sebagai contoh

didalam kehidupan harian kerana beliau dahulunya merupakan seorang yang hanya tinggal di tempat yang setinggan dan memiliki ibubapa yang hidup dalam keadaan yang susah sehingga mendorong beliau untuk berusaha mencapai impianya menjadi seorang pelakon, pengarah dan juga penerbit sehingga beliau berjaya menjadi karyawan yang cukup hebat.

## 2.4 KAJIAN LEPAS

Berdasarkan penyelidikan lepas dalam usaha untuk mendokumentasikan artis iaitu Datuk Dr Yusof Haslam, penyelidikan telah dilakukan keatas beberapa filem tempatan yang telah diarah oleh beliau sendiri. Penyelidikan lepas yang kami dapati ini adalah daripada beberapa sumber sahih yang membawa kepada ketepatan maklumat tokoh yang kami lakukan penyelidikan ini.

Surat khabar merupakan salah satu sumber yang kami jadikan sebagai bukti maklumat untuk kajian lepas ini. Sumber ini menceritakan mengenai biografi Datuk Dr. Yusof Haslam yang telah menerima Anugerah Ijazah Kehormat Kedoktoran Seni Perfileman dan Ijazah Sarjana Profesional Diperakui Industri Kreatif Penerbit Filem oleh OUM. Berdasarkan sumber ini, anugerah ini telah disampaikan oleh Presiden dan Naib Canselor OUM, Prof Datuk Dr Mansor Fadzil kepada penggiat seni yang terdiri daripada pelbagai bidang iaitu diantaranya ialah pengarahan, penerbitan filem dan televisyen serta pengurus produksi. kajian lepas daripada sumber surat khabar ini telah menambahkan lagi ketepatan maklumat untuk penyelidikan biografi tokoh ini.

Selain itu, sosial media merupakan sebuah platform untuk menambahkan lagi carian maklumat seseorang tokoh yang ingin diselidik. Diantara platform sosial media yang dapat dijadikan sebagai kajian lepas untuk tokoh Datuk Yusof Haslam ini ialah Twitter. Di twitter,terdapat pelbagai maklumat yang telah di tweet oleh golongan masyarakat dan juga sumber yang sah seperti Harian Metro. “Membintangi filem aksi patriotik Bukit Kepong arahan Allahyarham Tan Sri Jins Shamsuddin yang diterbitkan pada tahun 1981 menjadi kenangan terindah buat pelakon, pengarah dan penerbit iaitu Datuk Yusof Haslam yang berumur 67 tahun”- Twitter hmetro, 2021. Berdasarkan tweet yang telah ditulis dan dikongsi ini, maklumat ini dapat dijadikan sebagai bukti yang tepat dan juga kebenaran maklumat biografi bahawa Datuk Yusof Haslam merupakan penerbit dan juga pengarah bagi filem yang mendapat sambutan ramai ini.

Kajian lepas seperti di Youtube juga dapat dirujuk untuk penambahan maklumat dan juga bukti ketepatan maklumat mengenai tokoh Datuk Yusof Haslam. Youtube merupakan sebuah platform video yang sangat digemari ramai untuk mendapatkan maklumat mengenai apa yang mereka inginkan. Menerusi platform youtube dimana penerbit di youtube ini ialah Mericam Shop, tajuk penerbitannya ialah pengarah penerbit Datuk Yusof Haslam, video yang dirakam dan diupload ini menceritakan mengenai biografi Datuk Yusof Haslam sebagai pengarah didalam karya gerak khas. beliau memberi pendapat bahawa setiap karya yang dilakukannya perlu memberi manfaat terhadap para masyarakat apabila mereka menonton. Situasi ini jelas menggambarkan bahawa Datuk Yusof Haslam merupakan seorang pengarah dan penerbit yang mementingkan hasil karya yang berkualiti untuk tatapan penonton.

Akhir sekali, kajian lepas yang kami temui adalah kajian yang ditulis oleh empat orang pelajar iaitu salah satunya ialah Muhammad Amir bin Rosli dimana pensyarahnya ialah Pn. Farah dan tajuk kajian yang kami temui ini ialah Datuk Dr Yusof Haslam sebagai tokoh keusahawanan. didalam kajian ini tertulis biografi Datuk Dr Yusof Haslam iaitu dari segi biodata, kerjaya, sifat yang dimiliki oleh beliau dan juga anugerah serta penghargaan yang diterima oleh beliau. Kajian lepas ini memfokuskan kearah perbincangan latar belakang beliau iaitu sebagai pengarah dan penerbit filem.

## 2.5 MENJELASKAN KEPENTINGAN PENYELIDIKAN LISAN

Penyelidikan lisan amat penting dalam mendapatkan sesuatu maklumat. Hal ini kerana, dengan menjalankan penyelidikan secara lisan, segala maklumat dapat terungkai dan terjawab dengan tepat, teliti, dan lebih mendalam. Penyelidikan lisan yang dilakukan ini turut mendapat manfaat daripada kedua-dua belah pihak iaitu antara penemubual dan juga orang yang ditemubual (tokoh).

Salah satu kepentingan penyelidikan lisan yang dilakukan ini adalah untuk mendapatkan ketepatan dan kesahihan maklumat. Hal ini kerana, penyelidikan lisan ini dilakukan secara bersemuka dengan mereka yang ditemubual. Segala maklumat yang ditanya dan dijawab oleh mereka yang berkenaan dapat dilihat dari segi ekspresi wajahnya, cara pertuturan dan bukti dokumen yang ada olehnya dimana didalam sumber lain tidak dapat untuk mengenal pasti tentang kesahihan maklumat tersebut. Bukan itu sahaja, ketepatan maklumat ini dapat kita membuat penulisan yang sahih dan sah untuk diterbitkan agar ianya dapat dibaca

oleh masyarakat di luar. perkara yang dilakukan ini dapat meningkatkan nama dan imej tokoh apabila penulisan daripada maklumat yang tepat ini dilakukan.

Selain itu, kepentingan penyelidikan secara lisan ini dapat perbetulkan maklumat tokoh yang boleh mencemarkan imej tokoh tersebut. Hal ini kerana, selaras dengan perkembangan teknologi, pelbagai maklumat dapat diperoleh dihujung jari yang juga merupakan punca utama berlakunya pemalsuan maklumat oleh segelintir masyarakat yang tidak bertanggungjawab. Perkara sedemikian bukan sahaja mampu untuk menjatuhkan imej tokoh tersebut, malah menyebabkan orang luar memandang rendah terhadap tokoh yang diselidiki. Apabila penyelidikan lisan dilakukan, maka perkara ini dapat perbetulkan maklumat palsu yang telah disebarluaskan di kalangan masyarakat kerana penyelidikan ini melibatkan komunikasi secara langsung diantara tokoh dan juga penemuduga. Situasi ini dapat menaikkan kembali nama serta imej tokoh apabila penyelidikan lisan dibuat dan penyebaran maklumat yang tepat dilakukan keatas nama tokoh tersebut.

Seterusnya, penyelidikan lisan ini penting dilakukan untuk menambahkan lagi maklumat berkaitan dengan seseorang tokoh. Sesetengah pihak hanya mendapatkan maklumat daripada laman web dan juga media sosial yang lain untuk menyiapkan sesuatu tugas mengenai seseorang tokoh. Namun, apabila penyelidikan lisan ini dibuat, perkara ini dapat menambahkan lagi maklumat tokoh tersebut yang mungkin tidak ada dimana-mana sumber melainkan diselidiki secara lisan sahaja. Sebagai contoh, penyelidikan secara lisan ini dapat penemubual rungkaikan soalan spesifik seperti rahsia yang disimpan oleh tokoh itu sendiri dengan lebih mendalam untuk dikongsi dan dijadikan panduan serta pengajaran oleh pihak yang inginkan maklumat tersebut.

Sebagai tambahan, penyelidikan lisan yang dilakukan ini penting untuk dijadikan sebagai bukti maklumat yang akan didokumenkan mengenai seseorang tokoh. Bukti ini penting untuk dijadikan panduan dan rujukan terhadap orang tertentu didalam melakukan tugasannya mereka. Bukti yang dilakukan secara penyelidikan lisan ini dapat memperbetulkan maklumat yang salah dan dapat menghapuskan persepsi negatif didalam kalangan masyarakat terhadap seseorang tokoh. Sebagai contoh, apabila berita palsu mengenai tokoh telah diviralkan, perkara ini dapat ditangani dengan penyelidikan lisan yang dilakukan ini. Perkara ini secara tidak langsung dapat dijadikan sebagai bukti dalam usaha untuk memperbetulkan kesalahan maklumat yang telah diviralkan.

Akhir sekali, maklumat yang diperoleh hasil penyelidikan lisan terhadap seseorang tokoh ini penting untuk didokumenkan dan diterbitkan. Penyelidikan lisan ini adalah untuk mendapatkan maklumat agar penemubual dapat hasilkan penulisan yang kreatif dengan menggunakan data dan maklumat yang sahih selain menerbitkan maklumat yang betul dan tepat mengenai tokoh kepada khalayak umum. Dalam pada itu, penulisan dan penerbitan maklumat yang diperoleh ini dapat meningkatkan kembali imej tokoh dan nama tokoh tersebut didalam kalangan masyarakat sekali gus dapat mengubah persepsi buruk masyarakat terhadap tokoh yang telah dikaji. Hal ini kerana, apabila penulisan dan penerbitan maklumat yang tepat ini dilakukan, masyarakat dapat berenti membuat dan menyebarkan andaian buruk yang diperoleh berdasarkan sumber-sumber yang tidak sahih. Oleh itu, hasil maklumat yang benar melalui penyelidikan lisan ini penting untuk didokumenkan dan diterbitkan kepada masyarakat.

### **3.0 METODOLOGI**

#### **3.1 PENDEKATAN KAJIAN**

Terdapat dua pendekatan kajian yang akan digunakan didalam melakukan kajian ini. pendekatan kajian yang pertama yang akan digunakan ialah melalui temubual secara lisan manakala pendekatan kajian yang kedua ialah pendokumentasian.

Temubual secara langsung iaitu secara lisan turut dikenali sebagai “sejarah lisan” merupakan salah satu pendekatan dimana “kenang-kenangan seseorang tokoh yang dirakamkan secara wawancara. Tokoh-tokoh yang dipilih biasanya terdiri daripada mereka yang dapat menyumbang maklumat bersejarah dari penglibatan dan pengalaman diri mereka sendiri, atau oleh kerana perhubungan mereka secara langsung dengan watak, masa atau peristiwa tertentu. Maklumat yang diperolehi dari wawancara tersebut kemudiannya disalin dan salinan itu selepas disemak dan ditaip dapat digunakan sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan”.(UKM,2007) Sejarah lisan merupakan salah satu kaedah yang mempunyai banyak kebaikan iaitu antaranya ialah penulisan sejarah menjadi lebih demokratis iaitu lebih terbuka karena memungkinkan penemuduga untuk mencari maklumat mengenai tokoh dengan lebih mendalam dan terperinci. Sejarah lisan tercetus apabila wujudnya dokumen lisan yang diambil daripada keterangan kata dengar, Keterangan melalui gambar dan juga gaya badan yang diterangkan untuk ditukarkan kepada dokumen didalam bentuk rakaman atau transkrip.

sejarah lisan ini juga wujud apabila seseorang individu ingin mengumpul maklumat mengenai latar belakang atau hal – hal personal seseorang individu yang mempunyai pengalaman tertentu seperti kepakaran didalam bidang lakonan, pengarahan dan juga perfileman. Sejarah lisan ini telah berkembang pada zaman kini dek kerana ingin mendapatkan maklumat mengenai sesuatu isu yang boleh dikatakan kurang untuk seseorang mendapatkan maklumat mengenai hal-hal tertentu untuk dijadikan sebagai sumber yang sahih.

Pendekatan kajian yang seterusnya ialah secara pendokumentasian. pendokumentasian merupakan “Proses menghurai, menyenarai dan menyusun maklumat mengenai bahan perpustakaan mengikut peraturan dan format yang ditetapkan dan diiktiraf di peringkat kebangsaan dan antarabangsa”.(PNM,14 Januari 2014). Pendokumentasian merupakan salah satu dokumen yang dapat menambahkan maklumat mengenai sesuatu carian seperti maklumat mengenai tokoh agar ianya dapat memperkuuhkan lagi fahaman dan pengetahuan seseorang individu. pendekatan kajian membolehkan banyak maklumat yang dapat diperolehi daripada pelbagai sumber seperti di internet, perpustakaan dan juga boleh didapati di arkib. Pendokumentasian adalah pendekatan dimana kebanyakan masyarakat menggunakanannya kerana dokumen yang didapati daripada hasil carian mempunyai banyak penulisan daripada penyelidik sebelum ini.

### 3.2 PESERTA KAJIAN

Datuk Dr. Mohd Yusof Md Haslam Khan atau dikenali sebagai Yusof Halam merupakan seorang pelakon, pengarah dan juga penerbit yang tersohor di Malaysia. Beliau yang dilahirkan pada 24 April 1954 merupakan seorang pengarah urusan syarikat penerbitan televisyen dan filem miliknya iaitu “Skop Production” yang telah ditubuhkan pada tahun 1985. Beliau merupakan anak keempat daripada tujuh adik beradik yang Bersama-sama tinggal di penempatan setinggan. Beliau menerima Pendidikan di Sekolah Menengah Kebangsaan Aminuddin Baki,Kuala Lumpur. Beliau terpikat didalam bidang perfileman melalui pengalaman beliau menonton filem Hollywood dan Bollywood. Didalam bidang lakonan, beliau telah menjadi salah seorang artis bollywood yang terkenal iaitu Shashi Kapoor sebagai idola. kerjayanya didalam bidang hiburan ini bermula pada tahun 1970 apabila beliau telah melakonkan sebagai watak tambahan iaitu penonton perlawanan dalam filem Laksamana Do Re Mi pada tahun 1972 bersama dengan pelakon utama iaitu Allahyarhan Tan Sri P.Ramlee.

Datuk Dr. Mohd Yusof Md Haslam Khan telah berlakon sebanyak 31 buah filem dan mengarahkan 13 buah filem cereka sepanjang kerjayanya di tanah air. Sebagai penerbit, Datuk Yusof Haslam telah menerbitkan sebanyak 40 filem dan beberapa siri TV iaitu Remang-Remang Kota Raya dan Gerak Khas. Kini, perjuangan beliau didalam bidak perfileman telah diteruskan oleh dua orang anak beliau yang dikenali sebagai Syamsul Yusof dan Shafiq Yusof. selain daripada kerjaya Datuk Yusof Haslam sebagai pelakon, penerbit dan pengarah serta penulis skrip, Datuk Yusof juga merupakan seorang pengarah Urusan di Skop Production dimana anak syarikatnya terdiri daripada Haslam Trading, Haslam Properties, skop publishing iaitu novel dan buku serta ME Communication yang merupakan sebuah pos produksi dan penerbitan drama serta filem.

### 3.3 PROSEDUR PENGUMPULAN DATA

Kajian yang dibuat ini mempunyai beberapa prosedur dalam mengumpulkan data. Prosedur pengumpulan data ini adalah untuk menjayakan kajian yang dibuat ini agar segala maklumat yang ingin kami ketahui Berjaya dicapai.

Prosedur didalam pengumpulan data yang pertama ialah penetapan tema. Penetapan tema ini adalah penting untuk memudahkan kajian dilaksanakan. Hal ini kerana, dengan adanya tema maka kami dapat membuat carian mengenai sesuatu bahan kajian yang ingin kami laksanakan. Penetapan tema ini juga dapat kami laksanakan kajian dengan lebih terperinci dan maklumat yang diperoleh dapat ditelaah dengan lebih mendalam lagi. Bagi penetapan tema kajian yang kami lakukan ini ialah kearifan tempatan dimana kajian yang kami pilih ini adalah dikalangan artis veteran yang mempunyai banyak pengalaman didalam industry hiburan. Bukan itu sahaja, artis-artis veteran ini mempunyai banyak sumbangsan dan dorongan didalam kalangan masyarakat dan juga negara.

Selain itu, prosedur pengumpulan data yang kedua ialah dengan membuat kajian mengenai latar belakang tema yang kami ingin lakukan kajian. Pengetahuan latar belakang merupakan maklumat yang penting yang perlu diketahui sebelum membuat kajian secara lisan kerana ianya dapat mendalamkan lagi pengetahuan mengenai sesuatu maklumat individu yang ingin dikaji. Pencarian latar belakang juga dapat kita ketahui serba sedikit maklumat seseorang individu yang ingin dibuat kajian. Sebagai contoh, artis veteran yang telah kami pilih untuk kajian ini iaitu Datuk Dr. Mohd Yusof Md Haslam merupakan seorang pelakon, pengarah,

penerbit filem dan juga penulis skrip yang terkenal di Malaysia. Beliau merupakan pengarah bagi urusan syarikat penerbitan filem dan televisyen miliknya iaitu skop production. Beliau mempunyai dua orang anak iaitu Shafiq Yusof dan Syamsul Yusof yang kini mewarisi kerjaya Datuk Yusof Haslam sebagai penerbit filem dan televisyen di Skop Production.

Selain itu juga, prosedur pengumpulan data yang ketiga adalah pencarian bahan maklumat di internet, majalah, dan juga di laman sosial media. pencarian maklumat ini penting sebelum proses temubual dilaksanakan. Hal ini kerana, maklumat yang dicari terlebih dahulu dapat menyumbang kearah bilangan persoalan temubual yang akan dilaksanakan. Bukan itu sahaja, malahan ianya juga dapat memantapkan lagi pengetahuan mengenai kajian yang ingin dibuat. Sebagai contoh, pencarian maklumat mengenai artis veteran iaitu Datuk Dr. Mohd Yusof Md Haslam Khan dapat dibuat menerusi laman sosial media, laman web di google dan sebagainya lagi.

Seterusnya, prosedur pengumpulan data yang keempat adalah proses temubual. Temubual akan dilaksanakan untuk mendapatkan maklumat yang sahih dan lebih mendalam mengenai sesuatu yang ingin dikaji. Proses temubual ini melibatkan diantara penemuduga dan juga tokoh yang dipilih untuk dilakukan kajian. Proses temubual merupakan salah satu proses komunikasi yang terlibat secara langsung. Maklumat yang didapati hasil daripada temubual ini merupakan maklumat yang dapat dicatat dan dipercayai sepenuhnya kerana ianya maklumat yang diperolehi secara langsung daripada individu yang ditemubual.

Prosedur pengumpulan data yang terakhir adalah membuat analisa kajian. Analisa kajian akan dibuat apabila temubual telah dijalankan. Analisa yang dibuat ini adalah untuk mengenalpasti ketepatan maklumat yang diperolehi daripada temubual yang dibuat. Proses temubual yang telah dibuat itu akan dianalisis untuk dibuat transkrip pada akhir tugas kajian ini.

#### **4.0 KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, kajian yang dijalankan terhadap artis veteran mampu memberikan banyak sumbangan terutama sekali dari segi ilmu berkaitan dengan perjalanan hidup untuk mencapai kejayaan. Hal ini kerana, Datuk Dr Yusof Haslam berlatar belakangkan keluarga yang tidak terlalu mewah dan juga jauh dari bidang perfileman penerbitan dan pengarahan. Namun, atas usaha beliau yang tidak putus-putus untuk membina kerjaya dalam

industri hiburan seperti perfileman ini, nama beliau kian meningkat naik walaupun umurnya telah dimakan usia disebabkan oleh karya-karya yang dihasilkan beliau berjaya menambat hati penonton tidak kira muda maupun tua. Pelbagai iktibar dan cabaran juga dapat dilihat mampu untuk dijadikan sebagai tauladan pada generasi kini dan generasi yang akan datang dalam menghadapi cabaran hidup yang kian mencabar ini. Oleh itu, kajian biografi terhadap tokoh ini iaitu Datuk Dr Yusof Haslam wajar diteruskan oleh pengkaji-pengkaji lain agar nama beliau tidak tenggelam ditelan zaman supaya generasi yang mendatang tetap menghargai sumbangan yang telah diberikan oleh beliau sepanjang berkecimpung dalam industri ini.

## **5.0 RUJUKAN**

Amalina Zakaria. (2011). Seni dan pendidikan.

<http://amalina-zakaria.blogspot.com/p/kreativiti.html>

Azlina Abd Aziz. (2014, Januari 23). *Pengenalan seni kreatif dan kraftangan*.

<http://azlinaabdaziz.blogspot.com/2014/01/pengenalan-seni-kreatif-dan-kraftangan.html>

Datuk Dr. Yusof Haslam (2022, Disember, 22). Komunikasi peribadi

[Temubual sejarah lisan]

Defarhano. (2011, July). *Biodata datuk Yusof Haslam* penerbit Skop

productions. Defarhano.com.

<https://www.defarhano.com/2011/07/biodata-datuk-yusof-haslam.html>

Fatin Farhana Ariffin. (2022, Februari 8). *Industri kurang pelakon kelas A*. BHOnline.

<https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriti/2022/02/920149/industri-kurang-pelakon-kelas>

Merican Shop. (2018, September 18). *Ceritanegararaku - Pengarah Penerbit Datuk Yusof*

*Haslam* [Video]. YouTube. <https://youtu.be/8MfgoauXX7g>

MStar. (2022). KEna terima hakikat penonton sekarang tengok rupa...pelakon kurang

menarik tetap ada peluang - A.Aida.

<https://www.mstar.com.my/spotlight/hiburan/2022/10/26/kena-terima-hakikat-penonton-sekarang-tengok-rupa-pelakon-kurang-menarik-tetap-ada-peluang---a-aida>

PNM. (2014, January 14). *Dasar Pendokumentasian Bahan Perpustakaan*. Portal Rasmi Perpustakaan Negara Malaysia.  
[https://www.pnm.gov.my/pnm/resources/UploadFile/Akta,%20Dasar%20dan%20Peraturan/DASAR\\_PENDOKUMENTASIANBAHAN\\_PERPUSTKAAN.pdf](https://www.pnm.gov.my/pnm/resources/UploadFile/Akta,%20Dasar%20dan%20Peraturan/DASAR_PENDOKUMENTASIANBAHAN_PERPUSTKAAN.pdf)

Prawiro. M. (2023). *Pengertian seni: Fungsi, tujuan, dan macam-macam seni*. Maxmanroe.com. <https://www.maxmanroe.com/vid/umum/pengertian-seni.html>

Ukm. (2007). *Sejarah lisan*. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan.

<https://www.ukm.my/sejarah/sejarahlisan/sejarahlisan.html>

## 12.7 Diari Penyelidikan


Minggu\Aktiviti	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14
Konsultasi bersama pensyarah	10/10/2022- 29/1/2023													
Pembahagian kumpulan		17/ 10- 23/ 10												
Perbincangan bersama ahli kumpulan	10/10/2022- 29/1/2023													
Pemilihan tokoh dan tajuk			24/10- 6/11											
Pemilihan tarikh temubual awal					7/1 1- 13/ 11									
Penyediaan Kertas kerja				31/10/2022-29/1/2023										
Penyediaan surat menyurat				31/10- 13/11										
Mula menghubungi tokoh					7/1 1- 13/ 11				12/ 12- 18/ 12					

Melakukan Temubual awal							29/1 1/20 22							
Penyediaan soalan dan alatan					7/11/2022-15/1/2023									
Menentukan tarikh temujanji								29/11/2022 2						
Temubual dijalankan									22/1 2/20 22					
Penghargaan dan pembentangan									22/12/2022 - 29/1/2023					

## 12.8 Gambar, Sijil, dan Bahan Lain Yang Berkaitan






















KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

## WATIKAH PELANTIKAN

ini dianugerahkan kepada

**DATUK DR. ACP (K) MD. YUSOF BIN MD  
HASLAM**

sebagai

**CEO@PolyCC  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK  
DAN KOLEJ KOMUNITI**

bagi tempoh

**1 JULAI 2021 HINGGA 30 JUN 2023**



*Masuki*

**DATUK SERI DR. NORAINI AHMAD**  
Menteri Pengajian Tinggi







